


**Jilid IV
Bil. 10**



**Hari Isnin
12hb Mac, 1990**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1821]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989)

Jawatankuasa—

Jadual

**Maksud B.25 [Ruangan 1908]
Maksud B.26 [Ruangan 1927]
Maksud B.27 [Ruangan 1985]
Maksud B.30 dan B.32 [Ruangan 1985]
Maksud B.34 [Ruangan 1997]
Maksud B.53 [Ruangan 2008]**

KANDUNGAN—(samb.)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1989

Jawatankuasa—

Maksud P.26 [Ruangan 1927]

Maksud P.28 [Ruangan 1986]

Maksud P.42 [Ruangan 2002]

Maksud P.45 [Ruangan 2002]

Maksud P.47 [Ruangan 2008]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 1984]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDIEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.
S.S.S.A. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK LEE KIM SAI, D.S.S.A.,
P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., S.S.S.A., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin)
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).

- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Yang Berhormat DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, S.M.S., P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).

- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KTINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOMANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

Yang Berhormat DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 12hb Mac, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya soal, saya ingin menambah satu perkataan kepada baris ketiga iaitu selepas perkataan "perusahaan" ditambahkan perkataan "pengilangan", menjadi "perusahaan pengilangan".

Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama.

**INDUSTRI BARANGAN
GETAH/MINYAK SAWIT/
KAYU—PRESTASI DI BAWAH
PELAN INDUK
PERINDUSTRIAN**

1. **Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah prestasi program pembangunan perusahaan pengilangan yang dirancang di dalam Pelan Induk Pembangunan Perindustrian Negara sehingga akhir tahun 1989, khususnya di dalam bidang getah, kelapa sawit dan kayu-kayan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, industri barangan getah, industri minyak sawit dan industri berasaskan kayu merupakan tiga daripada 12 sektor industri yang disaran dimajukan di bawah Pelan Induk Perindustrian (PIP). Semenjak PIP dilancarkan pada tahun 1986, prestasi sektor getah dan kayu adalah menggalakkan terutamanya dari segi eksport.

Bagi industri barangan getah, PIP telah menetapkan sasaran eksport sebanyak \$478.4 juta pada tahun 1988, manakala eksport sebenar bagi tahun tersebut ialah sebanyak \$1,039.6 juta iaitu 117.3% melebihi sasaran yang ditetapkan oleh PIP. Untuk tahun 1989 (sehingga September), eksportnya ialah sebanyak \$956.5 juta iaitu 49.4% melebihi sasaran PIP bagi keseluruhan tahun tersebut.

Prestasi eksport yang menggalakkan ini adalah disebabkan oleh meningkatnya eksport bagi barangan berasaskan susu getah terutamanya sarung tangan pemeriksaan dan kondom.

Firma perunding yang dilantik telah selesai menjalankan kajian mengenai pembangunan industri tayar pada tahun 1989 dan laporan kajian berkenaan telah pun dikemukakan kepada Kerajaan pada awal tahun ini. Kerajaan berpendapat perlu dikaji semula strategi pembangunan industri berasaskan getah untuk diberi penekanan kepada usaha-usaha penyelidikan dan

pembangunan, menggalakkan peng-
gunaan barang-barang getah tertentu
dan mengadakan pelaburan di luar
negeri atau reverse investment sebagai
usaha mendapatkan pasaran bagi
barangan getah Malaysia.

Sebuah Jawatankuasa telah ditubuh-
kan untuk mengawal dan meningkatkan
kualiti barangan getah. Jawatankuasa
ini telah mengadakan lawatan-lawatan
ke kilang-kilang untuk menilai mutu
keluaran keluaran mereka di samping
memberi khidmat nasihat bagi mem-
peringkatkan mutu. Seminar-seminar
juga telah diadakan berhubung dengan
aspek pengawalan kualiti industri
getah. Di antara seminar yang diadakan
ialah dengan kerjasama Food and Drug
Administration Amerika Syarikat untuk
mewujudkan kualiti barangan keluaran
celupan getah terutamanya keluaran
sarung tangan getah untuk pasaran
eksporth.

Sementara itu Kerajaan akan
menjalankan kajian ke atas subsektor
barangan getah am dan perindustrian
bagi membolehkan satu program dan
strategi yang sesuai digubal.

Mengenai industri minyak sawit,
sasaran eksport yang ditetapkan oleh
PIP untuk tahun 1988 ialah 4.53 juta
tan metrik dan eksport sebenarnya ialah
4.34 juta tan metrik iaitu kurang 4.19%
daripada sasaran yang ditetapkan. Ini
adalah disebabkan oleh kejatuhan
permintaan terhadap minyak sawit
akibat dari pengurangan pembelian
oleh negara-negara pengimport utama
seperti India. Bagi tahun 1989
(sehingga September), eksportnya
adalah sebanyak 3.9 juta tan metrik.

Untuk makluman Ahli Yang Ber-
hormat, Kerajaan telah melancarkan
Tabung Galakan Minyak Sawit pada
tahun 1989 sebagai usaha khas dari
segi pemasaran untuk mencapai
matlamat-matlamat eksport yang telah

ditetapkan dalam Pelan Induk Per-
industrian. Di antara aktiviti-aktiviti
yang dijalankan di bawah Tabung ini
ialah mengadakan penyelidikan ber-
sama mengenai nilai-nilai pemakanan
minyak sawit dan juga pengiklanan
kebaikan minyak sawit di dalam
majalah antarabangsa yang ber-
sesuaian.

Pihak PORLA dengan kerjasama
Institut Penyelidikan Ekonomi
Malaysia (MIER) sedang mengadakan
kajian mengenai subsektor ini yang
dijangka siap tidak lama lagi. Tujuan
kajian ialah untuk mengenalpasti
masalah-masalah yang dihadapi oleh
industri dan keperluan rasionalisasi
supaya menjadi lebih kompetitif di
pasaran antarabangsa.

Bagi industri berasaskan kayu pula,
PIP telah menetapkan sasaran eksport
sebanyak \$2.13 bilion pada tahun 1988
manakala eksport sebenarnya ialah
\$3.2 bilion iaitu 49.7% melebihi
sasaran yang ditetapkan.

Untuk tahun 1989 sehingga
November, eksportnya ialah sebanyak
\$3.23 bilion iaitu 43.5% melebihi
sasaran PIP bagi keseluruhan tahun
tersebut. Prestasi eksport yang meng-
galakkan ini adalah disebabkan oleh
meningkatnya eksport kayu gergaji,
keluaran-keluaran panel, kayu kumai
dan perabot yang mana kesemuanya
telah melebihi sasaran eksport yang
ditetapkan bagi setiap subsektor ini.

Untuk mempercepatkan lagi per-
tubuhan sektor ini, Kerajaan telah juga
mengambil beberapa tindakan seperti
menubuhkan kompleks perabot yang
kini dalam peringkat pembinaan di
Olak Lempit, Selangor. Kompleks
perabot ini adalah untuk membantu
mempercepatkan perkembangan
industri perabot dengan menempatkan
pengusaha-pengusaha disatu kawasan
di mana mereka dapat berkongsi

kemudahan-kemudahan perkhidmatan yang disediakan.

Satu kajian telah dijalankan oleh sebuah syarikat perunding dengan tujuan untuk mengenalpasti "status industry" berasaskan kayu termasuk masalah-masalah yang dihadapi dan perakuan-perakuan untuk mengatasinya. Kini, syarikat perunding tersebut sedang dalam peringkat akhir penyediaan laporan yang akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk pelaksanaan.

Kerajaan telah menubuhkan pusat pengujian perabot di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dengan sokongan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia. Pusat ini berperanan di dalam memberi sokongan teknikal serta Quality Assurance Certificate untuk keluaran-keluaran perabot supaya mutu keluaran perabot mencapai piawaian negara-negara pengimport.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebutkan mengenai reverse investment. Saya ingin tahu apakah terjadi setakat ini usaha ura-ura untuk mengambilalih firma yang mengeluarkan tayar-tayar yang ternama di dunia seperti Michelin dan lain-lain sebagai mungkin satu usaha reverse investment.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, di bidang tayar seperti saya sebutkan tadi, ada satu laporan kajian berkenaan dengan bidang ini dan laporan kajian itu baru dihabiskan. Oleh kerana sekarang laporan itu ada dikemukakan kepada Kerajaan pada awal tahun ini, di sini saya tidak perlu mengkomen itu.

HOSPITAL KERAJAAN— UBAT KEPADA PESAKIT

2. **Dr V. David** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa hospital-hospital Kerajaan, dalam kebanyakan kalinya, menafikan ubat kepada pesakit-pesakit di atas sebab ianya tidak dapat diperolehi oleh hospital;
- (b) adakah beliau sedar bahawa pesakit-pesakit dikehendaki membeli ubatnya dengan sendiri, dan pesakit-pesakit menganggur dikehendaki membayar kos kemasukan dan rawatan; dan
- (c) jika ianya betul, bolehkah beliau menerangkan kepada Dewan ini tentang dasar Kerajaan di atas kemudahan perubatan kepada orang yang miskin dan yang memerlukannya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semua hospital-hospital Kerajaan adalah dibekalkan dengan ubat-ubat yang cukup mengikut senarai ubat-ubat yang telah pun diluluskan. Kita tidak menafikan pada ketika-ketika yang tertentu, oleh sebab-sebab masalah logistik mungkin berlaku di mana satu-satu ubat tidak dapat diberi kepada pesakit itu pada ketika itu. Bagaimanapun, dalam keadaan ini rawatan pesakit tidak terjejas dan oleh sebab ubat lain yang ada di hospital boleh digunakan sebagai alternatif buat sementara waktu.
- (b) Ubat-ubat yang digunakan di semua hospital Kerajaan adalah mengikut senarai ubat-ubat yang telah pun diluluskan. Senarai ini

mengandungi sebanyak 1,062 ubat dan adalah cukup untuk menampung keperluan rawatan semua penyakit. Doktor-doktor hanya akan mempreskribkan ubat-ubat seseorang pesakit untuk membelinya sendiri sekiranya pesakit berkenaan meminta menggunakan sesuatu ubat yang spesifik yang tidak terdapat di dalam senarai ubat-ubat Kementerian Kesihatan.

- (c) Mengikut dasar Kerajaan terhadap orang-orang miskin, mereka masih dan boleh menikmati kemudahan perubatan secara percuma. Mereka dikecualikan daripada membayar kesemua atau sebahagian daripada charge hospital. Dan sebenarnya Ketua Hospital atau seorang wakil yang dilantik olehnya boleh mengkecualikan mana-mana orang yang mengisytiharkan dirinya sebagai seorang miskin dari membayar semua ataupun sebahagian daripada charge bagi pesakit-pesakit luar dan pesakit-pesakit kelas tiga di bawah Perintah Fee Perubatan, 1982.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sekejap tadi bahawa semua hospital Kerajaan telah membekalkan secukup-cukupnya ubat-ubat kepada pesakit mengikut apa yang disenaraikan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta menguatkan suara sedikit.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: . . . mengikut apa yang disenaraikan tetapi dalam kenyataan akhbar hari ini tersiar dengan gambar-gambar sekali seorang isteri kepada seorang anggota FRU yang masih terlantar di hospital akibat accident

baru-baru ini telah menyatakan beliau merata-rata menjelajah tempat-tempat untuk mendapat ubat. Oleh kerana pihak doktor menyuruh beliau mencari ubat sebab bekalan di hospital tidak ada, jadi minta supaya membekalkan 26 botol dan dengan satu botol harganya \$60.00, beliau telah menghabiskan duitnya sebanyak \$700. Apa yang dinyatakan ini bercanggah dengan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalaulah anggota Kerajaan sendiri ataupun kakitangan Kerajaan sendiri telah menerima beban begitu, bagaimanakah orang-orang yang betul-betul miskin, yang tidak ada tempat perlindungan? Sebab FRU ini kita tahu ialah satu anggota yang amat dihargai oleh pihak Kerajaan tetapi apa yang dirasakan oleh isteri pada hari ini amat mendukacitakan. Saya ingin tahu apakah peristiwa itu berlaku?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah pun dilaporkan dalam akhbar hari ini, muka pertama *Berita Harian*, kita tidak menafikan. Kadang-kadang seperti saya katakan tadi oleh sebab masalah-masalah logistik, mungkin berlaku di mana sesuatu ubat itu tidak dapat diberi pada ketika itu. Tetapi seperti yang telah pun saya difahamkan ubat ataupun antibiotic yang diprescribkan tidak dapat dan tidak termasuk dalam kumpulan ubat-ubat yang telah diluluskan. Walau bagaimanapun, kita telah pun menyarankan, jika boleh, ubat-ubat yang sebagai alternatif diganti kepada ubat tersebut. Jadi, dalam keadaan sedemikian, pihak Kerajaan telah pun menasihati supaya ubat itu dibeli sendiri oleh pihak yang berkenaan sebab ianya belum termasuk ke dalam senarai yang saya sebutkan tadi. Jadi, soal berkenaan dengan percanggahan, tidak timbul, oleh kerana, dengan jelasnya saya telah terangkan tadi, dan kita tidak menafikan, bahawa

kadang-kadang pada masa-masa yang tertentu, kita tidak ada ubat sedemikian pada ketika itu.

Oleh kerana itu maka timbullah masalah yang disebutkan tadi. Pada umumnya kita telahpun mempunyai satu stok yang cukup mengikut senarai ubat-ubat yang telahpun diluluskan. Itulah maksud saya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bernasib baik sebab saya membaca suratkhbar dan dalam masa yang sama saya mendengar RMIK pagi tadi, Pengarah Hospital menjawab berlainan sedikit. Dia kata pada hari tersebut, hari Sabtu, jadi pihak Hospital tidak sempat mencari ubat dan 10 botol yang dicari itu memang mencukupi untuk hari ini. Jadi, makna kata 26 botol itu bukan untuk jangkamasa yang berkenaan. Tetapi Pengarah Hospital sendiri menjawab dia hairan kenapa isteri yang berkenaan disuruh oleh pihak Hospital. Dia kata dia hairan. Jawapan dalam radio saya dengar semasa saya datang ke pejabat. Pihak Hospital sendiri boleh mencari ubat yang berkenaan, tidak sepatutnya orang awam yang pergi mencari. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, ada sedikit percanggahan dalam jawapan Yang Berhormat dengan jawapan Pengarah Hospital. Boleh dengar balik jawapan dalam radio pagi tadi.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlalu spesifik, saya bukan seorang doktor. Walau bagaimanapun, jawapan umum telahpun saya beri, mungkin ketika yang disebut itu, ubat itu tidak ada dalam stok. Jadi, mengapa ia ditimbulkan sebagai isu "public". Bolehlah saya menyiasatnya dan jika sekiranya terdapat sesuatu yang kekurangan, kita boleh menampung kekurangan itu.

PADI—KELUARAN SEHEKTAR

3. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah sebabnya keluaran sehektar padi dari skim tanaman kita pada tahun ini begitu tinggi jika dibanding dengan tahun yang lalu, selain daripada "seedling" yang moden dan lebih baik. Bolehkah negara kita menjadi "self-sufficient" dari segi keluaran beras pada masa kini dan jika tidak apakah tindakan yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) berhubung dengan pengimportan beras dari luar negeri berapakah jumlah beras yang telah diimport ke dalam negara kita dalam jangkamasa tiga tahun lalu, dan berapakah tanaman yang telah dan sedang diimport dari sesuatu negara pada tiga tahun yang dahulu.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, menjawab bahagian:

- (a) hasil padi di kawasan yang dilengkapi dengan sistem pengairan biasanya berkisar dalam lingkungan 3.5 sehingga 4.5 metrik tan sehektar bersih satu musim. Hasil yang berada di tahap tinggi ini disebabkan oleh adanya bekalan air yang cukup, pembajaan yang baik, jenis-jenis variety yang teruji dan pengurusan ladang yang sempurna. Lazimnya perbezaan hasil antara musim dalam lingkungan 10% sehingga 15% adalah normal. Bagaimanapun, pada musim ini lebihan hasil daripada musim sebelumnya adalah lebih tinggi daripada

biasa. Ini disebabkan oleh 3 faktor utama:

- (1) cuaca yang baik, tidak ada kekurangan air berlaku dan tiada banjir;
- (2) pengurusan dan pengawalan yang efektif terhadap rumpai dan perosak-perosak; dan
- (3) penanaman jenis-jenis yang berpotensi hasil tinggi, umpamanya MR 84, MR 81, MR 71 dan MR 77.

Negara kita tidak dapat mencapai taraf saradiri dan pengeluaran beras kerana kawasan pengeluaran telah dihadkan, khususnya di kawasan granary, dengan izin, kepada 228,000 hektar manakala kawasan-kawasan bukan granary selebihnya iaitu lebih kurang 2,000 hektar tidak dilengkapi sepenuhnya oleh infrastruktur-infrastruktur yang sempurna. Ini adalah dasar Kerajaan kerana dari segi penggunaan sumber ianya adalah lebih menguntungkan bagi Malaysia untuk tidak mengeluarkan beras 100% kerana kos pengeluaran di Malaysia adalah tinggi daripada kos beras import. Bagaimanapun, atas sebab-sebab keselamatan, Malaysia kini mengeluarkan di antara 55% sehingga 60% tahap saradiri beras. Malaysia akan terus bergantung kepada import beras daripada negara-negara lain seperti Thailand, Burma dan lain-lain dengan kos yang lebih murah untuk menampung keperluan sepenuhnya.

Bagi jawapan soalan (b), jumlah beras yang telah diimport ke negara kita dalam jangkamasa tiga tahun yang lalu adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Kuantiti (tan metrik)</i>
1987	193,787.97
1988	288,915
1989	374,092.50

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Daripada jawapan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri tadi, saya ingin bertanya dari negeri-negeri manakah yang kita mengimport beras itu dan jumlahnya.

Yang kedua, saya ingin bertanya selalu kita mendengar beras wangi yang diseludupkan dari negeri Thailand ke Malaysia ini. Tidakkah ada cara supaya sawah-sawah yang ada di negara kita ini dapat ditanam padi ataupun beras wangi ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan yang pertama, sebenarnya kita mengimport beras daripada negara Thailand, Pakistan, Republik Rakyat China dan juga India, seterusnya dari Burma dan Australia. Sukalah saya menyatakan untuk pengetahuan Yang Berhormat, umpamanya daripada Australia kita mengimport beras dari jenis "Calrose", dari Burma bernama "Enata", dari India—Basmati, dari Republik Rakyat China—Jien Rice dengan izin, dan juga "white rice", daripada Pakistan—"Basmati" dan daripada Thailand—"white rice" ataupun 100% beras putih dan lain-lain lagi.

Tentang jumlahnya, saya telah menyatakan tadi. Berhubung dengan beras wangi ini, pada hari ini, ianya menjadi suatu komoditi yang benar-benar diperlukan oleh rakyat kita. Pada masa ini pihak MARDI masih menjalankan pengkajian yang rapi sama ada jenis beras ini boleh ditanam di tempat-tempat tertentu di negara kita ini. Walau bagaimanapun, dari segi bekalannya, ia boleh memenuhi hasrat rakyat yang ada pada hari ini, dengan cara mengimport dari luar negeri.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat

Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa Malaysia mengambil ataupun menggunakan dasar bahawa taraf saradiri bagi pengeluaran beras negara ialah 55% hingga 60% pada tiap-tiap tahun. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menampung kekurangan saradiri ini, berapa banyakkah beras yang distok pada tiap-tiap tahun dan untuk berapa lamakah sama ada 3 bulan ataupun 6 bulan stok-stok beras ini disimpan untuk menghadapi satu-satu kemungkinan, misalnya suatu darurat dan sebagainya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, beras merupakan komoditi yang bertaraf "security". Jadi, saya tidak boleh menyebut berapa jumlah yang kita simpan, tetapi memadailah saya katakan bahawa ianya mencukupi untuk kita membekalkan kepada rakyat kita di Malaysia ini.

EMPAT NOMBOR EKOR DI SABAH

4. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa hampir setiap hari cabutan Empat Nombor Ekor (Four Digit Draw) diadakan di Sabah oleh beberapa buah syarikat seperti Magnum, Lotteries Corporation Sabah, Toto dan Sandakan 4 D. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengawal kegiatan ini supaya ia tidak menjadi satu masalah kepada rakyat khasnya mereka yang berpendapatan rendah di negeri ini yang mungkin terpengaruh dengan kegiatan ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat soalan ini adalah sama dengan soalan Yang Berhormat dari Tawau dan ianya telah dijawab pada 7 Mac 1990.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

(Soalan No. 5 Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan tidak hadir)

JALAN DI TAR

7. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapa banyak dan panjang jalan-jalan di seluruh negara telah dinaikkan taraf untuk ditarkan pada tahun ini 1990 khasnya di negeri Kelantan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua jalan Persekutuan di Semenanjung termasuk Kelantan telahpun ditarkan kecuali beberapa batang jalan di FELDA iaitu sepanjang 554 km dan FELCRA sepanjang 66 km dirancang akan ditarkan pada tahun 1990. Bagi negeri Kelantan, jalan yang belum ditarkan iaitu jalan FELDA ialah sepanjang 30 km dan dirancang untuk ditarkan pada tahun 1990 ini.

Hampir sebahagian besar jalan Persekutuan di Sabah iaitu sepanjang 1,277 km dan di Sarawak sepanjang 663 km telah ditarkan. Manakala jalan-jalan FELDA di negeri Sabah dan Sarawak masih di dalam proses mungkin akan diambilalih sebagai jalan Persekutuan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Satu, penyusunan

untuk di“upgradekan” (naik taraf) ataupun diperbaiki jalan Kuala Kangsar—Grik dan saya ingin tahu bilakah rancangan ini ataupun mengelokkan alignment dan membesarkan jalan Kuala Kangsar—Grik ini akan dibuat dan bilakah dijangka ianya akan siap?

Yang kedua, pada setiap tahun biasanya Kerajaan Negeri akan mengemukakan kepada Kerajaan Pusat khasnya JKR untuk mengambilalih beberapa batang jalan Kerajaan Negeri untuk dijadikan jalan Federal. Ini mungkin kerana Kerajaan Negeri tidak cukup kewangan untuk membiayai dalam masalah maintenance, dengan izin, jalan-jalan yang berkenaan. Sehingga ini, berapa banyakkah jalan yang telah diambilalih oleh Federal daripada Kerajaan Negeri dan berapakah jauhnya ataupun panjangnya jalan-jalan yang telah diambilalih ini?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan Ahli Yang Berhormat ini, saya sendiri pun tidak berapa pasti jalan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini, tetapi ada beberapa batang jalan dalam negeri Perak yang akan dilaksanakan dalam tahun ini dan juga tahun akan datang, tetapi saya tidak berapa pasti, sama ada jalan yang disebutkan itu adalah di Grik—minta maaf.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai perkara berapakah jalan-jalan negeri yang diambilalih oleh Kerajaan Pusat untuk menjadi jalan Persekutuan, ini mesti kita teliti dengan baik dahulu oleh kerana di negeri Sabah, Sarawak dan di Semenanjung ini sejak beberapa tahun yang telah lampau sehingga ketika ini banyak jalan-jalan yang kita ambilalih supaya menjadi jalan Persekutuan, jadi saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat berapa banyak dan berapa panjang ataupun berapa kilometer panjang jalan-jalan

tersebut. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ada beberapa rayuan telahpun dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk memohon supaya jalan-jalan tertentu di beberapa tempat untuk menjadi jalan Persekutuan. Perkara ini sentiasa dipandang berat oleh JKR oleh kerana hampir semua negeri (state) di seluruh Malaysia ini membuat permohonan yang demikian akan tetapi oleh kerana kita kekurangan ongkos ataupun duit, kita harus memberi keutamaan kepada tempat yang tertentu yang mana kita fikir kita ambilalih dahulu dan kita akan mengambilalih dengan beberapa buah jalan yang dikehendaki menjadi jalan Persekutuan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan sebab saya tidak berapa jelas dan faham sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Satu, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kebanyakan jalan-jalan yang telah dinaiktaraf dan ditarkan selalunya mudah pecah dan mudah berlaku kerosakan?

Yang kedua, di antara sebab-sebab punca kepada kemalangan. Saya ingin tanya, susulan daripada soalan tadi, apakah berlaku penyalahgunaan dari segi rasuah ataupun seumpamanya di mana jalan-jalan ini yang dibina tidak mengikut spesifikasi, tetapi pihak kontraktor mendapat bayaran mengikut progressnya dan apabila jalan itu siap, mudah berlaku kerosakan. Kalau kita bandingkan dengan jalan-jalan yang dibina beberapa tahun yang lalu, ada jalan yang dibina zaman penjajah dahulupun masih belum rosak tetapi mengapa jalan sekarang ini apabila dibina mudah rosak. Yang kita tahu dan saya difahamkan kebanyakannya tidak mengikut spesifikasi dan tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan. Apakah ini berlaku?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun bukan engineer, saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat mengenai bagaimanakah jalan ini sudah dibuat, tidak lama pecah, tetapi bukan oleh kerana rasuah (corruption) sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kemungkinan besar oleh kerana keadaan tempat tidak sama —pada tempat yang tanah gambut tentu sekali kita tahu di tanah gambut ia sentiasa tenggelam dan juga lori balak dan sebagainya melalui jalan tersebut, tentulah ia pecah, dan juga ia bertanya mengapa ada banyak kemalangan (accident) di jalan-jalan raya, tentu sekali di mana-mana tempat pun di Europe, di Amerika, bukan di negara kita sahaja yang mengalami accident, saya ingat kebanyakan accident yang berlaku adalah daripada kecuaiian orang yang memandu kenderaan di atas jalanraya.

Kadang-kadang mereka ini tidak hirau dengan keselamatan orang lain jikalau mereka memandu, misalnya trailer ataupun lori besar, ia tidak peduli, kadang-kadang ia makan jalan orang, tentu sekali akan melibatkan kemalangan (accident). Saya fikir setakat itu yang saya dapat terangkan kepada Ahli Yang Berhormat.

PANDUAN AGAMA MENGENAI AL-QURAN

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau bercadang untuk membekalkan huraian mengenai topik-topik dalam ayat-ayat suci Al-Quran dan panduan-panduan agama yang menjadi asas bagi mata pelajaran sains, matematik, geografi dan sebagainya supaya membantu guru-guru dalam pengajarannya sesuai dengan objektif KBSM untuk membuktikan bahawa ISLAM adalah menjadi pedoman bagi sistem pendidikan yang

menolak tuduhan dan anggapan bahawa sistem pendidikan kita dipengaruhi oleh sekularism.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telahpun memasukkan huraian mengenai topik-topik dalam ayat-ayat suci Al-Quran dan panduan-panduan agama yang menjadi asas bagi mata-pelajaran Sains, Matematik, Geografi dan sebagainya dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM secara bersepadu.

Di samping itu, langkah-langkah untuk menerangkan kepada guru-guru dalam kursus yang dijalankan telah diambil dan bahan-bahan yang sesuai seperti video sedang disediakan untuk membantu guru-guru melaksanakannya dengan baik dan berkesan. Tindakan ini diambil untuk memastikan agar hal-hal yang bercanggah dengan prinsip Ketuhanan dihapuskan. Ini juga menunjukkan bahawa KBSM tidak bercorak sekular.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Pada tahun lepas dan akhir tahun lepas, guru-guru kebanyakannya dibawa mengikuti kursus pada hujung minggu. Dalam tahun ini saya dapati banyak guru-guru yang dibawa berkursus dalam jangkamasa yang agak panjang, iaitu satu setengah bulan hingga dua bulan sepanjang masa persekolahan. Sebaliknya, Kerajaan mencadangkan untuk menambahkan prestasi pengajaran kanak-kanak di sekolah, tetapi ramai guru-guru yang telah dibawa dan menyebabkan guru-guru di sekolah terpaksa mengganti guru-guru yang telah menghadiri kursus. Ada guru-guru yang tidak ada

masa rehat langsung. Soalan saya, apakah tidak ada masa lain maka kursus ini mesti dibuat? Yang kedua, apakah guru-guru yang menggantikan guru yang berkenaan dapat memberi pengajaran yang baik seperti yang telah diberi oleh guru yang telah menghadiri kursus kerana guru-guru di sekolah ada mempunyai kepakaran dalam subjek-subjek yang tertentu?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak berkaitan dengan soalan asal, tetapi saya ingat bolehlah juga jawab. Sebenarnya tidak ada pilihan . . .

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak berkaitan, tidak jawab pun tidak apalah!

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tidak apalah, terima kasih.

Tuan Haji Mohammed Yussof bin Haji Abdul Latif: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat tertarik dengan soalan asal tadi. Tetapi saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, sebelum panduan agama daripada ayat-ayat Al-Quran dijadikan asas bagi pelajaran Sains, Matematik dan lain-lain, sejauh manakah pencapaian anak-anak Islam dari segi membaca, mengenali dan menghafaz ayat Quran sejak 8 tahun dilancarkan sistem KBSR di sekolah-sekolah rendah? Adakah pihak Kementerian sudah membuat kajian, kalau sudah apakah hasilnya?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat berkenaan dengan soalan Yang Berhormat, tetapi saya kira pihak Kementerian akan mengambil perhatian mengenai soalan ini.

INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA

9. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan maktab-maktab per-sendirian di dalam negara ini dengan memberi nama maktab-maktab tersebut dan bilangan pelajar-pelajar di setiap maktab;
- (b) apakah diploma-diploma yang diiktiraf oleh pihak Kementerian dari maktab-maktab ini masing-masing.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa jenis institusi pendidikan swasta yang menjalankan beberapa jenis kursus atau program pendidikan di peringkat selepas menengah. Oleh kerana bilangannya banyak, adalah sukar untuk kita senaraikan di sini. Walau bagaimanapun, mengikut jenis kursus, bilangan institusi-institusi tersebut adalah seperti berikut:

<i>Jenis Kursus</i>	<i>Bilangan Institusi</i>
Pra-Universiti Luar Negeri	42 buah
Profesional dan separa-Profesional	71 buah
Advance Standing	5 buah
Pemindahan kredit	7 buah
Ijazah Bachelor of Law (LLB) (London University)	23 buah
Ijazah Bachelor of Science (Econ) (London University)	5 buah
Program Berkembar (Twin)	10 buah

Kementerian Pendidikan tidak dapat memberikan perangkaan yang tepat mengenai bilangan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus di setiap institusi berkenaan kerana bilangan pelajar di institusi-institusi itu sering berubah disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah, kita tahu bahawa pengambilan pelajar-pelajar dilakukan dalam institusi ini adalah sepanjang tahun; dan pelajar-pelajar juga meninggalkan

kursus dalam jangka sepanjang tahun itu.

Untuk soalan kedua, pengiktirafan sijil, diploma atau ijazah yang ditawarkan oleh institusi-institusi pendidikan swasta ini sebenarnya tidak dilakukan oleh Kementerian Pendidikan, sebaliknya dibuat oleh Urusetia Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan, Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pendidikan Awam.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan saya sedikit spesifik tentang TAR College. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan ini, apakah diploma-diploma yang telah diiktirafkan oleh Kerajaan dari segi kursus-kursus yang ditawarkan oleh TAR College ini seperti yang dijamin oleh pemimpin-pemimpin MCA beberapa dekad.

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah yang terjadi dengan permohonan untuk menubuhkan Southern College seperti yang dijamin oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional di dalam pilihanraya kecil di Johor Bahru? Adakah ini satu jaminan kosong "Jest in the box" ataupun masih di bawah kajian, adakah komiti ditubuhkan untuk mengkaji kemungkinan, ataupun keputusan pencapaian sudah ditetapkan untuk meluluskan permohonan untuk menubuhkan Kolej tersebut?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan Ahli Yang Berhormat yang pertama, bahawa keputusan-keputusan dan permohonan-permohonan yang telah dibuat mengenai mengiktirafkan Diploma daripada TAR College telahpun diselesaikan dan pernah dijawab dalam Dewan ini dan TAR College bukannya dimasukkan di dalam Kolej swasta yang saya senaraikan di sini.

Perkara yang kedua itu memang masih dalam pertimbangan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang kita lihat begitu banyak sekolah-sekolah ataupun kolej-kolej swasta yang ditubuhkan. Saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian mengawasi penubuhan mereka ini kerana kita takut nanti begitu banyak, mereka ini hanya berkehendakkan untuk mencari kewangan sahaja tanpa memikirkan apa yang akan terjadi kepada penuntut-penuntut ini apabila mereka belajar. Ini saya lihat umpamanya di Petaling Jaya, begitu banyak kolej-kolej ini tumbuh dan kita takut nanti anak-anak kita terpedaya dan mereka tidak akan dapat pergi ke mana-mana hanya untuk belajar bagi menampung dan membayar wang yuran mereka.

Di samping itu juga, saya ingin bertanya apakah pihak Kementerian juga menghadkan yuran-yuran yang dikhaskan kepada penuntut-penuntut ini untuk belajar di kolej-kolej yang ditetapkan ini. Begitu juga adakah pihak Kementerian mengawasinya, kerana kita lihat sekarang ini mereka mengatakan di dalam suratkhbar dan seterusnya, asrama dan sebagainya disediakan untuk penuntut-penuntut yang jauh datang ke Kuala Lumpur dan mereka mencari asrama-asrama, tetapi mereka diberikan rumah-rumah kosong untuk disewa, dan di rumah-rumah kosong ini mereka dicampur-adukkan—lelaki dan perempuan dengan tidak ada jagaan. Ini juga menjatuhkan moral anak-anak kita, kalau mereka tidak dijaga oleh Kementerian ataupun pihak-pihak yang berkenaan.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu yang boleh dikatakan merangkumi pendidikan swasta, bolehlah saya jawab bahawa dari segi pengawasan yang kita

sedia ada dalam Akta Pendidikan kita ialah dalam pembentukan atau meluluskan kolej-kolej swasta dan sekolah-sekolah swasta mengikut syarat-syarat tertentu yang kebanyakannya adalah tertumpu kepada infrastruktur dan kemudahan-kemudahan, tetapi kini Kementerian Pendidikan telah pun mengambil kira perkara-perkara dan masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan dalam kita menggubal Akta Pendidikan yang sedang kita bincangkan, kita mengambil berat bahawa pertimbangan harus diberikan juga dari segi pendidikan swasta selepas peringkat SPM.

Dari segi jagaan dan lain-lain, perkara itu ialah dari segi pengurusan sekolah-sekolah ini, dan kita dapat memberikan syarat-syarat tertentu, tetapi dalam menguruskan ini, adalah terpulang kepada pihak-pihak yang menguruskan dan dari segi ongkos atau kos pelajaran di dalam pendidikan swasta ini, kita tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan kerana dalam segi ini adalah satu urusan mengikut keperluan pihak-pihak tertentu yang telah membangunkan sekolah-sekolah swasta ini dan yang kita perlu awasi ialah mereka ini tidak memperdayakan pelajar-pelajar kita di sekolah-sekolah mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari.

(Soalan No. 10 Y.B. Dato' Zainal Abidin bin Johari tidak hadir)

EKSPORT KAYU BALAK— PENGHARAMAN

11. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebarang kemajuan yang telah dicapai dalam perbincangan di antara pihak Kerajaan Negeri Sarawak dengan pihak Kerajaan Persekutuan ke arah

pengharaman eksport kayu dari negeri Sarawak dalam bentuk balak, khususnya di dalam beberapa aspek seperti berikut:

- (a) apakah jadual "log retention quota" telah disediakan, peringkat demi peringkat, dari 15% sekarang sehingga 100% pada akhirnya untuk menentukan sumber-sumber kayu supaya menemui keperluan industri berbasas kayu tempatan; dan
- (b) apakah langkah-langkah sedang diambil untuk membina Bintulu sebagai pusat pemerosesan kayu, supaya negara kita dapat 'added value' dalam mengeksportkan barang-barang yang dibuat dari kayu.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Mohd. Ali): Tuan Yang di-Pertua, satu perbincangan telah diadakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan Kerajaan Sarawak pada bulan Januari tahun ini bagi menerangkan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menggalakkan pertumbuhan industri pemerosesan hiliran melalui pengurangan eksport balak secara berperingkat-peringkat. Saranan ini telah disambut baik oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan di samping perancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri dengan memperuntukkan 15% pengeluaran balak bagi keperluan industri tempatan pada masa ini dan kadar ini akan ditingkatkan kepada 30% menjelang tahun 1995.

Berhubung dengan pertanyaan di perenggan (a), Kementerian saya sedang membuat kajian dan perbincangan akan diadakan terlebih dahulu dengan Kerajaan Sarawak supaya "log retention quota", dengan izin, yang ditetapkan dapat memenuhi keperluan industri tempatan di samping mencapai tahap pengeluaran balak secara penghasilan berkekal.

Mengenai perkara (b), sukalah saya maklumkan bahawa Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) sedang berusaha untuk memajukan tapak seluas 425 hektar di Bintulu untuk menempatkan tapak perindustrian berasaskan kayu yang dikenali sebagai Estet Perindustrian Kemena.

Pembinaan Fasa 1 yang mengandungi 170 hektar telahpun disiapkan yang berharga kira-kira \$12 juta, merangkumi penyediaan kemudahan infrastruktur seperti jalan, sistem perparitan dan pembetulan, bekalan air dan elektrik serta kemudahan perkhidmatan telekomunikasi.

Hasil dari promosi yang berterusan, BDA telah menerima tidak kurang daripada 50 permohonan daripada pelabur-pelabur untuk mendirikan kilang di tapak berkenaan. Daripada jumlah ini, 20 buah syarikat telahpun diluluskan. Terdapat syarikat-syarikat yang telah memulakan kerja pembersihan tapak dan pembinaan bangunan kilang. Lokasi estet ditebing sungai Kemena telah memudahkan sistem pengangkutan balak untuk diproses di estet-estet yang berkenaan di samping dihubungi pula dengan jalan raya yang baik dengan Pelabuhan Air Dalam Bintulu yang menyediakan kemudahan eksport.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini masalah mengeksport ataupun kuota eksport barang-barang ataupun kayu kayan daripada negara kita ini biasanya berlandaskan kepada pengeluaran yang mampu dikeluarkan oleh negara sendiri. Saya percaya bahawa Kerajaan Persekutuan khasnya Kementerian ini sudah pun merancang untuk mengadakan satu sekatan supaya kawasan "green" khasnya kawasan balak tidak berkurangan. Seluruh dunia akan menghadapi satu perubahan iklim yang kawasan hijau akan berkurangan dan dengan itu ianya mungkin akan terlibat

di negara kita dalam satu masa yang akan datang.

Soalan saya, adakah perancangan yang telah disusun oleh Kementerian ini dihormati oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, kerana Kerajaan-kerajaan Negeri biasanya yang mengeluarkan kebenaran untuk membalak di kawasan-kawasan tanah Kerajaan. Dan berapa banyakkah kawasan-kawasan balak yang telah ditebang berlebihan daripada sepatutnya yang patut kita imbangkan dengan keperluan negara keseluruhannya.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang keperluan memelihara hutan kita bukan sahaja untuk kepentingan archaeology tetapi juga untuk kepentingan generasi yang akan datang. Dan untuk mencapai matlamat ini pihak Kerajaan Malaysia telah menyusun satu dasar yang dipatuhi sepenuhnya untuk diikuti oleh semua Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia ini.

Melalui dasar-dasar yang ditetapkan dan diputuskan dalam Majlis Perhutanan Negara, Kerajaan Sabah dan Sarawak walaupun menjadi anggota kepada Majlis ini tidak terikat dengan Akta Perhutanan yang ada sekarang. Bagaimanapun mereka sebolehnya mengikuti dan menyetujui apa juga yang diputuskan oleh Majlis Perhutanan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal pemeliharaan hutan ini sebenarnya telah banyak dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini barangkali Yang Berhormat dari Bagan Serai selalu sibuk berkempen untuk partinya dan jarang menghadiri Dewan yang mulia ini, sebab itu dia kurang tahu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya rasa soalan saya itu tidak terkeluar. Saya tanya apakah yang ada pada hari

ini, bukan masalah kempen. Jadi, tidak ada soalan kempen—jawab kempen ini, apa benda ini (*Ketawa*).

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit kurang faham, kenapa rancangan untuk mengurangkan eksport kayu-kayan dalam bentuk balak cuma sampai peringkat menjelang tahun 1995 sahaja. Apakah rancangan tetap sudah dirumuskan untuk log retention quota itu dilanjutkan sebagai satu rancangan jangka panjang untuk akhir-akhir ini mengharamkan eksport kayu-kayan dalam bentuk balak sama sekali supaya:-

- (1) Conserve hutan-hutan di negeri Sarawak itu;
- (2) Untuk mendatangkan faedah kepada industri berasaskan kayu. Tuan Yang di-Pertua, di antara syarikat-syarikat yang dibenarkan untuk mendirikan kilang di kawasan BDA itu, berapakah ada syarikat-syarikat Malaysia tempatan dan berapa peratuskah ada syarikat-syarikat yang melibatkan pelaburan dari luar negeri itu.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, program jangka panjang untuk memelihara hutan dalam negara kita telahpun dirangka dan apa yang dibuat dan dirancangkan sekarang ini ialah untuk melanjutkan seboleh-boleh mungkin pengeluaran hasil hutan kita dalam jangka waktu yang panjang dan kita menjangka sekiranya program ini diikuti sepenuhnya maka pengeluaran hasil daripada hutan tidak akan putus buat selama-lamanya.

Mengenai soalan yang kedua, syarikat-syarikat yang telah diluluskan setakat ini beberapa buah daripadanya adalah syarikat daripada luar negeri, ada juga beberapa buah syarikat tempatan dan ada juga beberapa buah syarikat usaha bersama antara

pengusaha dalam negeri dan pengusaha luar negeri. Saya tidak ada angka yang tepat pada masa ini, dan kalau Yang Berhormat berminat, saya akan beritahu kemudian.

BANTUAN KELUARGA TERMISKIN

12. Tuan Haji Mohamad Subky bin Haji Abdul Rauf minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bantuan yang sudah dikeluarkan kepada keluarga termiskin semenjak ianya dilancar hingga akhir tahun 1989. Sila senaraikan mengikut negeri-negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, dari maklumat yang diterima dari Kementerian/Jabatan yang berkenaan, jumlah bantuan yang sudah dibelanjakan semenjak program ini dilancarkan hingga akhir tahun 1989 ialah sebanyak \$173.5 juta. Perbelanjaan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

<i>Negeri</i>	<i>Perbelanjaan (\$)</i>
1. Johor	13,591,485
2. Kedah	20,808,388
3. Kelantan	17,960,581
4. Pahang	24,801,842
5. Perak	17,094,252
6. Perlis	6,260,948
7. Pulau Pinang	9,605,453
8. Terengganu	16,673,583
9. Selangor	12,546,707
10. Melaka	6,175,134
11. Negeri Sembilan	4,907,407
12. Sabah	9,784,920
13. Sarawak	4,411,049
14. Wilayah Persekutuan	8,864,687
<hr/>	
173,486,436	

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah bentuk bantuan projek untuk keluarga termiskin ini, kerana salah satu yang kita fahamkan

ialah bantuan memperbaiki rumah orang-orang miskin di antara \$1,500 ke \$2,000 dan sekarang ini naik \$3,000. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bantuan seumpama itu tidak mencukupi, kerana kayu yang dihantar sekarang, kayu biskut orang panggil, kayu rapuh yang mudah rosak dan tidak berketam.

Di samping itu pula apakah Yang Berhormat sedar berlaku penyalahgunaan. Saya difahamkan di kawasan saya sendiri di Pasir Mas sebagai contoh, mungkin selepas dengar berita ini, dia nafi nanti, tetapi saya tahu perkara itu berlaku, ada di kalangan mereka yang terima salah seorang daripadanya Penghulu, dia buat setor kereta, ertinya dia tidak patut terima bantuan itu dapat kepada orang yang tidak patut terima dan sehingga bantuan ini timbul pergaduhan di kalangan ahli-ahli parti pemerintah sendiri. Apakah Kerajaan sedar perkara ini berlaku? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, berbagai bentuk program telah dibekalkan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang terbahagi kepada dua bentuk: satu berbentuk bukan pertanian dan kedua yang bercorak dari program yang terpilih di sektor pertanian. Bagi yang berbentuk bukan pertanian, di antara yang terpilih yang termasuk seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, selain daripada bantuan membina rumah atau membetulkan keadaan rumah adalah khutubkhanah desa, bantuan kanak-kanak, bantuan orang-orang tua, elaun pekerja cacat, program kekurangan zat makanan kanak-kanak, bantuan rancangan makanan tambahan dan program susu sekolah, skim pinjaman buku teks, industri kampung. Jadi ini adalah di antara sebahagian program terpilih bukan pertanian.

Berkenaan dengan tuduhan Yang Berhormat yang ada mengatakan bahawa dalam melaksanakan program ini ada dikatakan bahawa bahan yang disampaikan itu adalah bahan yang tidak ada gunanya. Kalau Yang Berhormat betul-betul ada maklumat, sila sampaikan kerana saya kira tidak gunalah kalau kita ada sistem pentadbiran bagi pihak Kerajaan yang selama ini telah menampakkan begitu berkesan sekali dalam melaksanakan program-program pembangunan Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, program ini adalah satu program yang sangat baik, tetapi memandangkan masih ramai lagi mereka yang miskin dan perlukan bantuan dan Kerajaan juga sedar banyak lagi yang perlu, apakah rancangan-rancangan serta langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan bahawa golongan yang miskin ini benar-benar rata serta menyeluruh bentuk sifat bantuannya. Apakah langkah dan rancangan seterusnya?

Kedua, memandangkan banyak sangat tuduhan-tuduhan liar, fitnah-fitnah yang tidak bertanggungjawab sebagaimana yang kita dengar daripada rakan kita tadi, apakah pihak Kerajaan bercadang untuk . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini soal pihak di sanalah. Hendak berdebat, kita berdebat nanti.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak payahlah point of order, janganlah marah, steadylah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bukan marah, biarlah ada maruah sedikit. Ini soal-jawab.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order nombor berapa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tengok sendirilah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Nantilah, saya tanya Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, sila teruskan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tengok, Tuan Speaker sebelah saya. (*Ketawa*) Memandangkan banyaknya tuduhan-tuduhan liar, fitnah-fitnah sebagaimana yang dibangkitkan kali yang kedua tadi, apakah langkah-langkah serta tindakan Kerajaan bagi memastikan bahawa bantuan ini dapat berjalan dengan lancar dan licin kerana saya fikir selagi adanya fitnah yang berbentuk ini selagi itulah perasaan dan cita-cita Kerajaan akan digoncangkan, perasaan rakyat akan dimusnahkan. Apakah cara dan tindakan supaya mereka faham dan sedar?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan bahawa di dalam menganggarkan peruntukan untuk tujuan melaksanakan program kemiskinan ini telah diturunkan jumlah yang telah dibelanjakan, tetapi masih ada lagi jumlah tambahan ataupun baki peruntukan yang telah dianggarkan berasaskan kepada maklumat yang telah disampaikan oleh pihak pelaksana. Jadi, oleh kerana program ini berterusan maka masih ramai lagi yang

perlu diberi perhatian melalui proses-proses yang telah ditetapkan, insya Allah, dapat dilaksanakan oleh peringkat pelaksana di peringkat daerah, kawasan dan negeri.

Untuk mengelakkan salah sangka atau buruk sangka di pihak-pihak yang tertentu dan sengaja mengambil atau mengeksploitasikan isu-isu daripada kesan program ini, pihak Kerajaan sentiasa terbuka dengan memberi peluang bagi penilaian program ini dan melibatkan peserta ataupun pihak-pihak tertentu di peringkat kawasan setempat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bangkitkan soalan yang ke 13, saya ingin memohon supaya ejaan nama saya dibetulkan dalam Kertas Aturan Urusan Mesyuarat sebagai "Keat" dan bukannya "Kiat".

Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 13.

KAD PENGENALAN BIRU KEPADA PESARA POLIS

13. **Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan bekas anggota Polis dan Pasukan Keselamatan yang tidak diberi kad pengenalan biru selepas bersara. Adakah ini bermakna mereka ini bukan warganegara Malaysia semasa berkhidmat. Sekiranya tidak, mengapa keadaan tersebut berlaku.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Ahli Yang Berhormat adalah hampir sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dan telahpun dijawab pada 28.2.90. Oleh itu, saya tidaklah bercadang untuk menjawabnya sekali lagi.

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab, macam mana? (*Ketawa*) (*Disampuk*) Secara bertulis, Yang Berhormat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan itu tidak sempat dijawab, bermakna Ahli Yang Berhormat tersebut akan menerima jawapan soalan itu.

Tuan Chian Heng Kai: Bolehkah saya tanya soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, tanyalah.

Tuan Chian Heng Kai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, point of order.

Tuan Shahidan bin Kassim: Masa cukup. (*Ketawa*)

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua telahpun beri peluang kepada saya dan diucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut Perlembagaan kita, Kerajaan berhak menganugerahkan kewarganegaraan kepada orang yang berkenaan mengikut Perkara 30 (1) Perlembagaan. Dalam jawapan Yang Amat Berhormat kepada saya pada 28hb Februari, beliau berkata Kerajaan boleh menganugerahkan

kewarganegaraan kepada mereka mengikut Perkara 30 (1) Perlembagaan Persekutuan adalah mengikut merit tertentu. Soalan tambahan saya ialah apakah pesara-pesara Polis atau bekas Polis, adakah mereka ada merit atau tidak oleh kerana mereka telah berkhidmat kepada negara kita 30 tahun, ini satu masa yang agak panjang. Jadi, saya menyeru kepada Kerajaan supaya menganugerahkan kewarganegaraan kepada mereka. Apakah merit itu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut merit mereka dapat dipertimbangkan, kita akan pertimbangkan. Kita tidak pernah kata kita hendak menolak.

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 6, 10 dan 14 hingga 57 adalah diberi dibawah ini*).

HOSPITAL KERAJAAN— KEKURANGAN DOKTOR/JURURAWAT

5. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kesihatan menyatakan sehingga bulan Disember, 1989 berapa buah hospital di negara ini mengalami kekurangan doktor, jururawat dan pembantu hospital sekarang ini. Dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasinya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Pada masa ini sebilangan besar

hospital-hospital di Kementerian Kesihatan mengalami kekurangan doktor, jururawat dan pembantu hospital.

Sehingga bulan Disember 1989, pengisian untuk jawatan pegawai perubatan di hospital-hospital ialah 85.4%, jawatan jururawat sebanyak 91.1% dan jawatan pembantu perubatan sebanyak 95.7%.

Untuk mengatasi masalah kekurangan doktor, jururawat dan pembantu perubatan, Kerajaan telah, sedang dan akan mengambil tindakan berikut:

- (i) Menambah pengambilan pelajar dalam jurusan perubatan di Universiti-Universiti tempatan. Kerajaan juga akan meneruskan usahanya untuk terus menghantar penuntut-penuntut perubatan ke Universiti-universiti di luar negeri.
- (ii) Bagi jangka pendek, pengambilan pelatih-pelatih jururawat dan pembantu perubatan di Sekolah-Sekolah Latihan Kementerian Kesihatan akan ditambah.

Bagi jangka panjang, beberapa kemudahan untuk melatih jururawat dan pembantu perubatan akan ditambah di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RM6).

- (iii) Kementerian juga akan terus berusaha mengadakan berbagai kemudahan dan memberi perhatian sewajarnya dalam memperbaiki suasana kerja bagi semua kakitangannya, termasuk doktor, jururawat dan pembantu perubatan untuk mendorong mereka terus berkhidmat dengan Kerajaan. Kemudahan-kemudahan ini telah diper-tetapkan oleh Kerajaan meng-ikut kelayakan masing-masing.

SKIM ASN DIURUSNIAGAKAN DALAM PASARAN

6. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa ASN akan disenaraikan didalam KLSE mengikut jangkaan pada tahun 1991. Kiranya benar adakah semua saham-saham ASN akan diberikan nilai yang sama termasuk yang baru dibeli pada akhir tahun 1990 nanti. Apakah persiapan-persiapan yang telah dibuat dan dirancangkan agar penyenaarai ini tidak akan merugikan kaum bumiputera dalam penguasaan ekuiti dan juga agar inflasi tidak berlaku dalam negara.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Adalah tidak benar Skim Amanah Saham Nasional akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur pada tahun 1991. Apa yang sebenarnya akan dilaksanakan mulai 1 Januari 1991 itu ialah Skim ASN akan diurusniagakan mengikut harga pasaran dan ini dikendalikan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) sendiri.

Apabila diurusniagakan kelak nilai saham-saham ASN akan ditentukan mengikut turun naik harga saham pelaburan Skim ASN di pasaran pada tiap-tiap hari.

Bagi pulangan kepada pelabur-pelabur ASN ada formula tertentu yang digunakan untuk mengira pulangan ke atas pelaburan yang telah lama dibuat atau baru dilaburkan dalam skim ASN. Ini untuk mengelakkan pelaburan yang dibuat semata-mata untuk mendapat keuntungan modal.

Pihak PNB/ASNB telah merancangkan kempen penerangan yang meluas bagi semua lapisan masyarakat bumiputera mengenai faedah-faedah pelaburan dalam Skim ASN dan pelaburan dalam Skim ASB. Adalah diharapkan masyarakat bumiputera akan menjadi lebih arif mengenai

pelaburan dan faedah-faedah mengekalkan pelaburan secara jangka panjang tanpa mementingkan keuntungan modal jangka pendek, yang pasti akan hilang sekelip mata jika dibazirkan. Dengan kesedaran ini daripada bumiputera barulah boleh diharapkan pegangan bumiputera dalam sektor korporat terus kekal dan meningkat seterusnya.

HOSPITAL LADANG DI KEDAH

10. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan keadaan rumah sakit di ladang-ladang di negeri Kedah khususnya di Kuala Ketil dan Bedong.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Negeri Kedah mempunyai sebanyak 11 buah hospital ladang, di mana dua di antaranya terletak di Kuala Ketil dan dua lagi di Bedong di Daerah Sungai Petani. Kesemua 11 buah hospital ladang di negeri Kedah ini mempunyai kelengkapan yang perlu. Kakitangan yang digajikan terdiri daripada seorang doktor sepenuh masa, 5 jururawat, 20 pembantu hospital dan 47 pekerja am. Terdapat juga doktor-doktor pelawat. Dalam tahun 1988 hospital-hospital ladang negeri Kedah telah memberi perkhidmatan rawatan kepada 121,898 orang pesakit luar. Seramai 3,147 pesakit diberi rawatan dalam wad hospital-hospital ladang.

KEMAS—MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG USNO

14. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bahawa terdapat beberapa orang PM R.P.T., PM TBK, Guru TADIKA telah diarah untuk datang ke Mesyuarat Agung

USNO pada 18.1.90. Nyatakan dalam erti kata yang sebenar-benar bahawa kegiatan berpolitik sedemikian itu adakah sebahagian daripada tanggungjawab KEMAS di peringkat Negeri Sabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak pernah mengeluarkan arahan kepada anggotanya untuk menghadiri Mesyuarat Agung USNO pada 18-1-1990.

Kementerian ini juga tidak pernah mengeluarkan arahan kepada anggotanya untuk memihak kepada mana-mana parti politik di negeri Sabah.

Setiap anggota KEMAS diamanahkan untuk mengembling tenaga ke arah membangunkan masyarakat setempat selaras dengan dasar-dasar Kerajaan. Walau bagaimanapun, mereka bebas menganggotai dan bergiat dalam mana-mana parti politik, tertakluk kepada peraturan-peraturan biasa.

HOSPITAL LADANG DI MALAYSIA— PERKHIDMATAN

15. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kerajaan sedar tentang satu laporan baru yang dikeluarkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia yang mendedahkan bahawa dalam satu kajian yang dijalankan di dalam 67 buah ladang di Semenanjung Malaysia didapati hanya sebuah ladang menggaji seorang doktor penuh masa dan tidak ada sebuah ladang pun yang menggajikan seorang jururawat, pegawai pergigian, jururawat pergigian atau merinyu kesihatan, hanya 12 ladang mempunyai hospital tetapi tidak mempunyai apa-apa kemudahan seperti X-ray, makmal, bank darah dan lain-lain; apakah tindakan segera yang

diambil untuk memperbaiki keadaan ladang-ladang di negara ini.

Dato' K. Pathmanaban: Kerajaan sedar tentang laporan itu, bertajuk "A Study on the Health Care Delivey System in Plantations in Peninsular Malaysia". Kajian yang dijalankan oleh Persatuan Perubatan Malaysia tersebut hanya melibatkan sejumlah 67 buah ladang-ladang di Negeri-negeri Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, dan Kelantan di Semenanjung Malaysia. Hasil tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Buruh sendiri di 873 buah ladang pada tahun 1989, terdapat sebanyak 65 buah hospital ladang di seluruh Malaysia. Hospital-hospital ini telah memberi perkhidmatan kepada 62,685 pekerja dan 105,484 tanggungan mereka pada tahun 1988. Di 65 buah hospital itu terdapat seramai 3 orang doktor sepenuh masa yang tinggal di ladang, 67 orang doktor pelawat 108 orang pembantu hospital dan 5 orang juru-rawat yang digajikan. Adalah tidak praktikal untuk setiap estet menggajikan seorang doktor sepenuh masa.

Mengikut undang-undang yang sedia ada, tiada kewajipan bagi majikan-majikan ladang supaya menggaji pegawai pergigian, juru-rawat pergigian atau merinyu kesihatan, serta mengadakan perlatan-perlatan seperti X-ray, makmal dan bank darah. Perkhidmatan-perkhidmatan ini lebih sesuai diperolehi dari hospital-hospital Kerajaan atau hospital swasta yang berhampiran.

Kerajaan sedang mengambil tindakan yang perlu untuk membaiki kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan di ladang-ladang di negara ini. Perhatian diberi dalam hal ini, untuk mempertimbangkan tindakan-tindakan "preventive" serta juga perkhidmatan "curative", dengan mendaftarkan hospital-hospital ladang di bawah Akta Hospital Swasta, serta

mengeratkan perhubungan hospital-hospital dan klinik-klinik ladang dengan Perkhidmatan Kesihatan Kerajaan pada amnya.

PROJEK PERUMAHAN— MENYEDIAKAN PERPARITAN LONGKANG

16. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dikenakan terhadap pemaju-pemaju perumahan sama ada dari syarikat swasta atau syarikat persendirian yang mana mereka ini tidak menghiraukan keselamatan orang lain apabila mereka membuat sesuatu projek umpamanya longkang-longkang dan perparitan tidak disediakan dan ini mengakibatkan banjir berlaku dan musnah segala hartabenda orang-orang awam yang tinggal berdekatan dengan projek-projek mereka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Penguatkuasaan undang-undang ke atas keperluan menyediakan sistem perparitan longkang dan sebagainya di dalam kawasan projek perumahan adalah terletak di bawah bidangkuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi kes-kes di mana pihak pemaju perumahan gagal menyediakan keperluan-keperluan asas tersebut, ataupun kemungkinan berlakunya pencemaran kepada longkang-longkang atau sistem perparitan akibat daripada kerja pembinaan projek perumahan, pada lazimnya Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) mengarahkan pemaju perumahan berkenaan supaya mengambil tindakan tertentu untuk menyedia dan menyelenggara longkang/parit tersebut;

- (ii) mengarahkan pemaju perumahan supaya memberhentikan dengan serta-merta segala kerja-kerja pembinaan sehingga pencemaran kepada longkang dan sistem perparitan tersebut diatasi;
- (iii) mengenakan tindakan kompaun kepada pihak pemaju.

Sekiranya perlu Pihak Berkuasa Tempatan akan menjalankan sendiri kerja-kerja membina atau menyelenggara longkang atau sistem perparitan yang terlibat dan kemudiannya menuntut pembayaran daripada pihak pemaju perumahan yang berkenaan. Apabila perlu juga, pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil tindakan mahkamah ke atas pemaju perumahan berkenaan.

BIL HOSPITAL YANG BELUM DIJELASKAN

17. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan-tindakan dan langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi dan menyelesaikan masalah bil-bil hospital yang masih belum dijelaskan oleh pesakit-pesakit. Berapakah jumlah bil-bil yang masih belum dijelaskan bagi tahun 1988 dan 1989.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kementerian sentiasa memberi perhatian dan berusaha untuk menyelesaikan masalah bil-bil hospital yang belum dijelaskan oleh pesakit. Adapun langkah dan tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) mengeluarkan bil hospital pada masa pesakit dibenarkan keluar hospital dan menggesa pesakit menjelaskan bayaran sebelum beredar keluar dari hospital;

- (ii) membuka kaunter bayaran pada waktu makan tengah hari dan selepas waktu pejabat;
- (iii) memperkemas sistem pengenalan dan pembayaran deposit;
- (iv) menghantar surat-surat peringatan kepada pesakit yang berhutang dengan lebih kerap;
- (v) menghantar notis tuntutan (legal notice) selepas dua surat peringatan tidak mendapat jawapan;
- (vi) melantik Juruperunding Khas (Pusat Daya Pengeluaran Negara) untuk membuat kajian mengenai bayaran hospital dan kutipan hasil;
- (vii) mengadakan Jaminan Bank bagi pesakit pekerja Syarikat Swasta;
- (viii) mengambil tindakan tidak membenarkan pesakit dimasukkan ke wad kelas I dan kelas 2 atas permintaan mereka kecuali mereka membayar deposit yang cukup;
- (xi) menerima bayaran dengan kad kredit;
- (x) menyelenggarakan rekod kutipan bayaran dengan lebih sempurna dan kemaskini dengan menempatkan 39 orang kakitangan sambilan di Unit-unit Hasil di semua Hospital Besar; dan
- (ix) Kementerian juga sedang mengkaji kemungkinan menggunakan perkhidmatan bil setempat untuk kemudahan menjelaskan bil-bil hospital.

Jumlah tunggakan bil yang belum dijelaskan sehingga akhir tahun 1988 ialah sebanyak \$35,477,636.48 dan pada akhir tahun 1989 sebanyak \$39,614,217.73. Tunggakan ini sebahagian besarnya terkumpul sejak tahun 1980.

**UNIVERSITI DI SARAWAK—
PENUBUHAN**

18. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menubuhkan sebuah universiti penuh untuk Sarawak.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan buat masa ini tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah universiti penuh di Sarawak. Sungguhpun sebuah universiti penuh tidak dibina di Sarawak, tetapi kampus cawangan Universiti Pertanian Malaysia dan Institut Teknologi Mara telah pun ditempatkan di negeri ini.

**PERMOHONAN
KEWARGANEGARAAN/
KAD PENGENALAN BIRU/
PENGANTIAN PASPORT**

19. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab lambatnya kelulusan bagi permohonan-permohonan bagi:

- (a) warganegara;
- (b) kad pengenalan biru; dan
- (c) penggantian paspot

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) (i) Kerajaan perlu meneliti setiap permohonan kewarganegaraan supaya maklumat yang dikemukakan adalah benar dan tepat;
- (ii) setiap permohonan terpaksa melalui prosidur tertentu yang telah ditetapkan dalam Aturan Kewarganegaraan 1964 dan Bahagian 3, Perlembagaan Persekutuan;

(iii) pemohon gagal menjawab pertanyaan dari Jabatan Pendaftaran Negara;

(iv) pemohon tidak memberitahu pertukaran alamat terbaharu menyebabkan tindakan susulan tidak dapat dibuat.

(b) Kad Pengenalan Biru hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia. Oleh itu untuk mendapatkan Kad Pengenalan Biru seseorang itu mestilah telah menjadi warganegara terlebih dahulu.

(c) Kerajaan perlu menyiasat bagi menentukan setiap permohonan penggantian pasport adalah benar dengan tujuan menghindarkan dari sebarang bentuk penipuan.

**ROYALTI MINYAK/GAS
KEPADA SARAWAK DAN
SABAH**

20. Tuan Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan akan mengkaji dan menyetujui saranan Pengerusi Yayasan Sabah baru-baru ini supaya royalti minyak/gas kepada Sarawak dan Sabah dinaikkan kepada 50%.
- (b) berapakah jumlah kawasan-kawasan yang berpotensi menghasilkan minyak di Malaysia hasil kajian prospecting oleh pihak Kerajaan; dan
- (c) bagi kawasan-kawasan dan negeri-negeri yang ada, berapakah jumlah (mengikut negeri) keluaran minyak Malaysia (dalam tong) tiap-tiap tahun 1985 hingga kini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):

(a) Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar royalti hasil minyak bagi negeri-negeri pengeluar minyak di Malaysia. Kerajaan berpendapat sistem pengagihan keuntungan dan perkongsian kos di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) yang digunakan sekarang adalah adil kepada semua pihak. Di bawah PSC sekarang pemberian royalti sebanyak 10% diagihkan bersama di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri di mana operasi pengeluaran terletak. Kadar pembahagian ini adalah satu daripada aspek penting dalam PSC yang dapat menarik pelabur-pelabur antarabangsa untuk menanam modal yang besar bagi kerja-kerja mencari-gali dan pengeluaran petroleum di negara ini. Kerajaan berpendapat sekiranya bayaran royalti ditambah Kontrak Perkongsian Pengeluaran yang

ditawarkan oleh negara ini mungkin tidak lagi menarik berbanding dengan apa yang ditawarkan oleh negara lain dan ianya akan memberi kesan negatif kepada usaha untuk menarik pelaburan asing di dalam industri petroleum negara bagi kerja-kerja mencari-gali dan pengeluaran petroleum.

(b) Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Malaysia mempunyai kawasan berpotensi mengandungi haidrokarbon seluas 523,100 kilometer persegi. Daripada jumlah tersebut seluas 339,800 kilometer persegi (65%) terletak di kawasan Pelantar Benua, 98,600 kilometer persegi (19%) di kawasan Perairan Dalam dan 84,700 kilometer persegi (16%) di kawasan daratan.

(c) Bagi menjawab soalan yang ketiga, jumlah pengeluaran minyak mentah Malaysia daripada perairan berhadapan negeri-negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak bagi tempoh 1985-1989 adalah seperti berikut:

<i>Pengeluaran</i>				
<i>Tahun</i>	<i>Terengganu (juta tong)</i>	<i>Sabah (juta tong)</i>	<i>Sarawak (juta tong)</i>	<i>Jumlah (juta tong)</i>
1985	79.7	28.5	48.9	157.1
1986	94.8	30.6	51.4	176.4
1987	97.9	31.9	44.8	174.6
1988	111.2	34.1	45.8	191.1
1989	114.9	43.9	48.1	206.9
Jumlah	498.5	169.0	239.0	906.5

RISDA—PENYELEWENGAN BERCORAK RASUAH

21. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapakah Badan Pencegah Rasuah (BPR) gagal mengambil tindakan terhadap penyelewengan yang berlaku di RISDA lebih awal lagi;
- (b) apakah tindakan yang akan diambil terhadap pegawai-pegawai kanan RISDA yang membenarkan penyelewengan berlaku tanpa membuat apa-apa dan kalau tidak mengapa; dan
- (c) apakah gunanya Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai penyelewengan yang berlaku di RISDA.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Anggapan dan dakwaan Ahli Yang Berhormat dalam soalan yang pertama adalah tidak benar. Badan Pencegah Rasuah telahpun mengambil tindakan terhadap penyelewengan yang bercorak rasuah mengikut undang-undang yang ada terhadap kakitangan RISDA. Sebagai bukti, untuk tempoh tiga tahun yang lalu iaitu dari tahun 1987 hingga 1989, ekoran dari sejumlah 172 maklumat dan aduan yang diterima, sebanyak 36 kes disiasat. Dalam tempoh yang sama juga, BPR telah menangkap dan mendakwa seramai tujuh orang kakitangan RISDA. Ketujuh-tujuh kes tersebut masih lagi dalam perbincangan. Sementara itu seramai dua orang kakitangan RISDA telah diperakukan oleh BPR supaya diambil tindakan jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan (b) daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan, suka saya jelaskan terlebih dahulu bahawa perbuatan

sepertimana yang disebut dalam soalan yang dikemukakan itu lebih berbentuk pelanggaran tatakelakuan dan tata tertib yang diperuntukkan di bawah Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) (Bab "D"), 1980. Kesalahan-kesalahan seumpama ini sekiranya dilakukan boleh diambil tindakan oleh Lembaga Tata tertib jabatan berkenaan yang berkuasa berbuat demikian dan bukannya BPR. Dalam konteks ini, BPR hanya menyediakan laporan-laporan tata tertib dan mengemukakan kepada Lembaga Tata tertib tersebut untuk tindakan lanjut.

BANDUAN REMAND DI PENJARA-PENJARA

22. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah banduan tahanan yang terdapat dalam negara ini sehingga tahun 1989. Adakah Kementerian sedar dari jumlah tersebut terdapat banduan yang telah ditahan lebih jangka waktu apabila kesnya dibicarakan di mahkamah. Berapakah kes-kes seperti itu dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sehingga 31-12-1989 terdapat seramai 4,885 orang banduan remand yang ditahan di penjara seluruh Malaysia. Selain daripada satu kes di Kota Kinabalu pada bulan Julai 1987, tidak terdapat kes banduan remand yang ditahan lebih lama dari tempoh hukuman yang patut dijalani jika sabit kesalahannya. Pihak penjara bersama Jabatan Polis dan Pendaftar Mahkamah telah bekerjasama supaya meneliti rekod-rekod banduan remand dengan tujuan untuk memastikan kejadian seumpama itu tidak berlaku lagi.

**LANGKAWI—PENYERTAAN
TEMPATAN DALAM
PEMBANGUNAN**

23. Tuan Shahidan bin Kasim minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah penyertaan orang-orang tempatan dalam proses pembangunan Pulau Langkawi. Apakah Kerajaan sedar bahawa terdapat penjualan tanah yang berleluasa oleh penduduk tempatan kepada orang luar. Ini mengakibatkan penyertaan penduduk-penduduk tempatan di dalam pembangunan Pulau Langkawi amat berkurangan dan menyedihkan. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat-syarat bahawa semua pelaburan yang dijalankan di Pulau Langkawi mestilah atau diwajibkan penyertaan ekuiti oleh orang-orang tempatan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

(a) Penyertaan Penduduk Tempatan

Usaha-usaha menjadikan Langkawi sebagai pulau peranganian terkemuka di negara ini telah menyebabkan jumlah pelancong yang datang ke Langkawi meningkat dari tahun ke tahun. Bagi tahun 1986 sebanyak 240,939 orang telah melawat Pulau itu. Jumlah ini bertambah menjadi 805,315 pada tahun 1988 dan 936,160 pada tahun 1989. Dengan peningkatan ini, pelbagai sumber pendapatan telah wujud yang telah disertai oleh penduduk-penduduk tempatan seperti berikut:

- (i) 3 buah hotel terkemuka di pulau itu kini memberi peluang pekerjaan kepada seramai 1,071 orang. Banyak lagi hotel sedang dirancang oleh pihak Kerajaan dan swasta yang akan menambahkan peluang-peluang pekerjaan

ini. Walaupun tidak semua jawatan ini akan diisi oleh penduduk tempatan, tetapi kini telah wujud satu lagi bidang mata pencarian yang boleh disertai oleh penduduk Langkawi.

- (ii) Jumlah terkumpul lesen-lesen kenderaan pengangkutan penumpang yang telah dikeluarkan dan sedikit sebanyak melibatkan penyertaan penduduk tempatan sehingga 31hb Disember 1989 berjumlah 426. Jumlah ini masih tidak mencukupi di musim-musim percutian dan dijangka akan ditambah lagi. Sebanyak 828 lesen-lesen perniagaan bagi kedai-kedai, gerai-gerai serta permit sementara juga telah dikeluarkan pada tahun 1989 berbanding dengan sebanyak 214 lesen-lesen yang diluluskan pada tahun 1988. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 286.9% dari tahun 1988.
- (iii) Dari segi faedah secara terus pula, pelbagai rancangan sedang dan akan dilaksanakan bagi memastikan penduduk tempatan menyertai sama di dalam kemajuan yang sedang pesat dilaksanakan di dalam bidang pelancongan. Satu daripada rancangan ini ialah usaha MARA memberi pinjaman kepada penduduk-penduduk kampung bagi mengadakan chalet sebagai tambahan kepada rumah mereka untuk disewakan kepada para pelancong berasaskan kepada konsep tempat tidur dan sarapan pagi

(bed and breakfast). Setakat ini, pinjaman sebanyak \$517,500 telah diberi kepada 25 peminjam di bawah rancangan ini melibatkan pembinaan 75 chalet. Selain dari ini, koperasi-koperasi tempatan juga digalakkan untuk mengadakan projek-projek tanaman sayur-sayuran untuk dijual ke hotel-hotel bagi menampung peningkatan keperluan bahan itu dengan meningkatnya para pengunjung di hotel-hotel tersebut. Kerajaan juga mengadakan rancangan bagi menambahkan pembekalan daging, ayam, ikan dan sebagainya dari Langkawi sendiri.

(b) Penjualan Tanah

Adalah diperhatikan bahawa urusan penjualan tanah oleh penduduk tempatan ada berlaku. Mengikut rekod, jumlah urusan mengenai tanah pada tahun 1989 adalah sebanyak 1,271 berbanding dengan 600 pada tahun 1988. Urusniaga ini membabitkan urusan gadaian, jualan dan pindahmilik. Urusan penjualan bagi tahun 1989 hanya melibatkan 641 kes. Walau bagaimanapun, keluasan sebenar sukar dikesan kerana melibatkan satu keping tanah dijual banyak kali. Namun demikian, aliran ini adalah sukar untuk diatasi. Satu langkah yang sedang dilaksanakan bagi mengatasinya ialah melalui penglibatan aktif Lembaga Pembangunan Langkawi dalam membeli dan mengambil balik tanah untuk memastikan pemilihan tanah dapat dikekalkan di bawah milik Kerajaan dan penggunaannya dirancang dan dilaksanakan dengan

berkesan selaras dengan hasrat pembangunan yang telah ditetapkan.

(c) Penyertaan Ekuiti Penduduk Tempatan

Berhubung dengan cadangan untuk mengenakan syarat bahawa semua pelaburan yang dijalankan di Pulau Langkawi mestilah atau diwajibkan penyertaan ekuiti oleh orang-orang tempatan, ianya merupakan satu cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi. Tetapi ianya merupakan satu cadangan yang sukar untuk dilaksanakan. Kerajaan tidak mahu berbangkit keadaan di mana hanya pihak berada di Langkawi sahaja yang berupaya menyertai di dalam projek-projek seperti ini. Saya ingin menegaskan bahawa Lembaga Pembangunan Langkawi akan memberi keutamaan kepada penyertaan penduduk tempatan dalam perancangan pembangunan yang diusahakan, seperti yang termaktub di dalam objektif utama Lembaga iaitu memastikan penduduk tempatan mendapat munafaat daripada pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancong dan pusat bebas cukai terkemuka di rantau Asia.

PENAGIH DADAH

24. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah penagih-penagih dadah yang dikesan oleh Pasukan Khas Anti Dadah di seluruh negara pada tahun 1989. Berapakah di antara mereka ini berumur 29 tahun ke bawah. Sama ada beliau setuju bahawa penagih-penagih ini adalah mereka yang menganggur dan tidak mempunyai haluan hidup dan ini menyebabkan mereka menagih dadah

untuk mengisi masa lapang. Apakah langkah-langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk membantu penganggur-penganggur muda ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Seramai 7,233 orang penagih baru telah dikesan dalam tahun 1989. Dari jumlah itu, 4,572 orang atau 63.2% terdiri dari golongan yang berumur 29 tahun ke bawah. Seramai 1,245 orang atau 15.8% dari jumlah penagih yang dikesan ini adalah terdiri dari kumpulan penganggur. Ini bererti bahawa majoriti penagih-penagih dadah bukanlah terdiri daripada penganggur-penganggur.

Langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mencegah penggunaan dadah di kalangan golongan muda ialah dengan mengadakan majlis ceramah, pameran, kursus dan khemah kerja yang bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kesedaran mengenai bahaya dan kesan penagihan dadah.

HUKUMAN SEUMUR HIDUP— MEMANSUHKAN

25. **Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memenuhi kenyataan beliau yang dibuat di Dewan tahun lalu bahawa Kerajaan akan mempertimbang memansuhkan hukuman seumur hidup di bawah Akta Senjata (Increased Penalties) 1971.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Cadangan ke atas pindaan Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 masih dalam pertimbangan Kerajaan.

HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR—UNIT KORONARI

26. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama

ada Kementeriannya bercadang untuk menambah fasiliti unit koronari di Hospital Besar Kuala Lumpur serta lain-lain tempat seperti di Pulau Pinang, Johor Bahru dan Alor Setar untuk mempertingkatkan khidmat tersebut kepada orang ramai.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kementerian Kesihatan akan membina satu Institut Jantung Negara di Kuala Lumpur tidak lama lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan juga akan menambatkan fasiliti unit koronari di hospital-hospital lain seperti di Pulau Pinang, Johor Bahru dan Alor Setar.

KERETAPI LAJU

27. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada terdapat apa-apa rancangan untuk memperkenalkan keretapi laju tinggi supaya menjadikan perkhidmatan keretapi satu jenis perkhidmatan pengangkutan dan perjalanan yang paling kompetitif, dan jika ya, sila beri butir-butir lanjut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Dalam rancangan jangkamasa panjang, Keretapi Tanah Melayu memang mempunyai rancangan untuk memperkenalkan keretapi laju tinggi. Projek seperti ini memerlukan belanja yang amat besar dan Kerajaan tiada mempunyai rancangan untuk melaksanakannya dalam tempoh jangkamasa yang pendek.

PEKERJA TANPA IZIN INDONESIA

28. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan rakyat Indonesia yang bekerja dalam negara yang telah

berdaftar di bawah tindakan pendaftaran 6 bulan bagi mengesahkan kedudukan orang-orang asing yang bekerja tanpa permit. Apakah sektor yang mengambil bekerja orang-orang asing dengan memberi satu pecahan angka pekerja menurut setiap sektor. Apakah syarat-syarat yang dikenakan ke atas mereka dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa syarat-syarat ini dipenuhi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah Pekerja Tanpa Izin Indonesia yang telah didaftarkan bagi tempoh pendaftaran 6 bulan yang ditetapkan ialah seramai 25,853 orang. Mereka yang didaftarkan ini adalah untuk bekerja di sektor perladangan sahaja.

Mereka yang telah didaftar dan dilegalisasikan tidak dibenarkan sama sekali bertukar pekerjaan atau bertukar majikan. Seandainya mereka tidak mematuhi, tindakan tegas akan diambil.

Bagi memastikan mereka mematuhi akan syarat ini, Jabatan Imigresen Malaysia bersama Polis akan menjalankan pemeriksaan di ladang-ladang dari masa ke semasa. Sekiranya terdapat ada yang melanggar syarat tersebut, mereka akan diusir keluar.

CENDERAMATA KEPADA PELAWAT ASING

29. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah jenis cenderamata (souvenirs) yang digemari oleh pelawat-pelawat asing;
- (b) berapa lamakah hitung-panjang tiap-tiap pelawat itu datang ke Malaysia;

- (c) setakat manakah benar bahawa pelawat-pelawat datang ke Malaysia ianya sebagai transit sahaja/kenapakah ianya berlaku demikian; dan
- (d) setakat manakah kempen melawat Malaysia mempengaruhi orang Eropah, Amerika, Jepun dan orang dari Timur Tengah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut kajian yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia mengenai barang-barang yang dibeli oleh para pelancong, adalah didapati bahawa barangan yang diutamakan adalah seperti berikut:

Cenderamata	28.9%
Pakaian	26.6%
Barangan Kraftangan	26.3%
Minyak Wangi dan Alkohol	10.1%
Lain-lain	8.1%

- (b) Berdasarkan perangkaan yang sedia ada, purata tempoh tinggal seseorang pelancong ke Malaysia adalah sepanjang 4.6 malam.
- (c) Adalah tidak tepat kenyataan bahawa pelawat-pelawat datang ke Malaysia sebagai transit sahaja. Berdasarkan maklumat sedia ada, pelawat-pelawat "transit" hanyalah merupakan 4.1% dari jumlah semua pelawat yang datang ke Malaysia.
- (d) Adalah terlalu awal untuk Kementerian memberi penilaian tepat terhadap kekesan kempen tahun Melawat Malaysia di pasaran-pasaran Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan Timur Tengah. Tetapi

secara keseluruhan boleh dikatakan bahawa kempen ini telah berjaya menimbulkan "kesedaran" atau dengan izin "awareness" mengenai Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan berasaskan pertanyaan-pertanyaan yang diterima oleh pejabat-pejabat Perbadanan Kemajuan Pelancongan di pasaran-pasaran ini. Kebelakangan ini terdapat juga permintaan yang bertambah bagi bilik-bilik hotel di destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia dan juga tempahan penerbangan ke tempat-tempat ini.

DASAR PENGGALAKAN PELABURAN DI NEGARA EROPAH TIMUR

30. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah dasar pelaburan dan perdagangan baru yang akan diterokai di negara-negara Eropah Blok Timur yang telah pun mengalami perubahan besar dari segi sistem politik dan pemerintahan di negara masing-masing.

Dato' Kok Wee Kiat: Perubahan-perubahan di negara-negara Eropah Blok Timur akan memberi banyak implikasi kepada kedudukan ekonomi dan perdagangan negara-negara di rantau Asia Pasifik. Dengan yang demikian Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk melindungi kepentingan perdagangan dan pelaburannya. Dari segi pelaburan, Kerajaan akan meneruskan dasar penggalakan pelaburannya yang ada sekarang ini dengan lebih agresif lagi untuk memastikan supaya negara ini akan terus menjadi pusat pelaburan yang menarik dan menguntungkan berbanding dengan negara-negara di

rantau ini ataupun di negara-negara Eropah Timur. Di samping itu, Kerajaan perlulah juga mengambil kesempatan daripada peluang-peluang pasaran yang mungkin wujud jika perlu. Kerajaan akan menggalakkan rakyat Malaysia menanam modal (reverse investment) di negara-negara tersebut jika didapati projek-projek berkenaan berdayamaju dan akan membuka pasaran kepada keluaran-keluaran negara ini.

MAKTAB PENGURUSAN PERLADANGAN

31. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan sebuah Maktab Pengurusan Perladangan di negara kita ini. Jika tidak mengapa?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Maktab Pengurusan Perladangan kerana kursus-kursus seumpama itu telah disediakan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian. Misalnya Jabatan Pertanian dan LPP memberi latihan kepada petani-petani, belia-belia dan siswazah di dalam bidang mengusaha dan menguruskan ladang secara komersial. Pihak FAMA mula menyediakan kursus dalam bidang pemasaran hasil pertanian, manakala Jabatan Perkhidmatan Haiwan mengadakan kursus penternakan secara komersial dan Jabatan Perikanan serta LKIM dalam bidang "Aquaculture".

Matlamat kursus dan latihan yang diberikan oleh Jabatan dan Agensi Kementerian Pertanian sekarang ini ialah untuk melahirkan usahawan-usahawan dalam bidang pertanian yang mampu mengusahakan bidang mereka secara komersial dengan mengamalkan teknik-teknik pengurusan moden yang cekap dan berkesan.

ELEKTRIK DI LUAR BANDAR—BEKALAN

32. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilakah agaknya rancangan untuk bekalan tenaga elektrik dapat diberikan kepada seluruh pelusuk di luar bandar di seluruh negara Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Pada akhir Rancangan Malaysia Kelima (RML) ini hampir 80% penduduk luar bandar di seluruh negara dijangka akan dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik luar bandar. Oleh kerana liputan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia lebih luas berbanding dengan Sabah dan Sarawak pada akhir RML maka dijangkakan keseluruhan kawasan luar bandar di Semenanjung akan dapat menikmati bekalan elektrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam nanti. Bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak, oleh kerana kedudukan kampung-kampung tersebut lebih berselerak, jauh di pedalaman dan terpencil berbanding dengan kampung-kampung di Semenanjung maka liputan akan mengambil masa lebih panjang. Dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6), Kementerian akan mengambil langkah-langkah untuk mempercepatkan liputan di kedua-dua negeri tersebut.

PELABUHAN BINTULU— HASIL DIKUTIP

33. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pengangkutan menyatakan semenjak Pelabuhan Bintulu di Tanjung Kidurong yang berharga M\$558 juta dibuka dalam bulan September 1983, apakah nilai hasil yang dikutip oleh pelabuhan tersebut mengikut tahun. Apabila pelabuhan ini diswastakan nanti, adakah Kerajaan bercadang supaya syarikat tempatan

Sarawak diberi tempat dalam penswastasaan ini.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Semenjak Pelabuhan Bintulu memulakan operasinya pada 1 Januari 1983, jumlah hasil yang telah dikutip adalah sepertimana berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Kutipan Hasil</i>
1983	\$ 29,316,948.00
1984	64,421,534.00
1985	80,600,148.00
1986	97,356,080.00
1987	110,024,294.00
1988	111,284,472.00
1989	112,578,899.00
Jumlah:	<u>\$605,582,375.00</u>

Berkaitan dengan penswastasaan suka saya memaklumkan bahawa Lembaga Pelabuhan Bintulu sedang dalam proses melantik juruperunding untuk menjalankan kajian kemungkinan penswastasaan dan dengan yang demikian adalah terlalu awal untuk diputuskan syarikat mana yang akan mengambil alih pelabuhan berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambilkira kepentingan Kerajaan Negeri Sarawak di dalam program penswastasaan Pelabuhan Bintulu apabila sesuatu keputusan mengenai perkara tersebut dibuat kelak.

LEMBAGA PENGURUS SEKOLAH—MEMBUBARKAN

34. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada benar Kementerian beliau bercadang membubarkan Lembaga Pengurus di semua sekolah. Jika benar, mengapa. Adakah beliau sedar bahawa Lembaga Pengurus SRJK (C) memainkan peranan yang penting dalam perancangan pembangunan sesebuah sekolah.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang hendak membubarkan Lembaga Pengurus semua sekolah. Walau bagaimanapun dengan pertukaran Skim "Unified Teaching Service" kepada Skim Aziz dahulu maka Lembaga Pengurus Sekolah-Sekolah Bantuan Penuh tidak lagi bertanggungjawab atas beberapa perkara seperti pengurusan kakitangan dan kewangan sekolah. Kedudukan Lembaga Pengurus sekolah ini sedang dikaji oleh Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan memang menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh Lembaga Pengurus Sekolah-Sekolah Bantuan Penuh pada masa dahulu.

BASRI MASSE—PENGEDAR DADAH DIHUKUM GANTUNG

35. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau telah mengarahkan satu penyiasatan dijalankan ke dalam bantahan-bantahan yang berlaku di Indonesia terhadap Malaysia berikutan hukuman mati yang dijalankan ke atas Basrie Masse, seorang warganegara Indonesia yang disabitkan kerana mengedar dadah di Sabah;
- (b) sama ada Kerajaan Indonesia telah mengambil apa-apa langkah yang membantah pelaksanaan hukuman mati itu tersebut; jika ya, apakah reaksi Kerajaan terhadap bantahan tersebut;
- (c) sama ada warganegara Malaysia dihukum mati di Indonesia dan negara-negara lain, jika ya, bilangan mereka ini dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh mereka ini dan sama ada Malaysia telah membantah terhadap pelaksanaan hukuman mati tersebut.

14-3-90

64. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Luar Negeri menyatakan siapakah pihak tertentu yang tidak mahu melihat hubungan Malaysia dengan Indonesia berada di peringkat yang akrab, dan

- (a) pihak siapakah yang cukup kuat untuk mempengaruhi media massa Indonesia untuk membesar-besarkan isu hukuman gantung seorang rakyat Indonesia yang didapati bersalah kerana mengedar dadah di Sabah;
- (b) adakah Kerajaan Malaysia menerima bantahan atau rayuan dari badan-badan Indonesia;
- (c) apakah langkah-langkah sedang dan akan diambil supaya hubungan rapat K.L.-Jakarta tidak akan terancam.

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini serentak dengan soalan Yang Berhormat Tuan Lau Dak Kee memandangkan kedua-dua soalan ini didapati berkaitan dan menyentuh subjek yang sama.

Berhubung dengan kes hukuman mati ke atas rakyat Indonesia Encik Basri Masse kerana mengedar dadah, ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perundangan mengenai pendedaran dadah di negara kita tidak mengenal warna kulit, bangsa, taraf atau negara. Setiap kes, termasuklah kes Encik Basri Masse telah diadili dengan saksamanya berlandaskan kepada peruntukan-peruntukan perundangan negara yang ada dan yang berkuatkuasa sekarang.

Pendirian tegas Malaysia ini mencerminkan betapa beratnya masalah penyalah-gunaan dadah yang dihadapi oleh bukan sahaja negara Malaysia malah oleh seluruh dunia.

Usaha-usaha dan tindakan-tindakan Malaysia dalam membanteraskan pengedaran dan penyalahgunaan dadah telah mula mendapat pengakuan dan penghormatan dari semua pihak dan negara. Walaupun masih lagi terdapat bantahan-bantahan terhadap dasar negara itu, namun kita menganggap bantahan ini sebagai perkara biasa yang akan berlaku di mana-mana pun termasuk di Malaysia sendiri. Seterusnya, kejadian-kejadian ini tidak sekali pun menjejaskan hubungan antara Malaysia dengan negara-negara lain termasuk Indonesia. Hubungan di antara Malaysia dengan Indonesia tetap utuh dan ikrab.

KUARANTIN UNTUK HAIWAN

36. Dr Nicholas Munong Anak Ibau minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah pusat kuarantin untuk haiwan yang ada di negara ini pada masa ini dan sebutkan nama pusat-pusat itu;
- (b) sekiranya seorang penternak haiwan ingin mengimport haiwan seperti biri-biri dari Semenanjung Malaysia adakah biri-biri itu akan dikuarantinkan dan berapa lama ianya akan dikuarantinkan dan di mana letaknya; dan
- (c) memandangkan permintaan yang mungkin akan bertambah dari penternak dari Sarawak mengimport haiwan dari Semenanjung Malaysia adakah Kerajaan akan menghapuskan masa kuarantin untuk haiwan dari Semenanjung oleh kerana pada masa ini kita sudah ada kepakaran Doktor Haiwan (Veterinary Doktor) yang boleh mengesan penyakit haiwan lebih awal.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
Bagi menjawab soalan

(a) Pada masa ini terdapat 14 buah stesen kuarantin di negara ini iaitu 5 buah di Semenanjung Malaysia, 7 buah di Negeri Sarawak dan 2 buah di Negeri Sabah. Stesen-stesen kuarantin tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Stesen Kuarantin Padang Besar, Perlis
- (2) Stesen Kuarantin Pulau Pinang
- (3) Stesen Kuarantin Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang, Selangor
- (4) Stesen Kuarantin Pelabuhan Kelang, Selangor
- (5) Stesen Kuarantin Rantau Panjang, Kelantan
- (6) Stesen Kuarantin Haiwan Kecil Sekama, Kuching, Sarawak
- (7) Stesen Kuarantin Haiwan Kecil Pujut, Miri, Sarawak
- (8) Stesen Kuarantin Haiwan Besar Ba'kelahan, Lawas, Sarawak
- (9) Stesen Kuarantin Haiwan Besar Kuching, Kuching, Sarawak
- (10) Stesen Kuarantin Haiwan Besar Miri, Miri Sarawak
- (11) Stesen Kuarantin Haiwan Besar Sibu, Sibu, Sarawak
- (12) Stesen Kuarantin Haiwan Besar Lubok Antu, Bahagian Sri Aman, Sarawak
- (13) Stesen Kuarantin Pulau Menggalum, Sabah
- (14) Stesen Kuarantin Kota Kinabalu, Sabah.

Bagi menjawab soalan

- (b) Pengimportan haiwan seperti bebiri ke Negeri Sarawak adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Ordinan Kesihatan Awam 1962 (Negeri Sarawak) yang memerlukan permit import dari Jabatan Pertanian Negeri Sarawak bagi setiap pengimportan.

Perlu dimaklumkan bahawa jangkamasa kuarantin seperti yang dinyatakan di bawah Ordinan tersebut adalah tidak kurang dari 10 hari di stesen-stesen Kuarantin Haiwan yang difikirkan bersesuaian.

Bagi menjawab soalan

- (c) Pada masa ini, Kerajaan Negeri Sarawak tidak bercadang untuk menghapuskan atau memendekkan jangkamasa kuarantin tersebut. Perlu dimaklumkan bahawa setiap negeri di Malaysia mempunyai syarat-syarat dan peraturan-peraturan mengenai perpindahan ternakan diantara negeri-negeri bertujuan untuk mengawal kemasukan penyakit-penyakit berjangkit di kalangan ternakan ke negeri yang berkenaan berdasarkan kepada status penyakit-penyakit ternakan setempat. Jangkamasa kuarantin tidak kurang dari 10 hari adalah difikirkan sesuai untuk Pihak Berkuasa Veterinar mengesan gejala-gejala penyakit merbahaya untuk memastikan tiadanya kemasukan penyakit haiwan asing yang boleh menjejaskan kesihatan haiwan tempatan.

Langkah-langkah ini adalah selaras dengan prinsip kuarantin yang diamalkan mengikut Kod Zoosanitari badan-badan antarabangsa dalam bidang veterinar.

VIDEO MILIK TIMBALAN SPEAKER ENCIK VIJANDRAN

37. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapa Timbalan Menteri berkenaan tidak menjelaskan sendiri di Dewan Rakyat yang mulia ini berhubung dengan video milik Timbalan Speaker Encik Vijandran telah ditemui dan telah dimusnahkan oleh polis atas arahan atau nasihat Peguam Negara bila perkara itu dibangkitkan dalam sidang yang lalu sedangkan ketika itu pemusnahan itu sudahpun berlaku;
- (b) adakah Menteri berkenaan sedia mengambil tanggungjawab atas kejadian memusnahkan pita video yang menjadi barang kes itu kerana pihak polis dan Peguam Negara tidak memaklukkannya terlebih dahulu kepada Menteri;
- (c) setujukah Menteri berkenaan bahawa penjelasan mengenai video itu dibuat oleh Peguam Negara di luar Dewan kerana orang-orang politik yang bertanggungjawab di atas perkara itu tidak mahu menerima tanggungjawab kerana hal itu tidak dimaklumkan terlebih dahulu; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang wajar diambil untuk memulihkan maruah Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan umumnya atas kemusnahan video Vijandran kerana perkara itu telah dianggap sebagai satu skandal dan Kementerian cuba melindunginya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Memandangkan Y.A.B. Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri

telah menjawab soalan yang serupa pada 8hb Mac 1990 maka saya tidaklah bercadang untuk menjawabnya sekali lagi.

PEKERJA MALAYSIA DI LUAR NEGERI

38. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk melindungi para pekerja Malaysia yang ingin bekerja di luar negeri; dan
- (b) jumlah rakyat Malaysia yang telah keluar negeri atas tujuan pekerjaan secara sah dari tahun 1988 hingga hari ini mengikut pecahan negara destinasi.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Secara tidak langsung bagi melindungi pekerja-pekerja Malaysia yang ingin bekerja di luar negeri Kerajaan telah dan akan terus menguatkuasakan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981. Pekerja-pekerja Malaysia juga yang ingin keluar bekerja di negara asing dinasihatkan supaya mengguna perkhidmatan agensi-agensi yang dikeluarkan lesen di bawah Akta ini. Agensi-agensi berlesen ini adalah dikawal kegiatannya dan mereka yang melakukan penipuan boleh dihukum mengikut peruntukan yang termaktub di dalam Akta.
- (b) Bilangan rakyat Malaysia yang telah keluar negeri melalui agensi-agensi pekerjaan berlesen sebagaimana dilaporkan ke Jabatan Tenaga Rakyat pada tahun 1988 sehingga 31-12-1989 adalah seramai 541 orang. Pecahan mengikut negeri dan

jenis pekerjaan adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan</i>	<i>Jenis Pekerjaan</i>
Singapura	336	Operator pengeluaran dan perkeranian
Arab Saudi	202	Jururawat
Canada	2	Pembantu Restoran
Oman	1	Pengasuh Kanak-kanak
Jumlah:	541	

RUMAH KOS RENDAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN

39. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebab-sebab mengapa tidak sebuah projek rumah kos rendah pun dilaksanakan di Wilayah Persekutuan semenjak tiga tahun yang lalu ini; sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan konkrit untuk mencapai matlamat demokrasi pemilikan rumah (house owning democracy) di negara ini; jika ya, beri sebab-sebab, jika tidak, mengapa.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) terdapat beberapa projek rumah kos rendah yang telah dan sedang dilaksanakan di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan. Di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) terdapat dua projek yang dilaksanakan yang melibatkan sejumlah 1,768 unit, manakala di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah (PKPKR) yang dilaksanakan mulai Julai, 1986 hingga Jun 1989 sejumlah 29 pojek yang mengandungi 21,934 unit berada di dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Mengenai pemilikan rumah di negara ini, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menentukan semua

golongan rakyat termasuk golongan yang berpendapatan rendah mendapat peluang untuk memiliki rumah yang selesa dan sempurna. Bagi rumah jenis kos rendah tumpuan pelaksanaannya adalah untuk dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah di luar bandar. Tumpuan juga diberi kepada pembinaan rumah untuk disewa kepada golongan berpendapatan rendah di dalam bandar bagi memenuhi objektif menyediakan tempat tinggal yang sempurna kepada mereka yang tidak atau belum berkemampuan memiliki rumah.

**PIHAK BERKUASA
TEMPATAN—MENYEDIAKAN
TEMPAT RIADAH**

40. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan rancangan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kementerian bagi membantu pengusaha-pengusaha Majlis-Majlis Bandaran, Daerah dan Tempatan bagi menyediakan tempat-tempat riadah seperti padang, gelanggang dan dewan juga untuk mencantikkan dan membersihkan bandar-bandar di seluruh negara. Apakah rancangan masa depan Kementerian agar kemudahan-kemudahan ini dapat disediakan secukupnya.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa ini tidak dapat membantu Pihakberkuasa Tempatan untuk menyediakan tempat-tempat riadah seperti padang, gelanggang dan dewan oleh kerana tidak termasuk di dalam skop projeknya. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membantu Pihakberkuasa Tempatan dari segi kewangan bagi projek-projek pembangunan yang pada dasarnya

adalah terbahagi kepada tiga jenis program utama ialah:

- (a) Program Sosio-Ekonomi yang mengandungi projek-projek seperti membina dan membaikpulih pasar, gerai, arked, bazaar, gudang, bangunan bengkel, stesen bas/teksi dan lain-lain projek separa perniagaan.
- (b) Program Infrastruktur pula mengandungi projek-projek seperti membina dan membaiki/menaikkan taraf jalan/lorong, parit/longkang, jambatan, tembok penahan, "Hard Standing", kelubung ("culvert"), parit monsun, perhentian bas ("bus stop"), lampu jalan, lampu isyarat dan lain-lain lagi.
- (c) Program Pengindahan/Kebersihan/Pelancongan pula adalah mengandungi projek-projek seperti penanaman pokok, lanskap, tapak semaian, taman rekreasi, taman kanak-kanak, tapak pelupusan sampah, tandas awam dan projek-projek lain yang menyumbang ke arah pengindahan, kebersihan dan pelancongan.

Bagi Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memohon kepada Kerajaan supaya program projek pembangunan Kerajaan Tempatan diperluaskan bidang skopnya.

Sekiranya permohonan ini dipertimbangkan kelak oleh Kerajaan maka Pihakberkuasa Tempatan akan dapat menerima bantuan bagi projek-projek seperti membina dan menaik-taraf padang, gelanggang dan dewan di bawah program kemudahan sosial kelak.

**SEKOLAH RENDAH JENIS
KEBANGSAAN (TAMIL)
DI LADANG**

41. Tuan P. Patto minta Menteri Pendidikan menyatakan, memandangkan keadaan teruk Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) khasnya dalam ladang-ladang:

- (a) bolehkah Kerajaan mengambil alih tanah-tanah ladang di mana terletaknya sekolah-sekolah Tamil supaya ia menjadi harta Kerajaan, jika tidak, mengapa; dan
- (b) mengapa Menteri atau Timbalannya tidak membuat sebarang pengumuman tentang peruntukan bagi Sekolah-sekolah Tamil tetapi sebaliknya ia dibuat oleh Presiden MIC dan adakah ini dilakukan oleh Kementerian beliau untuk membolehkan Presiden MIC itu mempolitikkan isu keadaan Sekolah-sekolah Tamil bagi kepentingan politik beliau sendiri.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak ada rancangan untuk mengambil alih tanah-tanah ladang di mana terletaknya SRJK(T). Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sentiasa dari masa ke semasa memberi peruntukan bantuan modal untuk membantu pihak sekolah tersebut memperluaskan kemudahan sekolah. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima iaitu sehingga November 1989, 85 buah SRJK(T) telah menerima bantuan modal yang berjumlah \$1,255,466.
- (b) Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk

memberikan kemudahan pendidikan kepada semua sekolah termasuk SRJK(T). Oleh itu isu yang mengatakan Presiden MIC mempolitikkan keadaan SRJK (T) adalah tidak timbul.

PENDERMA DARAH

42. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian beliau akan memperkenalkan satu insentif istimewa bagi mereka yang selalu menderma darah sebagai langkah untuk menggalak lebih ramai orang menderma darah. Jika tidak, mengapa; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa ramai doktor-doktor perendirian masih mengenakan bayaran sebanyak MR\$60 hingga MR\$80 untuk suntikan Hepatitis B. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk menstandardisasikan bayaran ke atas suntikan tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian memang telah menyediakan keistimewaan kepada penderma-penderma darah iaitu bagi yang menderma 15 kali atau kurang, mereka mendapat kecualian sepenuhnya daripada caj-caj rawatan dan caj-caj wad kelas dua dan rawatan pesakit luar percuma bagi tempoh 4 bulan selepas menderma kali terakhir. Bagi yang menderma 16 hingga 40 kali, mereka mendapat kecualian sepenuhnya daripada caj-caj di atas bagi tempoh yang sama dan selepas itu setengah daripada caj-caj di atas dan rawatan pesakit luar percuma

dalam tempoh 3 tahun selepas menderma kali terakhir. Bagi yang menderma 41 kali dan lebih mereka mendapat kecualian sepenuhnya daripada caj-caj di atas dan rawatan pesakit luar percuma pada bila-bila masa.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan memang sedar tentang doktor-doktor persendirian yang mengenakan bayaran yang tinggi untuk suntikan Hepatitis B. Ini berlaku kerana doktor persendirian mendapatkan bekalan vaksin dari pasaran terbuka dengan harga yang berbeza-beza. Akan tetapi Kerajaan mendapatkan vaksin pada kos yang lebih rendah sebab kuantiti besar yang dibeli.

Kementerian Kesihatan sedang dalam proses untuk melibatkan doktor persendirian dalam Program Imunisasi Hepatitis B khusus untuk bayi-bayi. Dalam rancangan ini, vaksin akan dibekalkan kepada doktor persendirian pada harga kos, dengan syarat doktor-doktor tersebut mengenakan bayaran tidak lebih dari satu harga yang sedang dirundingkan. Dengan ini diharapkan bayaran untuk suntikan ke atas bayi akan dapat diseragamkan.

LAMPU HIASAN DI KUALA LUMPUR

43. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) Jumlah yang telah dibelanjakan dalam penyalaan lampu-lampu hiasan di sekeliling Bandaraya

Kuala Lumpur sejak beberapa bulan kebelakangan ini; dan

- (b) Berapakah pula anggaran perbelanjaan penyalaan lampu-lampu hiasan tersebut sepanjang tempoh Tahun Melawat Malaysia.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ke semua lampu-lampu hiasan disekeliling Bandaraya Kuala Lumpur telah dipasang oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kos pemasangan lampu-lampu hiasan tersebut ialah seperti berikut:

- (a) sebelum persediaan untuk Tahun Melawat Malaysia—\$2.35 juta;
- (b) Persediaan untuk Tahun Melawat Malaysia—\$5.20 juta.

Mengenai bil elektrik bagi lampu-lampu hiasan pula, statistik bil elektrik untuk enam bulan kebelakangan ini menunjukkan bahawa kegunaan tenaga elektrik telah naik lebih kurang 300%. Purata bil elektrik bagi tempoh mulai bulan Sept hingga Disember 1989 ialah \$6,462 sebulan manakala bagi bulan Jan dan Februari 1990 puratanya ialah \$28,251. Berdasarkan kepada bil elektrik lampu hiasan bagi bulan Januari dan Februari, anggaran bil elektrik untuk menyalakan lampu-lampu hiasan di Bandaraya Kuala Lumpur disepanjang tempoh Tahun Melawat Malaysia ialah lebih kurang \$340,000.

ANGKATAN TENTERA— STRUKTUR PEMERINTAH

44. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pertahanan menyatakan struktur perintah (Command Structure) baru yang sedang dirancang untuk Angkatan Tentera dan sejauh manakah ia menjejaskan moral dan keberkesanan Angkatan Tentera.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): ATM tidak merancang untuk menukar struktur pemerintahannya (Command Structure). Apa yang sedang berlaku ialah ATM, khususnya Tentera Darat sedang menyusun semula beberapa unit dan organisasi sesuai dengan peranannya untuk mempertahankan negara dari ancaman luar yang berbentuk konvensional. Penyusunan semula ini akan menjadikan ATM satu bala tentera yang padat dan keupayaan kombatnya akan lebih berkesan, kesudahannya ia akan meningkatkan semangat perjuangan semua anggota.

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

45. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah hutang negara sehingga kini—hutang dari luar negeri dan hutang dari pihak lain;
- (b) jumlah bayaran hutang negara untuk tahun 1987, 1988, 1989 dan jumlah hutang baru bagi tahun 1987, 1988, 1989; dan
- (c) Kerajaan membayar hutang negara setiap tahun dari pinjaman baru. Ini bererti Kerajaan tidak berupaya untuk menjelaskan hutang yang ada tanpa membuat pinjaman.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada masa kini adalah sebanyak \$89.7 billion meliputi \$65.6 billion hutang dalam negeri dan \$24.1 billion hutang luar negeri.

- (b) Bayaran balik hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1987 adalah sebanyak \$10,698 juta meliputi \$9,174 juta bagi hutang dalam negeri dan \$1,524 juta bagi hutang luar negeri.

Bayaran balik hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1988 adalah sebanyak \$17,504 juta meliputi \$12,109 juta bagi hutang dalam negeri dan \$5,395 juta bagi hutang luar negeri.

Bayaran balik hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1989 adalah sebanyak \$16,159 juta meliputi \$12,279 juta bagi hutang dalam negeri dan \$3,880 juta bagi hutang luar negeri.

Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1987 adalah sebanyak \$19,675 juta meliputi \$1,086 juta bagi pinjaman luar negeri.

Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1988 sebanyak \$22,358 juta meliputi \$19,562 juta bagi pinjaman dalam negeri dan \$2,796 juta bagi pinjaman luar negeri.

Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1989 adalah sebanyak \$19,221 juta meliputi \$16,184 juta bagi pinjaman dalam negeri dan \$3,221 juta bagi pinjaman luar negeri.

- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, hutang yang dibayar dengan pinjaman baru hanya bagi tujuan pra-bayaran dan pembiayaan semula. Ini adalah satu strategi pengurusan hutang di mana Kerajaan membuat bayaran bagi hutang tersebut lebih awal dari jadualnya untuk mengurangkan kos kepada Kerajaan.

TV SWASTA

46. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan membenarkan satu lagi stesyen televisyen komersial beroperasi. Jika tidak, sila nyatakan sebabnya:
- (b) apakah jumlah hasil pungutan dari pengiklanan di rangkaian-rangkaian TV1 dan TV2 semenjak tahun 1980 hingga hari ini; dan
- (c) walaupun siaran-siaran TV1 dan TV2 pada masa ini adalah memuaskan, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki mutu terjemahan siaran serta masa (timing) untuk memulakan siaran iklan yang kini sungguh mengecewakan.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang membenarkan penubuhan sebuah lagi stesyen TV swasta memadamkan kemudahan-kemudahan televisyen yang sedia ada berupaya membuat liputan ke seluruh negara dan dapat memenuhi selera para penonton. Tambahan lagi masanya belum tiba untuk diadakan satu lagi stesyen televisyen.

Jumlah hasil dari pengiklanan melalui TV1 dan TV2 adalah seperti berikut:

Tahun	Juta
1980	\$ 32.9 juta
1981	\$ 41.6 juta
1982	\$ 48.7 juta
1983	\$ 69.1 juta
1984	\$ 88.8 juta
1985	\$ 82.9 juta

1986	4 66.4 juta
1987	\$ 66.8 juta
1988	\$ 105.3 juta
1989	\$ 125.5 juta

(sehingga Oktober)

Angka berasingan untuk TV1 dan TV2 tidak dapat diberi oleh kerana hasil diterima sekali gus dan tidak berasingan.

RTM telah dan sedang mengambil usaha untuk memberi kursus dalam bidang penterjemahan kepada mereka yang berkenaan dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi mutu terjemahan ke atas rancangan-rancangan TV yang disiarkan oleh RTM. Pakar-pakar bahasa telah digunakan untuk mengendalikan kursus-kursus ini dengan harapan mutu penterjemahan agar diperbaiki lagi.

RTM memulakan siaran iklan dalam sesuatu rancangan adalah selepas berakhir sesuatu "scene" atau "cliff hanger" untuk menentukan perjalanan cerita tidak terjejas sungguhpun terganggu sedikit. Ini adalah amalan biasa yang dilakukan oleh stesyen-stesyen TV di seluruh dunia terutama sekali TV—TV swasta. Cara lain untuk memulakan siaran iklan ialah dengan menggunakan "slide breakers" sebelum dan selepas sesuatu iklan disiarkan. Ini akan menambahkan masa siaran iklan. RTM tidak memilih cara ini untuk mengelakkan dari masa siaran terbuang dan merugikan Kerajaan dan juga untuk mengurangkan jumlah masa siaran iklan dalam sesuatu rancangan.

TUDM—PENYELEWENGAN BEKALAN ALATGANTI

47. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah bentuk tindakan yang akan dikenakan terhadap seorang Jeneral dan

lima pegawai yang lain yang dikatakan terlibat dalam penyelewengan di Bahagian Bekalan Alatganti TUDM (Supplies and Air Material Command of the RMAF) yang difahamkan melibatkan lebihkurang \$30 juta dalam tempoh dua tahun lalu, hasil siasatan oleh "Defence Forces Special Investigation Branch". Apakah Kerajaan bercadang untuk menyerahkan hasil siasatan tersebut kepada BPR dan didakwa melalui Mahkamah secara terbuka.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Soalan mengenai tindakan ke atas anggota-anggota yang dikatakan terlibat dalam penyelewengan bekalan alatganti TUDM itu, tidak timbul sekarang oleh sebab agensi yang membuat siasatan adalah difahamkan belum lagi menyiapkan kerjanya. Sama ada penyelewengan itu betul berlaku ataupun tidak, belum dapat dipastikan lagi.

Sekiranya siasatan mengesahkan berlakunya penyelewengan, barulah Kerajaan akan mengkaji bentuk tindakan yang patut diambil ke atas laporan siasatan itu.

JEMAAH HAJI— PERKHIDMATAN SYARIKAT SWASTA

48. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah pekerja swasta yang dibenarkan mengendalikan jemaah haji Malaysia tahun 1990. Dan adakah perkhidmatan mereka di masa yang lalu memuaskan; dan
- (b) adakah LUTH bercadang membina/membeli bangunan di Makkah/Madinah bagi tujuan penginapan jemaah haji Malaysia.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):

- (a) Bilangan syarikat swasta yang dibenarkan untuk mengendalikan jemaah haji tahun ini adalah 17 buah. Dari jumlah itu, 8 buah syarikat telah mengendalikan jemaah haji pada tahun 1989. Secara keseluruhannya perkhidmatan mereka adalah memuaskan.

Walaubagaimanapun syarikat-syarikat yang kurang memuaskan perkhidmatan mereka tahun lalu telah diberi garis panduan bagi meningkatkan perkhidmatan bagi tahun ini.

- (b) Tabung Haji tidak bercadang untuk membina/membeli bangunan di Makkah/Madinah bagi tujuan penginapan jemaah haji Malaysia kerana tidak dibenarkan di bawah Undang-undang Kerajaan Arab Saudi.

KEMALANGAN KAPALTERBANG/ HELIKOPTER TUDM

49. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pertahanan menjelaskan tentang:

- (a) apakah langkah Kerajaan di dalam menghindar/mengelakkan daripada berlakunya kemalangan kapalterbang/helikopter TUDM;
- (b) apakah puncanya menyebabkan kemalangan tersebut berlaku, seperti di Sarawak baru-baru ini;
- (c) berapakah jumlah helikopter tentera kita, serta umurnya sekali; dan

- (d) apakah Kerajaan bercadang untuk membeli kapalterbang (helikopter) baru bagi TUDM. Bila dan berapa jumlahnya.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

- (a) Dalam usaha Kerajaan untuk mengelak dari berlaku kejadian kemalangan nahas pesawat, pengawasan (maintenance) ke atas pesawat-pesawat tersebut dijalankan sendiri oleh TUDM mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

Langkah-langkah keselamatan yang lain dipertingkat lagi. Pengawasan rapi sentiasa dibuat sebelum sesuatu penerbangan dibuat.

- (b) Punca sebenar kemalangan yang berlaku di Lundu Sarawak masih lagi belum dapat diumumkan, kerana hasil laporan Lembaga Penyiasatan TUDM sedang dalam peringkat semakan terakhir.
- (c) Atas sebab-sebab kepentingan keselamatan jumlah helikopter yang dimiliki oleh TUDM sekarang tidak dapat diumumkan. Walau bagaimanapun pesawat helikopter NURI yang sekarang dibeli pada tahun 1966-1976 secara berperingkat-peringkat.
- (d) Buat masa ini Kerajaan belum merancang untuk menggantikan helikopter yang ada dengan pesawat lain. Ini adalah kerana helikopter yang ada sekarang masih dalam keadaan baik dan berkesan di dalam menjalankan operasi-operasi TUDM.

KESALAHAN KHALWAT BAGI PEGAWAI KERAJAAN

50. Tuan Hu Sepang minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Pegawai Polis Kanan, Pegawai Tentera Kanan dan Pegawai Kerajaan Kanan serta Ahli Kabinet yang ditangkap oleh kerana melakukan khalwat sejak tahun 1987 hingga bulan Februari 1990 dan juga nyatakan pangkat mereka (untuk anggota-anggota polis dan tentera) serta jawatan mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah-mahkamah Syariah adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun bagi Wilayah Persekutuan, sejak tahun 1987 hingga bulan Februari 1990 tidak ada Pegawai Polis Kanan, Pegawai Tentera Kanan dan Jemaah Menteri yang ditangkap kerana melakukan kesalahan khalwat. Walau bagaimanapun, Pegawai Kerajaan kanan yang ditangkap melakukan khalwat dari tahun 1987 hingga bulan Februari 1990 ialah 2 orang, iaitu seorang pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan seorang jurutera awam.

KAPALTERBANG MILIK MAS

51. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan jenis kapalterbang dan harga asal yang dimiliki oleh MAS;
- (b) jumlah kapalterbang masih giat dalam operasi sekarang dan jumlah yang tergendala di bengkel;
- (c) mengapa sejenis DC10-910 terdapat pelbagai kelemahan yang tidak sesuai dipakai lagi.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) Jumlah kapalterbang yang dimiliki oleh Penerbangan Malaysia (MAS) dan harga asalnya adalah seperti berikut:
- | | |
|--------------------------|--------------------------------|
| (i) dua buah B747-200 | - \$ US70 juta
setiap satu |
| (ii) satu buah B747-300c | - \$ US105 juta
setiap satu |
| (iii) dua buah B747-300c | - \$ US125 juta
setiap satu |
| (iv) lima buah DC10-30 | - \$ US51 juta
setiap satu |
| (v) empat buah A300B4 | - \$ US42 juta
setiap satu |
| (vi) dua belas B737-300 | - \$ US18 juta
setiap satu |
| (vii) enam buah F27-500 | - \$ US5 juta
setiap satu |
| (viii) enam buah F50 | - \$ US12 juta
setiap satu |
| (ix) lima buah DHC-310 | - \$ US2.5 juta
setiap satu |
- (b) Semua pesawat-pesawat yang dimiliki oleh MAS adalah di dalam operasi.
- (c) Bagi tujuan memenuhi kekurangan kapalterbang, MAS telah memajak beberapa pesawat. Di antaranya ada pesawat-pesawat DC10 dari World Airways. Pada mulanya kapalterbang-kapalterbang yang disewa beroperasi dengan baik tetapi kemudian berlaku beberapa kerosakan. Walau bagaimanapun memandangkan pesawat-pesawat tersebut selalu mengalami kerosakan, MAS telah menamatkan penggunaan pesawat DC10 yang dipajak dan digantikan dengan pesawat-pesawat baru.

PENGANGGURAN

52. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan berapakah kadar pengangguran masakini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangi lagi

pengangguran dalam negara. Berapa banyak pekerjaan baru dijangka diwujudkan bagi tahun ini jika dibandingkan dengan tahun lalu.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Dengan keadaan ekonomi negara yang mula bertambah baik, maka peluang pekerjaan telah bertambah. Dengan itu, kadar pengangguran juga turut berkurangan. Pada tahun 1990, kadar pengangguran dijangka berada pada paras 7.6% berbanding dengan 7.9% pada tahun lalu. Ini adalah hasil pertumbuhan ekonomi negara yang baik. Dengan adanya perkembangan aktiviti ekonomi lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan dan masalah pengangguran dapat dikurangkan. Oleh itu Kerajaan sentiasa berusaha menggalakkan pelabur-pelabur, baik dari dalam atau dari luar negeri, untuk menambah dan membuat pelaburan baru di negara ini.

Dengan adanya penubuhan industri baru maka permintaan terhadap tenaga pekerja akan meningkat. Selaras dengan peningkatan permintaan tenaga pekerja ini, sistem pendidikan dan latihan negara senantiasa dibaiki dan disesuaikan supaya lebih responsif keadaan perkembangan pasaran buruh.

Bagi tahun 1990, sebanyak 212,000 peluang pekerjaan baru dijangka diwujudkan. Bilangan tersebut adalah lebih tinggi daripada bilangan pada tahun 1989.

PENGAJIAN LUAR KAMPUS

53. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah jumlah peruntukan kepada Program Universiti luar Kampus untuk tempoh 1987 hingga 1989 serta

universiti manakah yang telah mengadakan program luar kampus ini; dan

- (b) berapa ramaikah penuntut bumiputera dan bukan bumiputera yang telah mendaftar diri di bawah program tersebut mengikut jurusan pengkhususan semenjak sesi 1987/88, 1988/89 dan 1989/90.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Pengajian Luar Kampus hanya diadakan oleh Universiti Sains Malaysia sahaja. Kursus-kursus yang ditawarkan ialah Kursus Sains Tulin, Sains Kemasyarakatan dan Ilmu Kemanusiaan. Maklumat mengenai jumlah peruntukan dan bilangan penuntut yang telah mendaftar di bawah program tersebut adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Peruntukan (\$)	Jumlah Penuntut
1987	\$ 527,609.00	2,205
1988	\$ 491,190.00	2,345
1989	\$ 527,609.00	2,584

PENYAKIT AIDS

54. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah pengidap dan pembawa AIDS yang terdapat di negara ini sejak penyakit AIDS dapat dikesan mengikut negeri-negeri dan begitu juga jumlah yang meninggal mengikut jantina dan keturunan mereka masing-masing.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab pada 28-2-1990 kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

TUDM—PENYELEWENGAN PEMBELIAN ALATGANTI

55. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah hasilnya dalam siasatan rasuah dan penyelewengan atas pembelian alat-alatganti bagi helikopter, jet perang dan kapalterbang pengangkutan;
- (b) adakah benar terdapat alat-alatganti tiruan di TUDM;
- (c) sejauh manakah seriusnya jika menggunakan alat-alatganti tiruan itu.

Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha: Soalan ini telah pun dijawab bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya pada 28 Februari 1990. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan tersebut.

KAMPUS CAWANGAN UNIVERSITI DI SARAWAK

56. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk kampus-kampus Cawangan Universiti di negeri Sarawak sekarang dinaiki statusnya, dan dibangunkan sebagai sebuah universiti lengkap, dengan fakulti-fakulti profesional seperti kejuruteraan dan perubatan, dan jika tidak, kenapa tidak.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menaikkan status kampus-kampus cawangan di negeri Sarawak menjadi sebuah universiti lengkap. Kementerian Pendidikan berpendapat sebuah universiti yang

lengkap tidak perlu diwujudkan di Sarawak atas alasan-alasan berikut:

- (i) Universiti-universiti dan kampus-kampus cawangan yang sedia ada boleh dipertingkatkan keupayaannya dalam pengambilan pelajar untuk menampung tambahan bilangan pemohon ke universiti.
- (ii) Kos yang terpaksa ditanggung untuk mewujudkan sebuah universiti yang lengkap adalah amat tinggi, lebih-lebih lagi jika didirikan di Sarawak.
- (iii) Calon dari negeri Sarawak yang memenuhi syarat-syarat kemasukan ke universiti tempatan adalah kecil bilangannya. Misalnya, untuk pengambilan pelajar peringkat ijazah pertama dari sesi 1985/86 sehingga sesi 1989/90, hanya 2,043 orang daripada 41,314 jumlah pelajar (5%) datangnya dari Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian faedah ekonomi bidang tidak tercapai sekiranya sebuah universiti lengkap didirikan di Sarawak dengan bilangan pelajar terlalu kecil. Tidak juga ekonomik untuk mengisi majoriti tempat belajar di universiti seperti itu dengan pelajar-pelajar dari Semenanjung.

PEMIMPIN SOVIET MELAWAT MALAYSIA—JEMPUTAN

57. Tuan Madatang Morejal minta Menteri Luar Negeri menyatakan reaksi Pemimpin Soviet Union terhadap jemputan Kerajaan bagi beliau untuk melawat Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Saya tidak sedar tentang ada jemputan Kerajaan kepada pemimpin Soviet Union melawat Malaysia

sempena Tahun Melawat Malaysia. Walau bagaimanapun saya ingin menjelaskan bahawa semasa lawatan Ahli-ahli Parlimen Soviet Union ke Malaysia baru-baru ini, saya telah bertukar-tukar pendapat mengenai hubungan duahala di antara Malaysia dengan Soviet Union. Di dalam perjumpaan ini, saya telah mengulangi jemputan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada pemimpin Soviet semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertemu dengan pemimpin Soviet Union pada tahun 1987. Jemputan ini masih terbuka dan terpulanglah kepada pemimpin Soviet Union untuk memberitahu kita tentang masa yang sesuai untuk beliau berbuat demikian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1989

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989)" dan "Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1989" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kedua).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.25 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan semula Kepala Bekalan B.25 untuk dibahas. Yang Berhormat dari Arau.

3.38 *ptg.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, pada hari Jumaat yang lepas saya telah menyebut bagaimana kita selalu mengambil tanggapan yang menyeluruh berhubung dengan sesuatu perkara seolah-olahnya ianya melibatkan seluruh anggota Kementerian. Jadi contoh yang nyatanya ialah yang saya sebutkan tempoh hari, iaitu kalau sekiranya ada satu isu ataupun kes berhubung dengan rasuah, katakan di TLDM, seolah-olahnya seluruh anggota Kementerian Pertahanan terlibat. Ini satu perbuatan musibah yang perlu diperbetulkan oleh mana-mana pihak. Demikian juga isu berhubung dengan kes Yang Berhormat dari Kapar, D.P. Vijandran seolah-olahnya seluruh Malaysia sudah gempar dengan isu yang berkenaan. Demikian juga isu fasal Naib-Canselor, seluruh Kementerian Pendidikan, Menteri Pendidikan, semua sudah tidak cekap untuk menjalankan kerja. Jadi, masing-masing semua pihak cuba hendak politicise isu-isu dengan tidak mengambil kira bahawa perkara ini adalah perkara yang spesifik yang harus kita bincang dengan secara yang serius.

Jadi, makanya saya kepada Kementerian Pertahanan janganlah dengar tohmah daripada mana-mana pihak. Saya hendak cadangkan kepada Kementerian Pertahanan pada masa akan datang oleh kerana semua pihak memberi perhatian kepada TLDM dan juga TUDM supaya kali ini minta betul-betul garis panduan kepada pihak Treasury supaya dikecualikan daripada tender dan sebagainya dan beli barang-barang walaupun mahal macam manapun yang mereka berkehendakkan supaya barang ini barang-barang yang

tulen, tidak payah minta \$38 juta, mintalah banyak mana pun demi keselamatan dan sebagainya.

Ini minta banyak, komplek. Kita hendak beli peralatan tentera \$4 billion, komplek. Tetapi kalau terjadi berbagai-bagai masalah, tuduh pula Kementerian Pertahanan terlibat dengan barang-barang tiruan dan sebagainya. Jadi, semua tidak betul. Jadi, tidak payah dengar cakap mereka, dengar cakap kami.

Kalau kami sokong, makna kata sokonglah. Kami yang terkuat, kami lebih 2/3 dalam Dewan ini. Makna kata suara kamilah suara yang sebenarnya benar. Suara-suara kecil merupakan nyamuk-nyamuk yang gigit yang boleh kita tampar dan nyamuk itu boleh mati. Tetapi nyamuk kami ramai yang tidak boleh ditampar begitu sahaja. Saya mintalah kepada semua pihak, merayu kepada semua pihak, jangan mempolitikkan perkara-perkara yang sepatutnya tidak kita politikkan. Kita kena lihat sepatah kata yang kita keluarkan di Dewan yang mulia ini yang melibatkan semua pihak.

Jadi, saya tengok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampaknya bersetuju dengan saya. Dia telah mengeluarkan kenyataan memberi penghormatan kepada kakitangan Kerajaan, Tentera dan Polis yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada negara. Saya hendak sokong kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ingin menambah bahawa oleh kerana saya bukan tentera, tetapi saya hendak beri tabik hormat kepada pihak Tentera, Kementerian Pertahanan terutamanya kerana telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada negara. Perkara-perkara yang kecil ini merupakan kes-kes yang khusus yang mereka tidak perlu bimbang, mana-mana pihak tidak perlu bimbang. Ianya tidak melibatkan keseluruhan. Ini adalah merupakan

aturcara biasa sahaja. Kalau benar-benar kes ini yang melibatkan penyelewengan, kita ambil tindakan kepada kes berkenaan. Kita ambil tindakan kepada kes penyelewengan tersebut. Ia tidak bermakna semua orang terlibat. Jadi, itulah pandangan saya dan saya menyokong. Cumanya untuk keistimewaan kepada pihak TUDM dan TLDM ini berhubung dengan pihak Treasury untuk mendapat pengecualian sebutharga dan sebagainya supaya kita dapat membeli barang-barang terus, terutamanya daripada pihak pengeluaran.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai.

3.43 ptg.

Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bersama hendak memperkatakan peruntukan tambahan daripada Kementerian Pertahanan kepada TLDM dan TUDM. Sebagai Ahli Parlimen kawasan Bagan Serai, saya harap Kerajaan dapat kalau tidak mahu mendengar sekalipun, dapat ambil perhatian. Kalau tidak mahu ambil perhatian dan mendengar, saya rasa eloklah beritahu kepada Ahli-ahli Pembangkang . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang itu tidak bersangkut.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan apa Yang Berhormat hendak cakap.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sebab dalam Dewan ini ada orang berkata tidak payah mendengar.

Tuan Pengerusi: Fahamlah itu, sila teruskan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Perbahasan saya ialah kalau peruntukan

ini diluluskan dan sepatutnya diluluskan, kita harap bahawa apa yang telah dirancangan dapat dibuat dengan sempurna. Tetapi apa yang saya rasa takut kerana peruntukan demi peruntukan diluluskan, dalam TLDM dan TUDM telah berlaku perkara-perkara yang menyayat hati dan juga telah menjadi satu pengorbanan yang besar bukan sahaja atas alat kelengkapan, bahkan juga kepada pegawai-pegawai yang telah lama mendapat latihan dan pengalaman. Kalau kita hendak mengatakan bahawa kemalangan ini berlaku kerana tidak ada alatganti yang cukup, ianya tidak mungkin kerana kita telah meluluskan peruntukan bagi membeli alatganti ini. Sekiranya alatganti ini tidak baik ataupun ianya terpaksa dibeli alatganti yang tidak cukup standard, dengan izin, kerana tidak cukup peruntukan yang diberi, saya percaya pihak Kementerian Pertahanan akan meminta peruntukan yang cukup. Tetapi dalam masa-masa yang lepas terdapat umpamanya kapal-kapal kita yang tenggelam dan hilang. Kapal-kapal pejuang kita jatuh, helikopter kita jatuh bulan demi bulan. Apabila kita bangkitkan dalam Dewan ini, kita Ahli Parlimen selalu beritahu bahawa penyeliaan ataupun pengawasan kepada kelengkapan-kelengkapan ini adalah cukup baik, dengan izin, up to the standard. Tetapi bagaimana kejadian ini masih boleh berlaku atau kemalangan ini boleh berlaku.

Saya hanya ingin hendak menarik perbandingan bagaimana pihak MAS dapat maintain Fokker yang sehingga mendapat anugerah daripada Syarikat pengeluaran kapalterbang Fokker ini atas usaha maintenance telah dibuat oleh MAS menjadi rekod yang baik. Kalau pihak penerbangan MAS dapat membuat maintenance kepada kapalterbang Fokker ini dengan baik, saya tidak ragu bahawa pihak Pasukan Pertahanan kita daripada Tentera Laut dan Tentera Udara juga dapat memberi perhatian maintenance kepada

kelengkapan-kelengkapan di kapal laut dan pesawat-pesawat udara dengan baik dan sempurna. Tetapi sebaliknya berlaku. Apabila ianya berlaku maka berlakulah beberapa tuduhan, Tuan Pengerusi. Dan biasanya tuduhan ini akan sampai kepada pegawai-pegawai. Walaupun pihak Ketua TLDM dan TUDM berkata baru-baru ini dalam suratkhbar sanggup pasukannya diperiksa oleh Biro Pencegah Rasuah, tetapi bagaimana tuduhan ini boleh berlaku sehingga timbul kekeliruan dan rasa berani pegawai pemerintah menawarkan Biro Pencegah Rasuah untuk membuat pemeriksaan ini. Kalau ini berlaku, kalau rasuah berlaku ataupun tuduhan rasuah ini berlaku sehingga ianya sanggup membuat cabaran, maka masyarakat kita, rakyat kita akan timbul rasa syak wasangka atas penyeliaan yang baik pasukan pertahanan kita, Laut dan Udara kerana kehilangan pegawai-pegawai seperti yang telah berlaku di Sarawak apabila sebuah kapalterbang jatuh. Begitu juga seperti yang berlaku di Subang, apabila kapalterbang Polis terpaksa mendarat atas Proton Saga, kehilangan pegawai-pegawai yang begitu baik, yang kita rasa kita terpaksa memakan masa yang begitu lama untuk mencari mereka yang berpengalaman ke tahap pangkat-pangkat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada cakap saya tadi apabila berlaku perkara ini, tuduhan terus kepada pegawai. Seperti juga apabila berlaku seorang tahanan yang boleh keluar sarapan pagi, makan tengahari, tidur atas tilam air di dalam penjara yang menjadi tuduhan, yang menjadi terkena bebanan ialah pegawai. Hari ini pegawai Penjara yang tertinggi sekali terpaksa diganti dengan seorang pegawai Polis. Jangan besok pula Pegawai Pemerintah Tentera Laut dan Udara akan diganti oleh orang daripada Kementerian lain kerana tuduhan-tuduhan begini. Tetapi kalau ianya diganti pun adakah perkara-perkara yang tidak baik ini tidak akan berlaku? Tetapi kalau

berlaku pula bagaimana kerana dalam pembangunan negara seperti pembangunan luar bandar, peruntukan yang kita telah luluskan di Parlimen pada bulan Disember umpamanya pada tahun 1989, peruntukan hanya sampai di kawasan pada bulan Julai, bulan Ogos.

Bagaimana kalau peruntukan ini yang diluluskan di Parlimen yang sepatutnya sampai pada bulan Mei yang diperlu oleh TUDM dan TLDM tetapi wangnya tidak sampai. Maka dengan sebab itu pegawai-pegawai terpaksa mencari sumber lain walaupun bahan-bahan yang kurang mutu yang terpaksa digunakan bagi tanggungjawab mereka untuk prestasi pasukan mereka dapat berjalan tetapi the end prestasi menjadi malapetaka. Saya berharap bahawa apa yang telah diputuskan dalam Dewan yang mulia ini, pihak-pihak yang bertanggungjawab mesti mengambil tindakan yang segera, kalau wang perlu disampai dengan cepat maka wang mesti dihantar oleh Kementerian Kewangan dengan cepat. Kalau tindakan barang-barang ganti ini terpaksa dibeli dengan cepat maka ianya mesti dibeli dengan cepat. Jangan setelah kemalangan berlaku, setelah kekurangan berlaku maka berlaku tuduhan-tuduhan ini. Yang menjadi mangsa ialah pegawai-pegawai yang tidak ada upaya untuk menjawab di khalayak ramai.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan tambahan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota

Melaka, Arau dan Bagan Serai kerana mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan beberapa perkara mengenai pembelian alat ganti pesawat TUDM serta menuduh tentang wujudnya penyelewengan di Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, walaupun perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah pun dijawab beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi perkara yang sama masih lagi diulangi seolah-olah jawapan yang pernah diberi itu adalah satu ciptaan sekadar memenuhi kehendak soalan. Nampaknya beliau juga seolah-olah telah kehabisan modal dan hendak menghentam Kerajaan.

Sebagaimana yang telah saya jelaskan di Dewan yang mulia ini semasa menggulung perbincangan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang di-Pertuan Agong minggu yang lalu iaitu Kementerian Pertahanan sentiasa bersikap tegas dan berhati-hati dalam soal pembelian alat-alat pertahanan termasuk alat-alat ganti yang hendak dipasang pada mana-mana pesawat TUDM. Pihak Kerajaan khususnya KEMENTERAH tidak berniat hendak menggadai nyawa juruterbang-juruterbang baikpun helikopter atau transport aircraft, dengan izin, seperti Hercules C130, Caribou atau executive jets dengan penumpang-penumpang mereka, ataupun juruterbang-juruterbang jet-jet pejuang seperti Skyhawk dan F-5. Nyawa dan keselamatan mereka adalah terpenting sekali kepada kita. Kerajaan tidak akan kompromi keselamatan mereka dengan membeli alat-alat tiruan kerana hendak menjimatkan kos alat-alat ganti tersebut.

Kementerian Pertahanan sentiasa peka terhadap risiko penggunaan alat-alat ganti yang tidak tulen atau bermutu

rendah sekiranya dipasang pada mana-mana pesawat-pesawat TUDM. Tiada alat-alat ganti tiruan yang pernah dipasang untuk membaikpulih mana-mana pesawat TUDM. Kementerian Pertahanan tidak pernah mengadakan kontrak pembelian alat ganti tiruan untuk dipasang pada mana-mana pesawat TUDM, sama ada yang terlibat dengan kemalangan mahupun yang sedang dalam perkhidmatan sekarang. Kontrak pembekalan alat ganti ditandatangani dengan kontraktor pembekalan alat ganti tulen ataupun dengan pihak pengeluar pesawat sendiri, dengan izin, Original Equipment Manufacturer (OEM).

Selain daripada itu, sekiranya ada pembelian yang tidak dibuat daripada OEM, urusan tender dibuat dan sebelum apa-apa kontrak ditandatangani, penilaian yang terperinci dilakukan. Dalam kontrak pula ada klausa yang jelas dan nyata mengenai pembekalan alat-alat ganti yang menyatakan bahawa, dengan izin, "equipment and parts supplied must be new, genuine, unused and of current production". Pihak pengguna juga mengadakan sistem pemeriksaan yang ketat sebelum diterima alat-alat ganti yang dihantar oleh pembekal-pembekal kepada depoh-depoh bekalan.

Dengan kata lain, punca bekalan yang sah adalah satu keperluan mandatori. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi, mana-mana alat ganti yang dibeli diwajibkan mempunyai Sijil Pengesahan Ketulenannya iaitu "Certificate of Conformity", dengan izin, serta disahkan mutu ketulenannya oleh "team" pemeriksa yang ditubuhkan di Kementerian Pertahanan.

Mengenai dakwaan kononnya pihak Perbendaharaan membenarkan Kementerian Pertahanan membuat pembelian alat ganti tiruan ini adalah tidak benar sama sekali.

Tuan Lim Guan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Pengerusi, masa beliau membuat ucapan saya tidak ganggu, saya beri dia bebas berucap sampai habis.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tak ganggu, saya minta penjelasan sahaja.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya tak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Dia tak beri, Yang Berhormat.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Mengenai dakwaan kononnya pihak Perbendaharaan membenarkan Kementerian Pertahanan membuat pembelian alat ganti tiruan ini adalah tidak benar sama sekali kerana proses pembelian adalah mengikut peraturan atau prosedur semasa dan tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan kewangan yang ada sekarang. Oleh itu, soal menggesa pihak Perbendaharaan memperketatkan kawalan terhadap pembelian ini tidak timbul.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah membuat satu tohmahan tentang adanya penyelewengan di Kementerian Pertahanan. Tohmahan itu saya kira adalah sebagai satu tuduhan yang melulu kerana sumber tuduhan Ahli Yang Berhormat itu adalah melalui berita akhbar yang ingin mendapat sensasi yang tak menentu dari masyarakat. Sindrom tuduh-menuduh ini adalah satu gejala yang tidak sihat, lebih-lebih lagi kalau tuduhan itu datangnya dari seorang Wakil Rakyat seperti Ahli Yang

Berhormat dari Kota Melaka ini. Ahli Yang Berhormat selaku salah seorang Ahli Jawatankuasa "Public Accounts Committee" . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka bangun pula, Yang Berhormat.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak beri jalan. Ahli Yang Berhormat selaku salah seorang Ahli Jawatankuasa Public Accounts Committee, dengan izin, tidak seharusnya menggunakan kedudukan beliau untuk menuduhkan sesiapa, sebelum apa-apa bukti diperolehi. Biarlah pihak-pihak yang bertanggungjawab menentukan sama ada benar-benar ada penyelewengan.

Kementerian Pertahanan seperti mana agensi-agensi Kerajaan yang lain, tidak akan mendiam diri dan akan mengambil tindakan terhadap apa sahaja bentuk penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa yang berlaku dalam Kementerian Pertahanan.

Dalam melaksanakan tugas ini, Kementerian Pertahanan adalah berpegang teguh kepada prinsip-prinsip kedaulatan undang-undang. Mana-mana pegawai dan kakitangan yang dibuktikan bersalah akan dikenakan hukuman mengikut undang-undang yang diperuntukkan. Kementerian Pertahanan tidak akan melindungi mereka yang terlibat dengan sebarang jenayah. Tuan Pengerusi . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kota Melaka bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak beri jalan. Ahli Yang Berhormat Kota Melaka nampaknya tidak ingin

menerima hakikat bahawa kemalangan pesawat terbang boleh berlaku akibat cuaca buruk kerana pada pendapat beliau, pada zaman moden itu tidak harus terjadi kemalangan kapalterbang kerana cuaca buruk. Cuaca adalah fenomena alam yang tidak dapat ditentukan keadaan dan perubahannya oleh manusia. Cuaca buruk berlaku bukan sahaja berlaku di zaman dahulu, tetapi juga di zaman moden ini kerana cuaca adalah sumber alam.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong):
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak beri. Cuaca bukan sahaja boleh merosakkan kapal terbang, malah boleh memusnahkan alam ini. Bukanlah saya hendak berhujah mengenai cuaca, tetapi agak terkilan kerana Ahli Yang Berhormat beranggapan pihak Kementerian Pertahanan seolah-olah sengaja mencipta sebab kemalangan kapal terbang adalah akibat cuaca buruk.

Sebenarnya, cuaca buruk adalah antara salah satu sebab yang sering berlakunya kemalangan kapalterbang. Di samping sebab cuaca buruk, kemalangan juga boleh berpunca dari faktor kemanusiaan atau, dengan izin, human factor, kerosakan teknikal atau, dengan izin, technical defect, dan lain-lain kesalahan seperti bahaya alam sekitar, umpamanya kemasukan burung dalam enjin, terlanggar burung-burung seperti burung helang, enggang dan sebagainya atau sebab kelicinan landasan dan punca-punca lain yang tidak ditetapkan.

Dengan ertikata yang lain, kita sebagai manusia biasa hanya boleh

merancang dan berikhtiar tetapi takdir hanya Tuhan yang menentukannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, suka saya jelaskan iaitu apabila satu kemalangan berlaku seperti nahas kedua-dua helikopter Nuri baru-baru ini, satu Lembaga Penyiasat (Board of Enquiry) ditubuhkan. Salah satu dari tugas Lembaga ini ialah untuk menyiasat punca kemalangan tersebut. Siasatan itu akan juga menyiasat bangkai helikopter termasuk enjin, alat-alat helikopter itu dan dari technical aspectnya, dengan izin. Alat-alat ini bukan sahaja dinilai oleh pakar-pakar di TUDM malahan oleh ahli-ahli sains dan pakar-pakar jurutera di Pusat Sains dan Teknologi Pertahanan (PSTP) kita.

Kadangkala kita akan mengirinkan alat-alat tertentu kepada pihak manufacturernya untuk analisa terperinci jika ada keraguan timbul di dalam penyiasatan kita. Dalam kes kedua-dua helikopter Nuri ini kita mendapat bantuan dari manufacturernya yang mengirinkan pakarnya ke Malaysia. Kita bukan sahaja meminta pakar tersebut menyiasat tentang alat-alat kedua-dua helikopter Nuri yang malang itu, kita juga meminta pakar ini memberi laporan tentang tahap dan keupayaan sistem penyelenggaraan (maintenance) pesawat Nuri ini. Laporan pakar tersebut telah membuktikan tidak ada sebarang alat ganti tiruan yang dipasang kepada pesawat-pesawat tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, negara kita adalah negara yang paling lama mengendalikan pesawat Nuri selain dari negara pembuatnya iaitu Amerika Syarikat. Dengan kata lain, juruteknik-juruteknik kita di TUDM adalah yang paling berpengalaman dari segi penyelenggaraan pesawat Nuri ini. Kebolehan mereka tidak perlu diragui dan sistem penyelenggaraan kita telah diakui oleh

pakar tersebut adalah yang terbaik di rantau ini. Oleh itu isu mengenai kemalangan pesawat TUDM bolehlah diumpamakan berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Arau kerana tidak membuat tuduhan melulu malah telah memberi satu gambaran yang wajar kepada Kementerian Pertahanan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya juga bersetuju dengan beliau, iaitu kadang-kadang publicity, dengan izin, boleh memainkan peranan dalam menentukan sesuatu isu yang di-bangkitkan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap ya. Boleh beri jalan?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak, tidak.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kerana dari isu-isu yang dipublikasikan itulah yang telah diambil peluang oleh pihak-pihak yang sengaja ingin menanggung di air keruh. Mengenai alat-alat ganti daripada pembuat atau OEM, ingin saya menyatakan bahawa pihak Perbendaharaan sudah memberi persetujuan untuk membeli secara terus daripada pembuat dan pengeluar alat-alat ganti itu sendiri iaitu OEM.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak menegur satu dua point yang telah disarankan oleh Yang Berhormat dari Bagan Serai. Dalam ucapan beliau telah mengatakan bahawa nampaknya kapal-kapal hilang dan tenggelam dan tiap-tiap bulan helikopter kita jatuh. Tahun 1990 kita ini baru dekat hendak habis bulan Mac, 3 bulan, dan saya tidak ada dengar dalam bulan Januari, bulan Februari, bulan Mac, helikopter telah jatuh.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Boleh saya beri penjelasan?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak, tidak beri. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya bukan kata tiap-tiap bulan jatuh. Yang dulu, pada tahun lepas; bukan masuk selang sebulan pun.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Pengerusi, dia tidak kata tahun dulu, dia kata tiap-tiap bulan. Itu saya hendak correctkan dia bahawa itu tidak betul. Beliau, seperti juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, telah menuduh pegawai-pegawai TUDM dan TLDM makan rasuah. . . . Kalau betul . . .

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, minta penjelasan, . . . mesti adillah!

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Okay, I give you one chance.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya tidak menuduh juruterbang-juruterbang pesawat-pesawat TUDM tetapi hanya

melahirkan perasaan khuatir bahawa pegawai-pegawai yang menguruskan pembelian alat-alat ganti tidak membeli alat-alat ganti yang asal. Di sini saya hendak bertanya sama ada Brigadier-General TUDM Anim Haron dikurung dalam rumah dalam bulan September hingga Disember tahun lalu. Adakah dia ditahan dalam "house arrest" oleh kerana terlibat dalam penyelewengan-penyelewengan pembelian alat-ganti yang tidak original yang melibatkan jumlah sebanyak \$30 juta. Oleh itu dia ditahan di bawah "house arrest" dari bulan September tahun lalu hingga Disember. Dan saya tidak tahu sama ada beliau masih ditahan atau tidak. Dan mungkin itu satu sebab mengapa Panglima TUDM dipaksa bersara lebih awal.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sedang membuat satu tuduhan yang tidak benar dan tidak berasas. Panglima . . .

Tuan Lim Guan Eng: Saya tanya, saya tidak buat tuduhan . . .

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Okay, boleh, saya beri jawapan.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tanya sama ada dia dikurung atau tidak. Saya tidak buat tuduhan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya beri jawapan. Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia tidak disingkir, tidak disuruh keluar dari perkhidmatan dalam TUDM. Itu point pertama. Apa yang dituduh atau allegation yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidak betul.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya sudah jawab . . .

Tuan Lim Guan Eng: Saya cuma tanya sama ada benar atau tidak bahawa . . .

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Okay, saya telah jawab itu tidak benar!

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia sudah jawab, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, yang kedua sama ada Brigadier General Anim Haron ditahan di bawah house arrest dalam bulan September hingga Disember.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Pengerusi, saya tidak kenal orang bernama Brigadier General Haniff Harun.

Tuan Lim Guan Eng: Anim Haron.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Hamin pun saya tidak kenal.

Tuan Lim Guan Eng: A-n-i-m H-a-r-o-n.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Dari perkhidmatan mana?

Tuan Lim Guan Eng: Brigadier General RMAF, dia Director of Logistics.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Jawapannya . . .

Tuan Lim Guan Eng: Tidak kenal? Menteri pun tidak kenal Brigadier-General!

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Cakaplah nama betul-betul. Kalau betul, saya mengaku Brigadier-General Anim.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya beliau, setahu sayalah, tidak ada dikurung di rumah atau ditahan di rumah seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat itu cakap pendapat. Saya hendak tahu sama ada. . . .

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia sudah jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak tahu sama ada benar atau tidak, bukan pendapat.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Pengerusi, yang saya hairan berkenaan dengan . . .

Dato Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi, minta jalan. Saya hendak beri penjelasan sedikit buat pembetulan. Sebenarnya saya tidak menuduh. Saya kata bagaimana pegawai pemerintah terpaksa membuat satu statement dalam suratkhbar mencabar BPR supaya memeriksa. Ini bermakna ada tuduhan. Itu saya maksudkan. Bukan saya menuduh bahawa berlaku rasuah. Tetapi saya mengatakan bagaimana dia mencabar untuk BPR menyiasat, bermakna ada tuduhan. Siapa yang buat tuduhan ini? Mesti

dari dalam. Itu yang saya maksudkan. Saya harap saya dapat lihat *Hansard* pada hari esok.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Pengerusi, jikalau apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai itu betul, sebenarnya tuduhan memang ada dibuat dalam media massa. Jadi beliau, sebagai Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia, telah membuat satu kenyataan bahawa pada pandangan beliau bahawa pegawai-pegawainya tidak ada membuat satu penyelewengan seperti yang dituduhkan dalam media massa.

Beliau berani meminta BPR untuk menyiasat TLDM berkenaan dengan perkara yang ditimbulkan dalam media massa. Itulah kenyataan beliau. Yang saya ingin menyentuh satu komen dari Yang Berhormat dari Bagan Serai ialah berkenaan dengan lamanya peruntukan diterima oleh TLDM atau TUDM. Saya hairan oleh kerana Yang Berhormat sebagai salah seorang bekas Timbalan Menteri dalam Kerajaan tahu prosedur-prosedur Perbendaharaan apabila selepas bulan Disember, jikalau Kementerian tersebut hendak peruntukan tambahan kita terpaksa menunggu mesyuarat seperti persidangan ini untuk mendapat, dengan izin, supplementary allocation untuk Kementerian kita. Itu sahaja komen-komen saya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia sudah habis jawapan, Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sudah habis? Bukan masalah saya tidak tahu, tetapi saya berharap apa yang diluluskan dapat diberi dengan cepat supaya jangan ada gangguan kepada pegawai-pegawai untuk menggunakan

peruntukan itu dalam masa yang tertentu. Yang Berhormat Timbalan Menteri dia . . .

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak mengapalah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak sedap macam itu, dia ramu begitu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$38,630,000 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$38,630,000 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.26 (Jadual)—

Maksud P.26 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil.3) 1989)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.26 dan Maksud P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.12 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil sedikit perbincangan bagi menyokong permohonan tambahan sebanyak \$74,763,700 di bawah Maksud B.26 dan Maksud P.26, Kementerian Pendidikan.

Wang ini ialah untuk tambahan sebagaimana yang disebut bagi mempelajari pelajaran Kemahiran Hidup bagi Tingkatan 1 dan 2

di sekolah-sekolah menengah dan begitu juga pembelian buku-buku hasil karya Sastrawan Negara dan di samping itu juga ada disebutkan Tambahan Makanan dan Program Susu Sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah pelajaran amat penting bagi pendidikan generasi kita yang akan datang bagi negara Malaysia ini supaya dapat berjalan dengan baik. Apa yang saya tertarik di atas tajuk Kemahiran Hidup bagi Tingkatan 1 dan 2 kepada generasi yang akan datang, yang mana pihak Kementerian Pendidikan harus menumpukan seterusnya kerana kita dapati sekarang ini anak-anak kita generasi yang baru ini tidak tahu dalam segi sejarah-sejarah negara kita ini bagaimana mulanya Gugusan Pulau-pulau Melayu hingga bertukar menjadi Malaya dan sebagainya dan akhirnya kita telah dapat bertukar menjadi Malaysia dan pendidikan ini dapat dijalankan dengan baik.

Dalam soal salsilah atau sejarah negara kita ini juga, kadangkala anak-anak kita mempelajari sejarah luar negeri tetapi mereka tidak mengikuti benar-benar sejarah dalam negara kita ini sendiri. Di masa penjajahan lebih kurang 400 tahun dahulu, karya-karya sastera-sastera Melayu ini, apa yang kita dapat tahu ada banyak di luar negeri, di perpustakaan-perpustakaan di negara-negara yang menyimpan sastera Melayu ini yang sepatutnya pihak Kementerian Pendidikan dapat mengambil balik—sama ada sudah atau belum—dapat diambil dan dibawa balik ke negara kita ini supaya dapat disemak dan dicetak dengan baik dan diberi pengajaran, disebarikan ke sekolah-sekolah sebagai satu mata-pelajaran sejarah kepada anak-anak kita.

Dengan keadaan ini, rasa saya murid-murid atau pelajar-pelajar sama ada di peringkat menengah, tinggi atau universiti, akan tahu di belakang hari apabila mereka ini menjadi pemimpin

dan seterusnya mengenai sejarah-sejarah kita dalam negara kita ini. Kita tidak mahu mereka ini menghentam melulu-lulu dan menuduh yang bukan-bukan terhadap keadaan kita, kerana dalam negara kita ini kita tahu Malaysia ini berasal daripada Gugusan Pulau-pulau Melayu yang mana bahasanya adalah bahasa yang begitu baik dan enak. Kita tidak mahu ada unsur-unsur yang tidak baik dipelajari oleh generasi kita yang akan datang.

Soal yang lain ialah soal pembelian buku-buku hasil karya Sasterawan Negara yang ada disebut untuk dibeli. Saya pun tidak tahu dan saya hendak mendapat tahu buku-buku hasil karya ini adakah buku-buku ini untuk dijadikan satu matapelajaran kepada murid-murid kita dan siapakah pengarang-pengarang karya-karya ini dan berapa jumlah banyaknya kerana tambahan ini sebanyak \$74 juta adalah banyak. Oleh itu saya hendak tahu sedikit sebanyak tentang buku karya Sasterawan ini. Adakah karya-karya Sasterawan ini bersangkutan-paut dengan pelajaran sekolah ataupun karya-karya Sasterawan ini bersangkutan-paut dengan yang lain?

Lagi satu soal yang disebutkan tadi ialah Pinjaman Buku Teks. Ini memanglah kita mengalu-alukan dan kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang memberikan pinjaman-pinjaman ini. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara yang lain, ibubapa mereka terpaksa membeli buku-buku. Tetapi saya mengharapkan buku-buku teks yang ada ini supaya janganlah tiap-tiap tahun ditukar. Sepatutnya empat atau lima tahun baru ditukar. Sunguhpun percuma, kadangkala yang tidak mendapat percuma, yang ibubapa membeli sendiri terpaksa membeli buku-buku teks ini, dengan buku itu sepatutnya boleh dibaca oleh adiknya di masa akan datang yang di bawahnya ataupun adiknya yang masuk Darjah 2 yang mana dia sendiri masuk Darjah

3, buku ini boleh dibaca oleh adiknya. Tetapi oleh kerana pertukaran buku-buku teks ini selalu sangat berlaku, buku-buku itu terbiar begitu sahaja, terbuang begitu sahaja. Ini rasa saya membazirkan wang kepada ibubapa dan juga wang Kementerian Pendidikan dan wang negara kita sendiri.

Soal yang lain yang saya dapat lihat ialah keadaan kita hendak memperbaiki sekolah-sekolah, khususnya di luar bandar. Di luar bandar kita lihat sama ada yang pendalaman dan begitu juga yang dikatakan luar bandar di pinggiran, umpamanya di kawasan saya sendiri, di Sungai Pencala iaitu boleh dianggap luar bandar atau pinggiran bandar. Kita harapkan supaya pihak Kementerian juga dapat memberikan peruntukan-peruntukan yang lebih, kerana tiap-tiap sekolah ini meminta, seperti sekolah di Sungai Pencala yang saya sebutkan tadi, berhubung dengan Pusat-pusat Sumber yang dikehendaki diadakan sebagai salah satu kehendak oleh Kementerian ini yang mana Pusat Sumber ini hendaklah didirikan ataupun disediakan oleh Persatuan Ibubapa (PIBG) di sekolah-sekolah itu tanpa mendapat sedikit bantuan daripada pihak Kerajaan.

Oleh itu saya mengharapkan Kementerian Pendidikan supaya Pusat-pusat Sumber ini patut diberi bantuan supaya ibubapa-ibubapa ataupun Pengerusi PIBG dapat mendirikan, umpamanya di Sungai Pencala sendiri, mereka ini sanggup oleh kerana penduduk di situ adalah penduduk yang boleh dikatakan bukan kaya, ibubapa berkehendakkan sekolah mereka lengkap dengan peralatan-peralatan tetapi tidak berdaya. Kalau minta kepada Wakil Rakyat, setakat sedikit bolehlah diberi tetapi yang lebih daripada itu kemungkinan tidak dapat. Oleh itu saya mengharapkan supaya Kementerian, bukan di Sungai Pencala sahaja, tetapi kita mengharapkan di sekolah-sekolah pendalaman umpamanya, Pusat-pusat Sumber ini dapat

diadakan kelengkapan-kelengkapan ataupun bilik seterusnya diadakan.

Itu sahajalah yang saya dapat melihatkan keadaan Kementerian Pendidikan ini dan dengan ini saya menyokong di atas peruntukan yang telah diminta tambahan. Sekian, terima kasih.

4.16 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.26, Butiran 010000—Pendidikan Rendah dan Menengah; Butiran 010300—Pendidikan Rendah.

Tuan Pengerusi, saya memang menyokong peruntukan ini, tetapi di sini saya ingin minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan iaitu yang pertama, sama ada peruntukan kepada sekolah rendah ditarik balik. Di sini saya ada satu pertanyaan iaitu saya difahamkan bahawa sebuah sekolah iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Phua Nam di Batu 6, Segamat, Johor—mengikut apa yang saya difahamkan, wang peruntukan pembangunan semula bangunan-bangunan sekolah itu sebanyak \$600,000 tiba-tiba ditarik balik pada dua tahun dahulu. Adakah perkara ini berlaku dan kalau ada, apakah boleh berlaku semacam ini?

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan sama ada beliau berjanji kepada pengundi-pengundi beliau di Permatang Pauh bahawa sebaik sahaja beliau dipilih sebagai Wakil Rakyat, dia akan membina sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Seberang Jaya oleh kerana sehingga hari ini nampaknya tidak ada sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Seberang Jaya. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh memberi sedikit penjelasan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 030000—Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, pada 1hb Mac tahun ini saya telah mengemukakan satu pertanyaan mulut kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya bertanya berkenaan dengan sebuah sekolah bernama Sekolah Menengah Swasta Seg Hwa, Segamat. Saya bertanya berkenaan dengan permohonan pemuliharaan sekolah itu tetapi saya dapat satu jawapan bertulis iaitu dalam jawapan itu, Yang Berhormat memberitahu saya itu bukan sekolah ini, yang dia beritahu saya Sekolah Menengah Sik Hua—itu lain. Ini misalnya, saya tanya ayam, dia jawab itik (*Ketawa*). Jadi, mintalah Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh ubah dengan memberi satu jawapan yang lebih tepat kepada saya.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya ingin merujuk kepada P.26, Butiran (Projek) 00200—Pendidikan Menengah. Tuan Pengerusi, sekali lagilah saya minta Menteri Pendidikan supaya boleh memperuntukkan sebanyak \$4 juta kepada Sekolah Menengah Jit Sin di Bukit Mertajam oleh kerana Sekolah Menengah Jit Sin ini adalah sebuah sekolah bantuan modal.

Pada masa ini, Tuan Pengerusi, sekolah itu telah menerima derma sebanyak \$4 juta dan sekolah itu akan didirikan di sekeping tanah di Taman Seri Rambai, Bukit Mertajam dan belanjanya agak lebih kurang \$10 juta dan sekarang masyarakat di Bukit Mertajam telah menderma lebih kurang \$4 juta. Jadi, saya minta Kerajaan boleh menunaikan janji bahawa, “dollar for dollar” ini kepada sekolah bantuan modal ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingat itulah sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Muar.

4.27 *ptg.*

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan (Muar): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Maksud B.26—Kementerian Pendidikan dan juga P.26—Kementerian Pendidikan.

Bagi Maksud B.26—Kementerian Pendidikan, saya suka merujuk kepada Kod (Objek Am) 40000—Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan Bantuan Makanan.

Saya suka bertanya kepada Kementerian Pendidikan keberkesanan bantuan makanan ini kerana kita biasa mendengar dalam akhbar-akhbar bantuan makanan ini lebih mendatangkan keburukan kerana terdapat beberapa kes sekolah-sekolah dan anak-anak sekolah mendapat keracunan makanan dan keracunan ini biasanya terkena kepada murid-murid yang mendapat bantuan makanan daripada Kementerian Pendidikan.

Satu perkara lain yang kita mendapat maklumat-maklumat ialah bantuan makanan ini lebih menguntungkan kepada pembekal-pembekal makanan dan minuman itu sendiri seperti pembekal minuman susu dan sebagainya dan kadangkala kita dapati bahawa bantuan-bantuan minuman susu ini adalah minuman-minuman susu yang telah lama dan tidak lagi mengikut butiran boleh digunakan bagi makanan-makanan tersebut.

Saya juga hendak tahu bagi peruntukan tambahan sebanyak \$11,854,000 ini, berapa ramai dari kalangan anak-anak murid, penuntut-penuntut Sekolah Menengah ataupun Sekolah Rendah khususnya Sekolah-sekolah Rendah yang terlibat dan bentuk Sekolah Rendah yang macam mana yang mendapat bantuan yang dimaksudkan itu?

Satu lagi yang saya ingin rujuk ialah berhubung dengan Maksud P.26,

Butiran Projek 00200—Pendidikan Menengah Semenanjung. Peruntukan \$10,000,000 adalah dikehendaki untuk membiayai pembinaan bilil-bilik darjah sebagai tambahan.

Saya masih lagi menanyakan keberkesanan pendidikan kemahiran yang “diintroducekan” di Sekolah-sekolah Menengah antara Tingkatan Satu dan Tingkatan Tiga kerana saya berpendapat bahawa pada masa yang sama, anak-anak murid mendapatkan pendidikan akademik juga diperlukan masanya untuk mendapatkan kemahiran hidup. Seolah-olah kemahiran hidup ini diajar sebagai melepaskan batuk di tangga dan apabila murid-murid ini keluar daripada sekolah, tidak mampu untuk menggunakan kemahiran-kemahiran tersebut untuk mendapatkan pekerjaan ataupun menentukan cara hidupnya pada masa-masa yang akan datang. Seharusnya Kementerian Pendidikan membuat penentuan sama ada hendak mengajar pendidikan akademik dan sebahagiannya untuk memberikan pendidikan kemahiran sebagai contoh mengintroducekan, dengan izin, Sekolah-sekolah Vokasional ataupun Sekolah-sekolah Teknik dengan banyak.

Saya mendapati jawapan daripada pertanyaan Sekolah Vokasional, sekarang ini hanya terdapat lebih kurang 58 buah Sekolah Menengah Vokasional yang menempatkan hanya setakat 25,400 pelajar sahaja dan bilangan pengambilannya hanya setakat 14,300 orang setahun dan pertambahan sekolahnya tidak lebih daripada 3 ataupun 4. Di sini disebut dalam pembinaan—9 buah Sekolah Menengah Vokasional sedang dibuat dan 3 buah lagi akan dibina pada tahun hadapan iaitu seolah-olah dalam usaha kita meningkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi industri negara, kemahiran hidup ataupun kemahiran-kemahiran pada murid-murid sekolah tidaklah diusahakan dengan bersungguh-sungguh untuk mencabar, untuk menempuh

cabaran negara industri, yang kita tingkatkan daripada masa ke semasa.

Saya berpendapat kalau peruntukan sebanyak \$10 juta ini digunakan untuk menambah darjah-darjah tambahan kemahiran hidup ini digunakan untuk membuat Sekolah-sekolah Menengah Vokasional dan menempatkan lebih ramai daripada pelajar-pelajar untuk mengikuti Sekolah Menengah Vokasional, saya mempunyai kepercayaan bahawa peningkatan kemahiran di kalangan rakyat muda akan bertambah dari masa ke semasa lebih-lagi lagi bagi belia-belia bumiputera.

Ini sahaja yang saya hendak tanya dan saya menyokong Peruntukan Tambahan ini.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Pengkalan Chepa.

4.30 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk satu perkara sahaja. Saya tidak mahu komen apa-apa lebih-lebih lagi untuk menyentuh perasaan Menteri Pendidikan ini, kerana kita sedang menunggu untuk melihat apa yang dirancang itu akan berjaya dengan sepenuhnya, sebab kalau saya komenpun . . .

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang mana ini?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Muka 16.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Mukasurat berapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Mukasurat 16.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nombor?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Maksud B.26 kalau tidak salah saya, kalau salahpun harap betul. Sebab kalau saya hendak komen, saya hendak kata secular dia kata tidak. Saya hendak kata apapun dia kata, dia boleh jawab, cuma satu saya hendak sentuh di sini iaitulah nasib Sekolah Rendah di Pantai Sabak dalam kawasan saya. Projek sekolah ini Rancangan Malaysia Pertama lagi, Pantai Sabak ataupun Kemerok. Rancangan Malaysia Pertama lagi sampai hari ini, sekolah ini masih dalam keadaan begitu lagi sedangkan dengan peruntukan tambahan demi tambahan, dalam setahun pun beberapa kali tambahan dan tidak pernah terlepaslah peruntukan tambahan dari Kementerian Pendidikan. Tetapi apa yang mendukacitakan kepada saya ialah sekolah yang saya sebut sekejap tadi iaitulah Sekolah Rendah Pantai Sabak ataupun Sekolah Kemerok, di mana hari ini kita mendengar seluruh Malaysia ini amat pesat pembangunan sekolah-sekolah ini hingga sampai ada bangunan pasang siap pun ada. Tetapi Sekolah Rendah di Pantai Sabak ini kalau boleh silalah Menteri Pendidikan sendiri hadir melawat bila sampai ke Kota Bharu dan kalau takut tak berjumpa, ajak saya pun tidak apa. *(Tepuk)*

Saya tidak fikir Yang Berhormat ini sengaja mengenenpikan sekolah ini, cuma saya beritahu punca yang menyebabkan sekolah ini gagal sampai hari ini dalam mengganti bangunan baru ialah kerana krisis antara tuan tanah dengan Pejabat Pendidikan. Tuan tanah meletak harga sekian, tetapi pihak Pejabat Pendidikan meletak harga sekian, sedangkan tanah di sana sudah meningkat hampir \$100,000 seekar, tetapi Kementerian sanggup bayar pada satu ketika dahulu tahun 1959 lagi, jadi saya hendak sebutpun

sudah terlampau usang. Dia hendak harga \$2,000 satu ekar, orang kampung ini kita tahu kalau tidak kerana pelajaran, dia tidak akan beri tanah, tetapi demi untuk pembangunan dan pendidikan pula, maka dia terpaksa walhal harta dia hanya itu sahaja. Oleh kerana pihak Kementerian Pendidikan melalui Pejabat Pendidikan tidak dapat menimbang angka yang ditunjuk oleh orang kampung, maka akhir sekali bila krisis timbul, mengikut apa yang saya tahu, sebab masa itu saya ada dalam Board Education telah dibawakan kepada mahkamah, maknanya diserahkan kepada mahkamah dan hari ini hilang cerita, tidak tahulah sedangkan sekolah yang baru dalam jangka 2-3 tahun sudah dapat bangunan baru, diganti dengan yang lebih selesa, tetapi sekolah ini selain daripada dia itu terletak di tempat yang rendah, tempat yang ditenggelami air setiap kali banjir, maka bangunannya pula begitu sekali mendukacitakan.

Saya sengaja bangkit sepatutnya di sini dan apa yang saya bangkitkan ini insya Allah tidak akan menyusahkan Kementerian, kerana Kementerian duit banyak, dan dia pun sentiasa memberi pertolongan kepada semua kawasan. Maka saya haraplah bukan kerana kawasan saya, tetapi kerana pembangunan dan pendidikan dan kalau beliau berasa begitu benar apa yang saya hujah, beliau tidak payah pergi, bahkan besok lusa pun boleh buat peruntukan dan carilah jalan penyelesaian. Saya tidak mahu rakyat menunggu lagi, keadaan sudah begitu sulit, tetapi pihak Kerajaan tidak dapat hendak menyelesaikan dan perkara ini pada pandangan umumnya mereka tidak nampak kegagalan ini melainkan adalah berpunca daripada pihak yang berkenaan.

Itulah sedikit sebanyak, Tuan Pengerusi, saya harap Menteri Pendidikan dapat menyelesaikan masalah ini dan saya mengucapkan terima kasih serta menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Maran.

4.35 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Pengerusi, sebenarnya saya hendak bercakap daripada minggu lepas, tetapi baru ini dapat bercakap mengenai dengan Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.26, di mana peruntukan sebanyak \$74 juta lebih itu adalah di antaranya untuk membeli buku-buku hasil karya Sasterawan Negara untuk sekolah-sekolah dan agensi-agensi Kerajaan.

Saya hanya ingin dapat tahu apakah jenis-jenis buku yang dibeli dan siapakah Sasterawan-sasterawan Negara yang kita beli buku daripada mereka.

Yang kedua, saya ingin juga mendapat penjelasan iaitu mengenai Kementerian mengadakan ataupun menganjurkan kursus-kursus berkaitan dengan perubahan gaji dua Skim Perkhidmatan Pendidikan.

Saya dapat tahu bahawa di antara kursus-kursus yang diadakan ini ialah untuk membolehkan mereka ini menduduki satu-satu skim yang ditentukan.

Pertanyaan saya adakah kursus-kursus ini betul-betul menepati kehendak-kehendak yang membolehkan mereka itu menduduki skim yang lebih tinggi daripada mereka sebelum menghadiri kursus. Kita bimbang kalau sekiranya kursus-kursus itu tidak benar-benar menepati yang dikehendaki, maka mutu pengajar itu sendiri akan tidak seimbang dengan jawatan yang kita bagi. Jadi itu perlu juga mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang ketiga, sudah barang tentu mengenai dua skim yang baru kita kemukakan ini kedapatan ada di antara C8 apabila dinaikkan kepada B10 iaitu sebagai Penolong Kanan, ramai di antara mereka yang tidak disahkan dalam jawatan.

Sebagaimana kita ketahui bahawa apabila kita menawarkan satu-satu jawatan kepada mana-mana pegawai sudah barang tentu jawatan itu mesti wujud, jadi kalau sekiranya jawatan itu tidak wujud, kita tidak boleh menawarkan jawatan kepada sesiapa, tetapi ada kedapatan ramai di antara C8 ini yang tidak disahkan dalam jawatan, kemungkinan jawatan itu ianya tidak wujud ataupun tidak mencukupi. Kalau sekiranya ini berlaku, sudah barang tentu bukan sahaja guru yang kita naikkan pangkat itu akan tidak disahkan dalam jawatan yang dinaikkan pangkat, mereka juga akan diturunkan ke jawatan yang lain dan tawaran gaji mereka pun mengikut skim yang lebih rendah. Jadi masalahnya kalau sekiranya betul-betul jawatan itu tidak wujud, mereka bukan sahaja turun pangkat, tetapi pembayaran yang diberi kepada pangku semasa mereka memegang jawatan kanan itu mereka dikenakan bayar balik imbuhan yang diberi kepada mereka, kalau sekiranya jawatan tidak wujud semasa kita menawarkan jawatan kepada mereka.

Saya ingin menyarankan kepada Kementerian supaya kita menyiasat perkara ini, kalau sekiranya jawatan itu tidak wujud, mestilah kita wujudkan sekurang-kurangnya kalau tidak untuk disahkan kepada mereka yang tidak disahkan dalam jawatan, mungkin kerana prestasi mereka tidak baik, tetapi sekurang-kurangnya hendak mengimbangkan balik yang mana mereka telah diberikan bayaran kepada mereka semasa mereka memangku jawatan yang kanan itu. Kalau tidak, mereka ini sudah barang tentu akan sedikit merasa tidak puas hati, kerana

bukan sahaja tanggagaji itu rendah, jawatan itu diturunkan bahkan kemungkinan mereka dikenakan bayar balik imbuhan-imbuhan yang diberi kepada mereka semasa mereka telah dinaikkan pangkat dahulu. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong. Saya ingat selepas ini, saya terpaksa memanggil Timbalan Menteri menjawab.

4.40 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Maksud P.26, mengenai Butiran (Projek) 00200—\$10 juta ringgit diminta untuk membiayai pembinaan bilik-bilik darjah tambahan KBSM bagi pengajaran matapelajaran Kemahiran Hidup di semua sekolah menengah daripada Tingkatan I hingga Tingkatan III, kerja penyelenggaraan sekolah menengah dan kerja-kerja kecil bagi menyediakan kemudahan sukan, juga di sekolah menengah.

Kami ingin tahu bilangan bilik darjah yang mungkin dibina dengan wang ini, bilangan sekolah menengah yang akan menerima faedah daripada projek ini di setiap negeri, jumlah wang yang sebenarnya diperuntukkan kepada pembinaan bilik darjah, kerja penyelenggaraan serta penyediaan kemudahan sukan dan bilangan murid yang akan menerima faedah daripada pembinaan ini.

Adakah projek pembinaan bilik darjah ini sebahagian daripada rancangan pembinaan yang perlu disegerakan di mana Kerajaan berhasrat mendirikan lebih daripada 5,000 buah bilik darjah menjelang bulan Oktober tahun ini? Saya difahamkan bahawa mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan kurang keyakinan bahawa bilangan bilik darjah ini akan

mencukupi untuk menampung tambahan dalam bilangan murid yang mengambil matapelajaran Kemahiran Hidup dari setahun ke setahun. Adakah Kerajaan telah memberi pertimbangan kepada keresahan mereka ini dan seterusnya menetapkan sasaran unit bilik darjah yang baru? Jika tidak dipertimbangkan, mengapa?

Tuan Pengerusi, untuk berapa lamakah tambahan dalam bilangan bilik darjah ini, di bawah program ini boleh bertahan menampung bilangan murid yang kian bertambah sebelum unit-unit baru perlu dibina lagi?

Kementerian difahamkan mempunyai rancangan jangka panjang untuk menjadikan kesemua sekolah di negara ini sekolah satu sesi. Akan tetapi, 64% daripada sekolah kita mempunyai dua sesi. Di antara sekolah-sekolah menengah yang menerima faedah daripada pembinaan lebih banyak unit bilik darjah ini, berapa buah sekolahkah yang mempunyai dua sesi? Jika kesemuanya ialah sekolah dua sesi, maka adakah ini bermakna sekolah-sekolah satu sesi tidak menghadapi masalah kekurangan bilik darjah langsung? Jika tidak, maka bilakah Kerajaan akan membina lebih unit bilik darjah di sekolah-sekolah berkenaan?

Tuan Pengerusi, saya sedar Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah berulang kali mengeluarkan kenyataan mengenai pembinaan bilik-bilik darjah ini. Selain daripada bilik darjah, pengajaran matapelajaran Kemahiran Hidup juga menghadapi masalah buku teks serta kemudahan bengkel kerja. Bagaimana serta bilakah Kerajaan akan menguruskan masalah-masalah ini? Kerajaan pernah berjanji kepada sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kemudahan bengkel kerja untuk memberi peruntukan sebanyak \$3,500 kepada setiap sekolah menengah tersebut. Setakat 1hb September tahun lepas, sekolah-sekolah hanya

menerima \$1000 sahaja. Menjelang akhir bulan Februari tahun ini, berapa sekolahkah yang telah menerima peruntukan \$1,000, berapa pula yang telah menerima \$3,500?

Tuan Pengerusi, dalam satu laporan yang lain, iaitu pada 23hb Ogos tahun lepas, Pengarah Pendidikan mengatakan yang masalah kekurangan bilik darjah hanya kes-kes khas dan terdapat di antara sekolah-sekolah dua sesi yang sempat menjalankan pengajaran matapelajaran Kemahiran Hidup. Jika ini benar, maka mengapakah setengah-setengah sekolah dua sesi menghadapi masalah ini dan setengahnya tidak?

Di kawasan-kawasan manakah serta negeri manakah masalah kekurangan bilik darjah ini paling tenat. Dalam laporan yang sama, Pengarah juga mengemukakan masalah pembinaan bilik darjah pada kadar yang tidak setanding dengan penambahan bilangan murid yang belajar di peringkat sekolah menengah. Adakah ini semata-matanya masalah kadar tambahan bilangan murid yang pesat atau kelemahan kontraktor melaksanakan kerja pembinaan? Bagaimanakah Kerajaan bercadang mengatasi masalah ini atau mempercepatkan lagi proses pembinaan supaya setanding dengan pertumbuhan dalam bilangan murid?

Tuan Pengerusi, Pengarah Kementerian Pendidikan juga mengatakan bahawa masalah kadar tidak hadir dalam kelas Kemahiran Hidup yang tinggi, ada kalanya setinggi 60%, tidak harus diperlihatkan secara tersendiri. Begitu juga dengan rungutan 54% daripada murid di lima buah sekolah di Selangor dan Wilayah Persekutuan mengenai keletihan akibat waktu belajar yang terlalu panjang dan di setengah-setengah kes murid-murid miskin kelaparan kerana ibu-bapa mereka tidak berdaya memberi wang makanan yang banyak kepada anak-anak mereka. Maka, adakah maklumbalas yang diterima

daripada sekolah-sekolah di berbagai negeri dan daerah oleh Kementerian boleh menyokong pendirian Kerajaan yang dasar mendemokratikkan pendidikan, iaitu setiap murid berhak menerima jumlah masa belajar yang sama, patut diteruskan seperti tersedia kala, sungguhkan kajian akademik UPM serta perakuan guru-guru meunjukkan bahawa waktu belajar yang terlalu lama lebih membawa keburukan daripada faedah kepada murid-murid? Jika ada, bolehkah Kerajaan mengumumkan hasil kajian maklumbalas yang diperolehi olehnya terutama sekali statistik yang boleh menyokong pendirian Kerajaan?

Tuan Pengeusi, Butiran Projek 02900—Universiti Utara Malaysia (UUM).

Di bawah projek ini, \$40 juta diperuntukkan bagi membiayai bayaran kemajuan kerja membina kampus tetap UUM kepada kontraktor-kontraktor berkenaan. Apakah bilangan kontraktor yang terlibat dalam pembayaran \$40 juta ini? Bolehkah Yang Berhormat senaraikan nama kontraktor, kos kerja kontrak, jenis kontrak, tempoh masa kerja kontrak diselesaikan berbanding dengan tempoh masa yang dijanjikan bagi setiap seorang kontraktor yang mempunyai bahagian dalam pembayaran \$40 juta ini? Selepas pembayaran \$40 juta ini, berapa banyak lagikah wang yang perlu dibayar kepada setiap kontraktor dan bilakah pembayaran terkemudian ini perlu dibuat? Setakat ini berapa bayaran kemajuankah yang sudah dibuat kepada setiap kontraktor dan apakah jumlah pembayaran kemajuan yang sudahpun diterima oleh setiap kontraktor?

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penebangan kira-kira 400 batang kayu jati yang bernilai \$6 juta pada tahun lepas, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengatakan Menteri Besar Kedah tidak terlibat dalam pencurian kayu-kayu jati tersebut. Menurut

Menteri Besar Kedah pula, kawasan yang balaknya ditebang adalah terletak di negeri Thai dan pencurian balak dari Sintok ialah jenis yang lain. Kononnya mereka ini menebang kayu balak itu telah diambil tindakan dan didenda \$35,000 oleh Jabatan Perhutanan Negeri.

Adakah pembalok itu salah seorang daripada kontraktor yang diupah untuk membina Kampus UUM? Jika tidak, siapakah pembalok itu dan apakah pula terjadi kepada balak yang ditebangkan? Apakah nilai balak-balak itu? Apakah pula hasil siasatan pihak Jabatan Perhutanan Negeri ke atas kira-kira 54 batang pokok besar di kawasan pembinaan Kampus tetap UUM sungguhpun telah ditanda merah dan setengah-setengahnya diletakkan nama jenisnya?

Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak dapat menjelajah ke seluruh negara dan tidak dapat mengawal-seliakan setiap masa ke atas penebangan pokok-pokok di Kampus UUM? Itu mustahil, tetapi sekurangnya beliau hendaklah mengeluarkan kenyataan yang membayangkan keadaan yang sebenar.

Setakat ini dia bisu sahaja, setelah membuat satu kenyataan dahulu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melahirkan perasaan amat kesal terhadap kerja pembinaan kampus UUM yang tidak mematuhi arahan beliau seperti bukit-bukit digondolkan dan pokok-pokok tua yang berusia lebih 100 tahun ditebang. Kontraktor manakah yang terlibat? Adakah kontraktor ini akan didenda, jika tidak, mengapa? Bukankah arahan Perdana Menteri itu juga direkodkan sebagai sebahagian daripada syarat-syarat perjanjian, jika bukan, mengapa? Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa terhadap kontraktor yang telah melanggar arahan ini? Selain daripada kontraktor, pihak

lain yang manakah patut disalahkan juga dalam hal ini? Apakah telah terjadi kepada balak daripada pokok-pokok yang ditebang?

Tuan Pengerusi, menurut Timbalan Naib-Cancelor UUM, 9% daripada kerja pembangunan kampus tidak menepati jadual disebabkan oleh hujan. Adakah tindakan mendenda kontraktor diambil dalam kes-kes ini. Apakah nilai tambahan kos pembangunan yang mungkin terhasil daripada kelengahan menyiapkan kerja sebanyak 9% ini? Pada masa ini adakah kelengahan menyiapkan kerja pembangunan masih wujud. Jika ada, berapa peratuskah kerja yang terlibat serta tambahan dalam kos pembangunan yang berhasil? Pihak manakah pula yang akan menanggung tambahan kos ini. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelengahan ini?

Tuan Pengerusi, berhubung dengan menyediakan peruntukan tambahan bagi Sekolah Menengah, adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan juga peruntukkan kepada sekolah-sekolah khas untuk membiayai kelas-kelas ibunda supaya kelas-kelas tersebut boleh dimulakan sebaik sahaja penggal sekolah bermula. Jika tidak, mengapa?

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya hendak membangkitkan satu perkara lagi di bawah Butiran 060000—Pendidikan Tinggi. Ini ekoran daripada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang.

Y.B. Menteri Pendidikan nampaknya bersuka,
Ahli-ahli bersindir dan bersajak,
Patutkah Ahli dari Marang berseloka,
Dihentak tak masuk, diumpil tak bergerak.

Kerana ada galakan Menteri Pendidikan,

Sehingga Marang berlidah di lidah orang,
Hal Perlantikan Dekan dibangkitkan,
Laksana seludang menolak mayang.

Tuan Pengerusi, walaupun Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah keluaran kenyataan yang tidak jelas mengenai hal ini kerana dia tidak mengambil sikap dan pendirian yang tegas. Saya di sini hendak menekankan supaya dia membuatkan satu kenyataan yang mempunyai isi kandungan yang tegas, apakah pendapat beliau di dalam isu ini?

Kerana memang Marang terang berperang,
Kontroversi perlantikan berkumandang,
Marang senantiasa naik berang,
Seperti aur ditarik songsang.
(Tepuk)

Jadi saya hendak tahulah apakah pendapatnya mengenai hal ini? Saya pun pada hari itu juga saya bangkitkan hal ini, kerana dia puji Yang Berhormat dari Marang itu menggunakan bahasa yang begitu indah dan seterusnya saya tanya dia, sama ada bahasa yang kemudian itu masih indah lagi. Dan hari ini saya teruskan dengan pertanyaan saya, apakah pendapat dia mengenai saranan yang begitu chauvinist yang dikeluarkan oleh Ahli dari Marang supaya rakyat Malaysia dapat mengetahui, apakah perkembangan yang akan diusahakan oleh pihak Kementerian untuk memajukan universiti-univeristi seperti Universiti Malaya? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Di jumpat Menteri menjawab.

4.54 ptg.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Pengerusi, saya

mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kesudian Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan sokongan dan kemudiam mengemukakan beberapa persoalan.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai mengemukakan keperihatinan beliau tentang matapelajaran sejarah yang tidak dikuasai dengan baik oleh pelajar-pelajar dan ini telah menimbulkan masalah dan ketegangan bila mereka dewasa. Saya ingin menjelaskan bahawa matapelajaran sejarah merupakan matapelajaran wajib dalam KBSM dan walaupun ia tidak lagi merupakan matapelajaran wajib di peringkat pendidikan tinggi, tetapi dengan sukatan yang lebih lengkap dan mantap, saya kira pelajar-pelajar dapat menguasai pelajaran sejarah tanahair, rantau dan juga dunia dengan memuaskan.

Mengenai karya-karya Sastrawan Negara, saya ingin menjelaskan bahawa karya-karya Sastrawan Negara yang dimaksudkan ialah tokoh-tokoh yang telah diberi gelaran Sastrawan Negara. Mereka ialah Saudara Usman Awang (Tongkat Waran); kedua, Keris Mas (Kamaludin Mohamad); ketiga, A. Samad Said; keempat, Shahnnon Ahmad; kelima, Arena Wati. Peruntukan telah disediakan mengikut satu keputusan Kerajaan yang telah dibuat hampir 10 tahun yang lalu dan Kerajaan telah bersetuju untuk membiayai penerbitan buku-buku karangan Sastrawan Negara tersebut. Ini adalah selain dari ganjaran yang-diberikan kepada mereka, termasuk wang tunai dan kemudahan-kemudahan lain. Buku-buku ini telahpun diterbitkan sejak tahun 1988 dan menelan belanja hampir \$2 juta dan disamping ini, pada tahun 1989, memandangkan buku-buku ini telah tidak diterbitkan pada tahun sebelumnya kerana perundingan yang dibuat dengan para penerbit dan juga pengarang-pengarang berkenaan, buku-buku ini telah diterbitkan dan diedarkan kepada semua

perpustakaan sekolah, perpustakaan di pusat-pusat pengajian tinggi dan tidak dijual kerana Kerajaan telah membiayai sepenuhnya melalui Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mengenai buku teks, saya ingin jelaskan, sebenarnya kita tidak menukar tiap-tiap tahun. Apa yang berlaku ialah dengan pelaksanaan KBSM, buku-buku teks Sekolah Menengah telah dirobah. Tetapi saya percaya kita boleh menilai sekurang-kurangnya setelah 3 tahun mengikuti buku teks yang sama dan tidak ada cadangan sama sekali untuk menukar buku teks tiap-tiap tahun.

Tentang kebimbangan Ahli Yang Berhormat mengenai kedudukan sekolah-sekolah di pinggir bandar ataupun sekolah dhaif, itu saya telahpun memberikan penjelasan berulang kali bahawa mengikut jenis sekolah yang dikategorikan oleh Kementerian Pendidikan, sekolah-sekolah yang dhaif di bandar dan di pinggir bandar atau di mana pelajar-pelajarnya terdiri dari keluarga miskin, mereka memang ditakrifkan sebagai sekolah-sekolah dhaif bandar ataupun luar bandar dan memang diberi keutamaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah membangkitkan kedudukan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Seberang Jaya, di bahagian Permatang Pauh. Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan berat beliau. Masalah di kawasan beliau di Bukit Mertajam pun belum dapat diselesaikan, dia tolong menjaga kawasan saya di Permatang Pauh. Saya ingin memberi penjelasan kepada beliau bahawa sebenarnya Kerajaan telah bersetuju dan cadangan memindahkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Kampung Pertama, Seng Kiau telah dipersetujui. Jawatankuasa yang terdiri dari persatuan-persatuan dan juga sekolah berkenaan telahpun dapat memperolehi sebidang tanah.

Projek ini telahpun dikemukakan untuk mendapat kelulusan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Kementerian Pendidikan telahpun meluluskan dan sebenarnya, projek itu belum dibangunkan kerana kelewatan pihak Jawatankuasa mendapatkan sebidang tanah yang sesuai dan dapat diterima oleh "community", masyarakat di Seberang Jaya dan hari ini kita bernasib baik kerana semua ini telah dibereskan dan saya telah menemui Jawatankuasa berkenaan dan akan memberikan keutamaan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Yang kedua, beliau bangkitkan kedudukan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Hwa Nam di Batu 6, Segamat. Saya beri jaminan saya akan perhatikan kes ini sama ada kelulusan itu benar ditarik balik atau tidak tetapi kalau keadaannya itu mendesak dan memerlukan bantuan, saya boleh mengarahkan pegawai-pegawai supaya menyegerakan pelaksanaan. Kalau pun tidak sepenuhnya, sekurang-kurangnya sebahagian daripada keperluan mendesak sekolah tersebut.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan kedudukan Sekolah Menengah Sek Hwa. Sebenarnya bukan soalnya itik ayam. Saya tidak cuba berdolak dalik tentang persoalan tersebut. Beliau bertanya tentang Sekolah Menengah Sek Hwa, saya jawab tentang Sekolah Menengah Sek Hwa. Memang betul jawapan saya itu. Cuma dia tanya mengenai ternakan, dia tidak sebut itik atau ayam. (*Ketawa*) Hari ini dia jelaskan bahawa yang dia maksudkan ialah Sekolah Menengah Independent Sek Hwa ini. Sekolah Menengah swasta asal Sek Hwa.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan saya ialah Sekolah Menengah swasta Sek Hwa bukan Sekolah Menengah Sek Hwa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Ya, ini yang saya hendak jawab, kena jelas sedikit betul-betul jenis ayam dan sebagainya kerana sophisticated masyarakat sekarang ini. Kedudukan sepertimana kita sedia maklum, sejak tahun 1961 sudah ada persefahaman di antara pendiri-pendiri sekolah tersebut untuk memindahkan kedudukan sekolah itu menjadi Sekolah Jenis Kebangsaan atau mengekalkan dalam bentuk sekolah independent yang dimaksudkan. Dalam konteks sekolah ini setakat dalam ingatan saya, kerana pihak sekolah tersebut dan juga MCA telah mengemukakan kepada saya untuk menimbang, saya telah menjelaskan bahawa mereka pada ketika itu telah memohon untuk memindahkan sekolah itu menjadi Sekolah Jenis Kebangsaan.

Hari ini ada cadangan supaya kembali kepada status pra 1961 untuk mengekalkan kedudukan itu sebagai sekolah swasta Sek Hwa Segamat. Saya menjelaskan bahawa perkara ini belum dilakukan sejak tahun 1961. Oleh yang demikian, keputusan mengenai sekolah tersebut adalah berat dan memerlukan perhatian dan pertimbangan yang serius oleh Kerajaan kerana akan menjadi satu precedent yang harus akan diikuti oleh sekolah-sekolah yang lain. Inilah kedudukannya setakat ini. Saya bersetuju untuk menemui Jawatankuasa Sek Hwa untuk memberi penjelasan dan mendengar pandangan mereka.

Tuan Chian Heng Kai: Yang Berhormat Menteri Pendidikan sama ada beliau sedar bahawa menjelang tahun 1986 seorang calon MCA sekarang jadi Ahli Majlis Kerajaan Negeri Johor. Baru-baru ini dia berkata dia telah tertipu oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, oleh kerana sebelum itu dia berjanji kepada masyarakat Cina di Segamat bahawa sebaik sahaja beliau menang dalam Pilihanraya Umum dalam tiga bulan Sekolah Menengah swasta Sek Hwa ini

akan dapat dipulihkan. Jadi, baru-baru ini oleh kerana ada penduduk-penduduk di sana ada persoalan perkara ini kepada beliau dan beliau kata dia telah tertipu oleh Menteri Pendidikan iaitu Encik Anwar. Dia kata nama Encik Anwar. Jadi, saya mahu tanya sama ada perkara ini benar atau tidak. Kalau benar, mengapa sedemikian.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Terima kasih kerana saudara pandang berat untuk bela saya pula. Tetapi saya hendak jelaskan bahawa perkara ini memang dibangkitkan kepada saya oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan. Kalau benarlah dia kata begitu, saya akan panggil dan tanya dia. Tetapi mungkin apa yang dimaksudkan ialah sebelum pilihanraya, beliau telah berjanji untuk mengemukakan kepada pihak saya dan memberikan kelulusan segera mungkin ataupun kelulusan segera. Saya menjelaskan bahawa perkara ini bukan satu isu yang mudah. Saya juga sedar bahawa rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP boleh menggunakan ini sebagai satu isu yang boleh menaikkan semangat masyarakat Cina. Tetapi saya jelaskan bahawa saya adalah terikat dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan janji yang kita telah buat sejak tahun 1961 dahulu tetapi oleh kerana perkara ini merupakan di antara perkara yang berat dipertimbangkan oleh sebahagian daripada masyarakat Cina di Segamat, saya telah bersetuju untuk mendengar keluhan dan rintihan mereka.

Dan oleh yang demikian apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dari Muar itu, saya fikir tidak begitu penting. Kalau benarlah dia buat begitu, banyak orang tuduh lebih berat lagi kepada saya, saya terima sahajalah, sebab kena banyak bersabar sekarang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada kata

tadi mengenai ada memberi jawapan mengenai kes-kes Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan jaminan-jaminan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pendidikan menerangkan kenapa beliau sudah berkali-kali kata bahawa pindaan Draf kepada Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran sudah diedarkan kepada tokoh-tokoh parti-parti komponen Barisan Nasional, walhal mereka semua sudah nafi, Yang Berhormat Menteri MCA baru masuk. Mereka sudah nafi dalam suratkhbar, tidak pernah diedarkan Draf Bil, belum diedarkan. Sungguh pun Yang Berhormat Menteri kata sudah diedarkan mengenai perkara ini, Yang Berhormat Menteri Perumahan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata dua tiga hari dahulu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah tidak benar. Kenapa Yang Berhormat Menteri Pendidikan cakap begitu banyak tidak benar. Apa yang sebenarnya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Yang benarnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak faham. Saya kata yang diedarkan Deraf Perakuan Akta Pendidikan. Dan deraf ini memang diedarkan, mereka tahu. Ya, Deraf Perakuan yang mereka kata belum diedarkan ialah Deraf Rang Undang-undang. Tidakkannya duduk bertahun-tahun dalam Parlimen tidak faham bezanya (*Tepuk*). Satu, Deraf Rang Undang-undang, itu belum diedarkan. Yang diedarkan Deraf Perakuan. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun ada yang dia kata belum diterima Deraf Rang Undang-undang. Sebab itu MCA boleh berkawan dengan UMNO kerana dia faham. Bahasa Melayu basic inipun tidak faham. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini berkata . . .

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Just to finish the sentence. Ahli Yang

Berhormat dari Tanjong ini berkata Deraf Rang Undang-undang. Memang Deraf Rang Undang-undang belum diedarkan. Deraf Perakuan peruntukan Akta itu diedarkan. Okay, kalau faham ini mudah kita ajar anak-anak di sekolah. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang nampaknya Yang Berhormat Menteri Pendidikan mahu buat dua perbezaan. Deraf Perakuan dan Deraf Rang Undang-undang. Bukankah benar apabila Yang Berhormat Menteri Pendidikan jumpa saya di luar lobi dalam mesyuarat dahulu beliau kata Deraf Bil sudah diedarkan kepada tokoh-tokoh parti komponen Barisan Nasional, sekarang Deraf Bil belum ada.

Tuan Anwar bin Ibrahim: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis, sekarang Deraf Bil belum ada, sekarang ada Deraf Perakuan—belum sampai Deraf Bil. Mungkin Deraf Bil tahun 2000 baru boleh sampai. Kenapa sekarang ada Deraf Perakuan, Deraf Bil. Bukankah ini, dengan izin, delaying tactics yang baharu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Terima kasih. Yang Berhormat kena sabar. Saya tidak ada apa-apa masalah kesihatan. Saya tidak mahu Ahli Yang Berhormat marah tidak tentu. Saya sebut mungkin Yang Berhormat salah faham. Tetapi kalau Yang Berhormat sebut saya jawab di Parlimen, saya beri ucapan terbuka, saya katakan Deraf Perakuan Undang-undang dan Deraf Perakuan itu agak spesifik termasuk yang menyentuh Perkara 21 (2) memang disebut pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan seluruh peruntukan-peruntukan itu. Cuma Deraf Rang Undang-undang—kerana Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti-parti komponen merasakan Deraf Perakuan ini tidak mencukupi kerana

bentuk perkataan, penyusunan ayat-ayat yang dihubungkan dengan technical terms Undang-undang itu harus dilihat terlebih dahulu.

Jadi, saya harap perkara ini janganlah dibangkitkan. Tetapi apa yang bisik dilobi, dia salah dengar, maklumlah bisik—bahaya kadang-kadang bisik dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini—bisik dia cerita habis kepada orang. (*Ketawa*) Tetapi yang saya faham mungkin ada sedikit miscommunication, saya tidak tahu tetapi saya hendak sebut sekali lagi yang kita sebut Deraf Perakuan Undang-undang. Sebab itu saya katakan ialah Deraf Perakuan peruntukan dan peruntukan ini agak specific detail. Bukan maknanya saya tidak mahu, kenyataan ini diputar belitkan pula oleh DAP, kerana mereka pakar dalam bidang ini. (*Tepuk*) Saya tidak mahu mereka putar belit.

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tidak mengapalah, terima kasihlah kerana Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam hendak pertahankan taukeh dia. Tetapi saya hendak jelaskan, hendak habiskan' ayat ini sahaja dahulu.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia habis dahulu Yang Berhormat.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya tidak mahu ini diputar belitkan. Seolah-olah kata, ah tidak ada. Sebenarnya tidak benar dan tidak ada, ataupun belum ada—tidak benar. Deraf apa yang dikatakan cadangan peruntukan pindaan Akta bahkan Akta baharu ini memang agak teliti dibuat dan ditiap peruntukan yang hendak dikemukakan dimasukkan tanpa dikesualikan.

Sebab itu saya berani mengatakan bahawa kita hampir selesai seluruh draf sebelum kita rujuk perkara ini

kepada Jemaah Menteri ataupun sebelum kita edarkan kepada masyarakat umum. Saya tidak mahu perkara ini diputarbelitkan kerana nanti ada yang menganggap bahawa tidak ada, yang tidak ada ialah technical term draft dalam undang-undang, itupun baru disiapkan oleh Peguam Negara dan kita akan edarkan dalam masa sesingkat mungkin ini.

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

Tuan Chian Heng Kai: Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan adakah draf perakuan ini sebagai dokumen di bawah OSA. Kalau tidak ada, mengapa kita minta draf perakuan itu tidak diberi dan hanya diberi kepada Barisan Nasional sahaja dan mungkin masyarakat pun mahu tahu perkara ini. Itu saya ingat bukan satu rahsia.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kita akan beri, tetapi beri ini ikut kategorilah, yang mana orang baik kita beri dahulu, yang kemudian, kemudian sedikit, (*Ketawa*) tetapi kita akan beri. Saya telah beri jaminan kepada Yang Berhormat dari Tanjong sama ada dalam Dewan atau di luar Dewan, sememang kita akan edarkan dan kita beri masa dan tempoh yang agak cukup bagi masyarakat membahaskan, bahkan sekarang ini pun peruntukan-peruntukan dalam perakuan itu kita akan jelaskan, ratusan bahkan lebih daripada ratusan yang telah mengemukakan memorandum, komponen dan elemen dari pandangan-pandangan mereka yang kita masukkan. Sebab itulah kita mengambil masa yang agak lebih panjang kerana yang kita bentangkan itu tidak satu-dua peruntukan yang difikirkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP sahaja, biasanya pandangan mereka ini tidak

begitu jauh, dia tidak lihat kepentingan pendidikan Abad 21. Kita fikirkan pendidikan ini Abad 21, perkembangan zaman, ledakan maklumat (*information explosion*), sophistication dan teknologi canggih dan semua ini kita kena fikir dalam menyediakan Akta Pendidikan.

Boleh saya sambung, ada lagi? Nanti Kementerian lain tidak selesai lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana Yang Berhormat ada kata bahawa bahayalah bisik-bisik di luar lobi. (*Ketawa*) Tidak ada bahaya kalau lurus, kalau jujur, kalau ikhlas, kalau tidak mahu memutarbelitkan apa yang sudah dikatakan.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri Pendidikan kata bahawa perakuan untuk pindaan kepada Akta merangkumi banyak hal dan bukan begitu sempit sahaja. Adakah termasuk khasnya pendidikan moral supaya perkara-perkara yang tidak bermoral tidak akan menjadi teladan untuk anak-anak kita, khasnya mengenai kes-kes Yang Berhormat dari Kapar di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan ini ada sebut sifat dia sebagai "pervert"—mereng. Adakah seorang pervert—mereng boleh ditahan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan terus menjadi ahli di sini? Bukankah ini contoh yang lebih mustahak, seorang yang pervert, seorang yang mereng boleh terus menjadi tokoh Barisan Nasional, boleh terus menjadi Ahli Parlimen? Bukankah ini tidak guna apa-apa perakuan mengenai pendidikan moral, lebih baik contoh-contoh yang bermoral oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan.

Akhirnya, bolehkah Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberi satu jaminan bahawa dalam manifesto Barisan Nasional yang akan datang, untuk Pilihanraya Besar yang akan datang, akan membuat satu janji

bahawa seksyen 21 (2) Akta Pelajaran akan dimansuhkan di masa depan?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini garang, saya sudah nasihat. Sebenarnya bukan sahaja soal moral, banyak yang ditekankan, saya katakan vokasional, industri canggih, fahaman-fahaman perkauman yang sempit, semua hendak dihapuskan. Jadi, DAP selepas ini saya fikir akan mengalami masalah yang besar kerana anak-anak kita akan dididik supaya memahami kepentingan negara, fahaman kebangsaan yang tulin dan mengeneipkan sentimen kaum dan menimbulkan kebencian antara kaum, semua ini kita cuba hapuskan. Jadi, soal deraf janganlah Yang Berhormat terlalu bimbang kerana kita akan edarkan.

Saya juga merasakan tidak perlu seksyen 21 (2) dimasukkan dalam manifesto Barisan Nasional. Perkara ini telah diumumkan. Saya harus lahirkan sedikit dukacita, banyak sangat tidaklah kerana kita sudah faham kawan-kawan kita ini, sedikit dukacita kerana perkara ini telahpun dijanjikan dan memang dalam peruntukan tersebut. Tetapi yang saya rasa dukacita ialah kerana kecenderungan Parti DAP mengemukakan isu ini seolah-olah menimbulkan perasaan menang di kalangan masyarakat Cina tanpa memikirkan perasaan orang-orang Melayu (*Tepuk*).

Saya sudah umumkan dan Kerajaan akan pertahankan, tetapi saya jelaskan Akta Pendidikan ini bukan seksyen 21(2) sahaja. Mengapa DAP tidak sibuk untuk minta bahawa Akta Pendidikan harus meneguhkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, tidak tidak minta. Dia tidak pernah minta, Tuan Pengerusi. Dalam pindaan Akta Pendidikan kita harus meneguhkan kemantapan kedudukan Bahasa Melayu, memberikan penekanan kepada bahasa Inggeris, kemudian

mempertahankan kedudukan sekolah-sekolah aliran Cina dan Tamil, saya boleh terima. Tetapi kalau dia pandangan satu sahaja, nampaklah sentimen dia itu hanya untuk memenangi satu pihak sahaja.

Saya tidak fahamlah mengapa Semangat 46 begitu terkeliru (*Tepuk*) dan saya tidak faham mengapa PAS, saya kasihan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tertipu dengan seluruh permasalahan ini semua (*Tepuk*). Tidak dengarkah Ahli Yang Berhormat, Saudara saya yang baik ini, apa yang berlaku dalam hujah-hujah yang dikemukakan? Tidak dengarkah Ahli Yang Berhormat bagaimana DAP memainkan isu seksyen 21 (2), 21 (2), 21 (2) seolah-olah peruntukan yang lain, Bahasa Melayu, pendidikan agama, moral, semua tidak penting bagi mereka? Kalau ingat, tolonglah sampaikan salam kepada pemimpin-pemimpin PAS, kawan-kawan saya yang lain supaya mereka faham.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Yang akhirlah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, hujah-hujah yang begitu lantang tadi itu adakah beliau sedar bahawa kita sentiasa membangkitkan perkara yang menyeluruh, bukan sahaja setakat seksyen 21 (2) bahkan termasuk mutu bahasa baku juga? Saya boleh beri beliau peringatan bahawa bahasa baku dibangkitkan oleh pihak kami dalam tahun 1982/83 di sini sebelum Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu menjadi Menteri Pendidikan. Jadi, bilakah Yang Berhormat boleh menjamin draf perakuan ataupun draf undang-undang ini dapat diedarkan? Berilah tempoh kerana janji itu pada 4 tahun yang lepas hendak dimansuhkan, tetapi 4 tahun kemudian itu tidak jadi apa-apa. Jadi janji

sekarang itu hendak edarkan, bilakah hendak edar, berilah tempoh sedikit, jangan 4-5 tahun kemudiannya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong dan juga Yang Berhormat dari Rasah yang saya dengar suara di sini-sana (*Ketawa*). Sebenarnya saya sudah beritahu perkara ini telahpun disampaikan ke peringkat yang paling akhir, iaitu draf Akta yang berkenaan dan oleh yang demikian saya fikir sekiranya dipersetujui oleh Kerajaan kerana Kerajaan kena bersetuju dahulu, baru kita boleh beritahu Pembangkang. Kalau Kerajaan seluruhnya belum bersetuju, hendak beritahu Pembangkang, itu bukanlah cara kita mentadbir dan memerintah Kerajaan ini. Oleh yang demikian, saya fikir tidak usah bimbanglah tentang perkara ini, cuma saya yang turut bimbang sedikit sahaja. Kalau kita bentangkan besok, kemudian apa yang dijanjikan oleh Barisan Nasional kita tunaikan, saya fikir DAP akan kehilangan modal sama sekali, sebab itulah sekarang ini dia sibuk dengan Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar, dia tidak ada modal lainlah sepanjang sesi Parlimen ini.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan terakhir. Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada tanya kenapa DAP berkali-kali bangkitkan hal seksyen 21 (2). Kita bangkitkan hal ini oleh kerana ia merupakan satu janji yang spesifik yang dibuat oleh Barisan Nasional dalam Pilihanraya Besar tahun 1986 bahawa seksyen 21 (2) akan dimansuhkan pada Dewan Yang Pertama yang bersidang, bukan 2-3-4 tahun kemudian, tetapi akan dimansuhkan di Dewan yang bersidang kali yang pertama iaitu akhir tahun 1986 dan sebab itu oleh kerana Barisan Nasional tidak mengotakan janji itu kita mahu mengingatkan.

Kedua, Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi ada menawarkan

kerjasama dari pihak PAS. Adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan sedar bahawa semalam rakannya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Presiden MCA, ada kata sesiapa yang berpakat, bekerjasama, bersefahaman dengan PAS berbahaya, memudaratkan keamanan di negara ini dan bukankah ini bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh Presiden MCA. Bukankah ini menunjukkan bahawa teladan pimpinan Barisan Nasional tidak baik untuk generasi yang akan datang? (*Tepuk*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya tidak mahu jawab panjang kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu, cuma saya simpati dengan 46 sahaja. Kalau macam inilah nasib mereka, sejarah akan mengorbankan mereka sekali kerana nampaknya cuba dipusing kenyataan saya. Saya cuma kata saya hendak sedarkan kawan-kawan kita dari PAS supaya tahu telatah DAP. Dia pusing pula kenyataan Dato' Seri Dr Ling Liong Sik, yang jauh berbeza daripada apa yang hendak saya katakan. (*Tepuk*) Kalau macam inilah, saya pun tidak tahu macam mana DAP boleh tolak-ansur dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong begitu lama. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun pula. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Arshad bin Nik Abdullah: Saya hendak tanya sedikit sahaja. Nampaknya Yang Berhormat ini terlampau takut pada PAS, apa fasal? (*Ketawa*) Dia kata PAS seorang sahaja. Baru ini isytihar pilihanraya olak-olok sudah pun menang, apa pula takut pada PAS. (*Ketawa*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya tidaklah takut, tetapi saya katakan saya simpati, saya kasihan sampaikan dia tidak tahu langsung

perkembangan yang berlaku. Dia pakai terus lantak sahaja, mana boleh politik, orang bawah terkorban habis. Dia ikut telatah dan gelagat dan silat DAP dengan 46 ini. Kita kenal 46 itu lebih baik daripada dia kenal 46. Saya hendak nasihat sahaja, dia tidak hendak dengar tidak mengapa. Tuan Pengerusi . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya sebenarnya, Tuan Pengerusi, tidaklah hendak bercakap apa pun. Tetapi fasal sebut 46, dia kata kita kenal 46, kita pun kenal juga sebelah sana. Jadi, kita sama-sama kenal. Jadi, soalnya kita tunggu sahajalah pilihanraya akan datang, insya Allah. (Ketawa)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin hendak sambunglah. Yang Berhormat dari Pasir Mas kita kenal benar, yang DAP dia hendak berkawan, kita di kalangan yang menang tidak boleh mereka bekerjasama kerana kita partner dengan MCA, Gerakan. (Disampuk) Jadi, dia terpaksa cari yang kalah-kalah, yang frust sebelah sana, tidak mengapalah. Oleh kerana keciwalah maka segalanya boleh dilakukan sekarang ini. Dengan DAP pun boleh, DAP bangkitkan Akta Pelajaran 21 (2), tetapi tidak pernah bangkitkan persoalan untuk pertahankan bahasa Melayu. Tetapi asalkan boleh pakat, semuanya boleh berlaku; nasib dialah. Kalau hendak kata tunggu pilihanraya, insya Allah, saya harap Yang Berhormat dapat pertahankan kerusi Pasir Mas. (Ketawa) Yang saya tahu memang sudah tidak lagi. Orang Pasir Mas pun dapat . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh . . .

Tuan Anwar bin Ibrahim: Biar saya habis. Tiga kali silat, tiga kali tukar mazhab, macam mana orang hendak percaya? (Ketawa) Tuan Pengerusi . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, minta jalan.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini saya hendak bercakap, minta maaf, Tuan Pengerusi. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri Pendidikan buka gelanggang, saya pun hendak bercakaplah.

Tuan Pengerusi, soal tukar mazhab atau tidak mazhab, soal lain. Yang Berhormat Menteri Pendidikan pun kita tahu mazhab sebelum ini. (Ketawa) Kita tahu soal saya boleh menang atau tidak boleh menang di Pasir Mas terserah kepada budibicara rakyat dan percaya dan yakin pengundi-pengundi seluruh negara ini adalah orang yang matang, pengundinya yang matang. Tidak ada zaman rhetoric, zaman kita bercakap dan petah dengan hujah-hujah kita, kerana orang sudah tahu. Jadi, soal kita berkawan dengan DAP, kenal DAP, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Pendidikan, apakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak kenal dengan MCA? Apakah kita lupa peristiwa bulan Oktober, 1987. Siapa yang menganjurkan supaya Yang Berhormat Menteri Buruh pada waktu itu dilucutkan jawatan? Sebab itu saya tidak hendak bercakap. Kalau saya bercakap jadi panjang dan saya tidak hendak bercakap. Sebab itu kalau hendak berhujah, berhujahlah tidak usahlah hendak perli-perli. Saya tidak ada benda, macam kita ini, Tuan Pengerusi, kita ini orang tepi sahaja. Kita tahu, kita sedar, kita insaf, tidak ada cita-cita tinggi, tidak ada. Tetapi ingat kadang-kadang pemimpin itu sependai-pandai tupai melompat, dia

jatuh juga. Sepetah-petah dia bercakap ada waktunya orang akan tahu, cuma apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu, tidak mengapalah dia doa kononnya kita kalah di Pasir Mas—saya terima, tidak ada masalah. Cuma saya harap tolong pertahankan Permatang Pauh baik-baik.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan sebenarnya layan hulubalang-hulubalang 46 ini kerana stail saya, Tuan Pengerusi, saya bercakap berdepan. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, stailnya maki di belakang. Kalau di depan agak hormat juga nampaknya, gerun juga dia tengok kita. Tetapi kalau di belakang makinya, Tuhan Yang Maha Mengetahui. Tidak ada batas akhlak, tidak ada prinsip, tidak ada moral. Yang ada mikrofon lawan maki. Dia hendak bercakap soal prinsip, rhetoric apa, kalau dia faham, dia tidak kata begitu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh sedikit lagi?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tidak payahlah. Saya hormat Dewan ini dan saya tidak berapa hendak layan, sebab sebenarnya kita sudah kenal. Saya ingat ramai orang sudah kenal. Cuma yang tidak kenal dua tiga orang sahaja di Pasir Mas.

Saya hendak sambung kalau boleh, dengan izin, Tuan Pengerusi, tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam mengenai Sekolah Menengah Jit Sin. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, saya nampak dukacita sangat. *(Ketawa)* Kalau dia nampak sampai sudah . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak ada, saya tidak ada dukacita. I am okay, Tuan Pengerusi. *(Ketawa)* I am very okay, dengan izin, don't worry, I am very okay. *(Ketawa)*

Tuan Anwar bin Ibrahim: Terima kasih. Kalau dia tidak dukacita, tidak mengapalah. Saya tengok bila dia duduk, dia duduk meranap sampai hendak ke bawah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Cuma saya duduk, saya hendak tengok lakonan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Salahlah dari segi Peraturan Majlis duduk sampai hendak jatuh ke bawah, siaapa suruh. *(Ketawa)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya duduk hendak tengok stail lakonannya. Bila hendak tengok orang berlakon, kita pun duduk macam orang berlakon juga.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Cuba duduk dengan elok-eloklah. Saya takut nanti meranap ke bawah. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya tolong perhatikanlah. *(Ketawa)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak ada kena-mengena dengan Yang Berhormat dari Ampang Jaya, suruh orang lainlah tolong perhati.

(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, mengenai Sekolah Menengah Jit Sin, Bukit Mertajam, sebenarnya sudahpun kita maklumkan kepada mereka akan persetujuan Kerajaan untuk meluluskan bantuan. Saya yang susah hati dengan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam ini ialah bila dia tahu, kita sudah jumpa, kita sudah luluskan, dia pun tanyalah kita di Parlimen. Jadi, kita kena jawab, kita luluslah. Dan dia beritahu, dia yang minta kita luluskan. *(Ketawa)* Saya hendak sebutkan yang sebenarnya kita sudah luluskan sebelum dia tanya saya dan saya sudah

luluskan ini bersama setelah berunding dengan MCA dan Gerakan. Dan bantuan itu akan juga substantial, agak tinggi juga.

Ahli Yang Berhormat dari Muar telah membangkitkan soal bantuan makanan dan keberkesanan kepada saya. Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, sudah sejam lebih saya layan.

Tuan Pengerusi: Kita ada sejam lagi hendak habiskan perkara ini. Jika kita tidak habis, kita kena sambung sampai ke malam ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tidak boleh, Tuan Pengerusi, ada jamuan malam ini. (*Ketawa*).

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Takut.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kalau hendak kata takut, saya sudah layan panjang sebenarnya, sudah letih. Bantuan ini disebut sebagai menyebabkan kes keracunan makanan. Sebenarnya kes-kes yang dilaporkan sebagai kes keracunan makanan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita belum dapat sahkan kes keracunan makanan akibat bantuan dari peruntukan bantuan makanan ini. Kebanyakannya terlibat dalam kes-kes lain sama ada kantin dan lain-lain yang tidak terlibat. Walau bagaimanapun, saya pandang berat tentang masalah ini kerana kalau benar berlaku, tindakan haruslah diambil. Saya tidak dapat berikan angka tentang jumlah yang dipohon itu, tetapi saya akan memaklumkan secara berasingan. Tetapi jumlah ini sebagaimana kita tahu dalam peruntukkan ini telahpun ditambah memandangkan jumlah pelajar-pelajar termasuk pelajar luar bandar kawasan pendalaman yang memerlukan bantuan adalah bertambah.

Saya juga terima baik teguran Ahli Yang Berhormat supaya meningkatkan pembinaan Sekolah Menengah Vokasional. Sekolah Menengah

Vokasional dalam bentuk dan rangka yang ada, yang dicadangkan dan dibantu oleh Bank Dunia melibatkan kos yang agak terlalu tinggi.

Sebab itulah kita telah memutuskan supaya jumlah kos pembinaan sekolah menengah vokasional itu diturunkan dan diberi peluang dan faedah kepada pelajar yang lebih ramai. Dan satu aspek yang penting untuk mengurangkan masalah ini dan meningkatkan usaha melatih anak-anak kita dalam bidang vokasional dan teknik ialah mengadakan aliran vokasional di sekolah menengah kebangsaan dan ini dijadikan di antara projek yang diutamakan.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah membangkitkan soal Sekolah Rendah Pantai Sabak, Kemeruh, Pengkalan Chepa, Kelantan yang belum dibangunkan sekian lama. Saya ingin beri jaminan kepada Yang Berhormat, saya akan berikan perhatian peribadi supaya perkara ini diselesaikan kerana memang saya dapat pengesahan dari pegawai-pegawai berkenaan bahawa memang sekolah ini telah dijanji sejak lama dan memang dianggap sebagai salah sebuah kawasan yang memerlukan sekolah ini secara mendesak.

Kes ini telah dirujuk ke mahkamah, kes tanah dan terbengkalai oleh kerana pertelingkahan yang berlaku. Kalau benar kes ini masih di peringkat penyelesaian mahkamah, saya nanti minta supaya diadakan perundingan dan kalau ada persetujuan tentang harga kos tanah ini, maka ini boleh dibangunkan segera.

Ahli Yang Berhormat dari Maran membangkitkan tentang keadaan atau pelaksanaan kursus untuk dua skim, saya ingin memberi jaminan kepada beliau bahawa sukatan kursus ini telahpun diteliti dengan begitu rapi oleh pegawai-pegawai Kementerian dan memang tujuannya ialah untuk

meningkatkan keupayaan guru-guru apakala naik pangkat mereka nanti atau tukar skim jawatan yang baru.

Tentang ramai guru-guru yang mengeluh kerana belum disahkan dalam jawatan, saya ingin memberi jaminan bahkan pengumuman telahpun dibuat untuk maksud ini, semua guru yang dilantik sebelum 1.1.1989 akan disahkan dalam jawatan mereka sebelum pelaksanaan dua skim atau option itu mereka terima.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya pohon maaf Tuan Pengerusi, kerana Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini dia minta angka bagi beratus perkara dan saya tak bawa bekalan komputer di sini, tetapi saya akan sampaikan kepada beliau nanti kerana beliau minta berapa jumlah bilik darjah, bilik sekolah menengah, jumlah pembiayaan, bilangan murid yang mendapat faedah dan lain-lain.

Saya hendak jawab beberapa masalah yang berat yang beliau bangkitkan termasuk masalah kekurangan bilik darjah dan memang benar Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang mengalami kesesakan bilik-bilik darjah. Masalah tanah untuk membangunkan sekolah menengah yang baru memang juga mengalami problem atau masalah. Di antara langkah yang telah diambil termasuklah menjadikan kawasan di rumah pangsa sebagai sekolah menengah. Yang kedua, kawasan-kawasan yang kita boleh ambil umpamanya tapak Kementerian Pendidikan, UTM, tiga empat blok memang dijadikan sekolah menengah yang baru Jalan Gurney yang akan siap mungkin pertengahan tahun ini. Kemudian sekolah menengah asrama penuh, satu-dua yang terkenal di Wilayah Persekutuan akan dipindahkan ke kawasan yang agak jauh sedikit dan sekolah-sekolah itu akan diconvert menjadikan sekolah menengah harian untuk mengurangkan beban keperluan

pelajar hari ini. Saya memang akui bahawa ada kedudukan atau masalah dua sesi yang dihadapi tetapi ini sebenarnya tidaklah begitu berat sehingga menjejaskan matapelajaran seperti Kemahiran Hidup. Mereka masih boleh menggunakan kelas-kelas tambahan dan kita telah memberikan peruntukan yang agak tinggi juga untuk menambah beberapa sekolah baru sepertimana yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, sempat saya mendengar Yang Berhormat Menteri mengatakan tentang matapelajaran kemahiran hidup tidak akan terancam sekiranya ada dua sesi. Ingin saya mendapat penjelasan. Mengapa Yang Berhormat Menteri dalam bulan ini juga, awal bulan ini, saya kira 6 haribulan, mengarahkan sekolah-sekolah di dalam Wilayah Persekutuan iaitu sekolah menengah dan juga yang ada di dalam daerah Petaling untuk menghantar sekurang-kurangnya 100 orang murid Tingkatan atas (Tingkatan V-VI) untuk menghadiri rapat umum pada 6hb Mac, jam 2.30 petang di Stadium Negara di mana Yang Terutama Yasser Arafat bersamasama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap. Dan arahan itu dikatakan dibuat oleh Menteri Pendidikan. Itu satu soalan. Dan sama ada ini salah satu daripada ciri-ciri matapelajaran Kemahiran Hidup bagi pelajar-pelajar? (*Ketawa*)

Yang kedua, kebenaran ibubapa tidak diperolehi sebelum pelajar-pelajar dikerah dan dibawa untuk menghadiri rapat umum itu.

Ketiga, pelajar-pelajar itu diarah supaya tidak memakai pakaian seragam sekolah mereka.

Keempat, gurubesar-gurubesar sekolah memberitahu pelajar-pelajar bahawa surat kebenaran daripada ibubapa supaya pelajar-pelajar itu

boleh dibawa keluar daripada sekolah akan diedarkan selepas rapat umum itu.

Apakah ini satu tindakan yang bermoral bagi Menteri Pendidikan dan apakah ini salah satu daripada aspek matapelajaran Kemahiran Hidup ini? Itu yang saya hendak tanyakan oleh kerana ramai ibubapa bersungut tentang apa akan terjadi kepada anak-anak mereka, khususnya apabila mereka dibawa, dikerah untuk menghadiri rapat umum itu, tanpa kebenaran ibubapa?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ini, apalah kena-mengena pelajar-pelajar yang datang dengar ucapan Yasser Arafat dengan soal moral. Yang ini politik muflis.

Tuan P. Patto: Arahan itu bermotif politik. Itu jawabnya. Terima kasih.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Apa yang politik, ada dalam satu dekad, 10 tahun sekali ada orang yang bernama Yasser Arafat yang diminati oleh pelajar-pelajar, hendak tahu apa dia cakap. Kita jemput pelajar-pelajar datang, itupun jadi satu masalah. Saya ini tak tahulah apalah perangai Yang Berhormat itu . . .

Tuan P. Patto: Saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Dia minta penjelasan, hendak beri atau tidak?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya ingat, sudahlah, tak ada masa.

Tuan P. Patto: Tidak, ini bukan soal menggangu . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ipoh, dia tidak beri jalan.

Tuan P. Patto: Kalau mereka dijemput bererti ibubapa itu hendaklah

memberi kebenaran, tetapi ini ibubapa tidak diberitahu dan kebenaran tidak diperolehi. Ini arahan!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh, dia tak beri jalan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, kita tak beri jalan pun kita sudah dengar pandangan dia. Sebenarnya memang peraturan dibuat, diikuti. Kalau apa-apa arahan dibuat, Pengetua/Gurubesar memaklumkan dan mereka maklum. Kalau ada ibubapa bantah umpamanya, kita takkan suruh. Ini memang peraturan biasa, tetapi itulah yang saya hairan ini, maknanya apakah DAP ini tak sokong perjuangan Palestin.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak? Tak beri jalan.

Tuan Anwar Ibrahim: Saya sudah beri satu-setengah jam bagi mereka itu bercakap. Ini maknanya secara selindung, DAP tidak pernah menyokong perjuangan rakyat Palestin. (*Disampuk*) Ya, sebenarnya, saya minta orang Semangat 46 faham sedikit, Yang Berhormat Tasek Cenderoh pun ada. (*Disampuk*) Kita beri, minta anak-anak kita dengar pemimpin-pejuang pembebasan Palestin itu pun dijadikan masalah. Bagi saya . . .

Tuan P. Patto: Kami sokong perjuangan rakyat Palestin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh, jangan bercakap macam itu, Yang Berhormat. Yang Berhormat, yang berdiri sekarang dia, dia tak beri jalan, tak beri jalanlah. Itu peraturan mesyuarat. (*Disampuk*) Yang Berhormat-Yang Berhormat . . .

Tuan Anwar Ibrahim: Tuan Pengerusi, supaya mudah orang-orang DAP bercakap di luar, saya hendak

mengatakan saya bersetuju bahkan menggalakkan pelajar-pelajar datang mendengar pesanan Yasser Arafat dan kalau ada pihak-pihak Pembangkang DAP tidak setuju . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya ingat biarlah saya teruskan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Satu sahaja. Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa DAP memang dia anti Palestin. (*Disampuk*) Dia benci melihat perjuangan rakyat Palestin jadi budak-budak sekolah pergi hendak sokong perjuangan Palestine pun dia marah . . .

Tuan Pengerusi: Ya, sudahlah. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Inilah style dan tektiknya. Adakah Yang Berhormat setuju? Minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat kita tidak cukup masa.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 36 (6) —dia buat tuduhan sangkaan jahat!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Pinji . . .

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta dia tarik balik.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya tidak tuduh . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang, Yang Berhormat sudah tanya tadi, cukuplah. Yang Berhormat, kita hanya ada beberapa minit sahaja lagi. Lebih kurang 30-50 minit lagi. Kalau tidak, saya akan panjangkan

mesyuarat ini sampai ke malam. Mengikut Peraturan Mesyuarat kita, kita ada dua hari untuk menghabiskan butir-butir dalam Jawatankuasa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sedar telatah DAP ini—cuma yang belum sedar 46. Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan P. Patto: Penjelasan . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*) (*Ketawa*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: . . . mengenai ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dari Pasir Mas.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Anwar bin Ibrahim: . . . termasuklah soal bantuan wang untuk bengkel kerja kemahiran hidup. Seperti yang kita tahu Kementerian telahpun bersetuju untuk memberi peruntukan wang awal tetapi tidak semuanya diberikan pada penggal pertama persekolahan. Dia diberikan mengikut penggal-penggal dan setelah program kemahiran hidup itu berjalan maju dari masa ke semasa. Memang berlaku masalah pembinaan yang melibatkan kontraktor dan juga perancangan yang sukar kerana kekurangan tanah. Saya tidak dapat memberikan maklumat terperinci sekarang kerana ini melibatkan ratusan projek tetapi ini boleh diberikan kemudian.

Memang benar ada masalah bila kita memperkenalkan matapelajaran kemahiran hidup peringkat awal di mana pelajar-pelajar tidak hadir tetapi keadaan ini telah pulih begitu baik sekali pada tahun 1989. Tetapi kalau pelajar-pelajar yang merungut tentang letih dan lapar itu susahlah saya hendak berikan jawapan sekarang kerana tuntutan pendidikan hari ini lebih

memerlukan penumpuan dan content pelajaran yang lebih. Kalau pelajar-pelajar miskin memang kita menasihatkan supaya mereka membawa bekal supaya tidak membebankan ibubapa mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan tentang kes pembalakan atau kecurian balak di Kampus UUM. Saya telah mendapat laporan awal dari pihak Universiti Utara Malaysia tentang kes kecurian yang dikatakan 400 atau lebih kurang batang kayu balak. Saya jelaskan bahawa perkara ini kerana pihak Pembangkang di Kedah terutamanya pihak PAS telah mengaitkan nama Menteri Besar. Sebab itulah di Kedah baru-baru ini saya menjelaskan setakat laporan dan maklumat yang saya perolehi oleh Universiti Utara Malaysia, Menteri Besar tidak terlibat sama sekali dalam kes tersebut. Tetapi kes kecurian itu berlaku tindakan telah diambil kepada kontraktor berkenaan dan sekarang ini Badan Pencegah Rasuah telahpun diminta masuk untuk membuat penyiasatan yang teliti tentang kes tersebut. Universiti Pertanian Malaysia juga telah diminta membantu menurut kepakaran mereka untuk melihat jenis dan buat assessment penilaian tentang kos setiap balak yang ditebang itu.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, mengenai kecurian kayu balak tadi. Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengatakan bahawa dalam kes ini pada awal-awal pun ada orang yang mengaitkan Menteri Besar Kedah. Tetapi Yang Berhormat Menteri Pendidikan, agak saya, membersihkan nama Menteri Besar Kedah. Tetapi baru sebentar saya mendengar bahawa kes ini sudah dirujuk kepada Badan Pencegah Rasuah. Padahal kes ini kes curi. Kenapa kes curi jadi kes Badan Pencegah Rasuah melainkan ada rasuah yang bersabit dengan kecurian ini? Adakah kontraktor atau orang-orang

kawan baik Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang mungkin ada berkait dengan kecurian atau rasuah yang disyaki oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat Ipoh janganlah nakal sangat. Saya beri penjelasan . . .

Tuan P. Patto: Dia kata saya nakal. *(Ketawa)*

Tuan Anwar bin Ibrahim: Nakal dalam ertikata baik, bukanlah dalam ertikata jahat sangat. Itu maknanya. Kerana saya sebut di sini berdasarkan laporan Universiti Utara Malaysia. Tetapi oleh kes kecurian itu memang berlaku, Jabatan Perhutanan diminta siasat. UUM sekarang siasat. Badan Pencegah Rasuah pun diminta siasat untuk membersihkan nama-nama orang yang tidak bersalah dan mengambil tindakan kepada sesiapa juga yang bersalah. Sebab itu saya bersetuju supaya UUM merujuk kepada Jabatan Perhutanan, Universiti Pertanian Malaysia dan juga Badan Pencegah Rasuah. Saya agak perkara ini jelas.

Tentang bantuan kepada sekolah-sekolah khas dan juga tentang soalan-soalan terperinci tentang nama, jumlah biaya dan sebagainya ini saya rasa saya perlukan notis untuk memberikan penerangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan kedudukan pendidikan tinggi, khususnya perkembangan di Universiti Malaya. Tuan Pengerusi, saya menyambut baik keperihatinan atau concern yang dilahirkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang mengenai perkembangan dan perlantikan jawatan-jawatan pentadbiran di Universiti Malaya. Dan saya ingin memberi jaminan di sini bahawa dasar Kerajaan dalam perkara ini adalah jelas. Semua universiti, sekolah dan kementerian adalah terikat dengan

Dasar Pendidikan Kebangsaan dan juga bertujuan untuk memberikan peluang dan kesempatan melatih dan sekiranya ada tokoh-tokoh yang layak menonjolkan tokoh-tokoh termasuklah di kalangan Melayu atau bumiputera ke jawatan-jawatan yang sesuai. Dan saya oleh yang demikian akan terus mengawasi dan meneliti supaya apa yang disuarakan oleh beliau itu dilaksanakan di semua universiti-universiti di negara kita. Itu adalah satu kenyataan secara umum yang boleh saya lakukan. Namun secara khusus perkembangan di Universiti Malaya ini setakat dari maklumat yang saya perolehi haruslah terikat dengan beberapa keupayaan kita.

Saya tidak menganggap satu masalah sekiranya satu dua jawatan yang dirasakan sesuai dan wajar diberikan kepada sesiapa sahaja kerana hari ini dalam dasar pendidikan tinggi negara kita, kita melantik orang-orang Melayu yang layak. Kita juga melantik orang-orang Cina atau India yang layak. Bahkan pada hari ini di universiti-universiti tempatan termasuk di Fakulti Perubatan USM, Universiti Malaya; kita memang melantik orang-orang luar negeri juga yang layak untuk menjadi mahaguru atau profesor-profesor yang berkenaan.

Jadi oleh yang demikian, saya harap dengan penjelasan setakat ini kita dapat meredakan; dan biarlah universiti-universiti diberikan kesempatan untuk mentadbir dan menjalankan kegiatan mereka tetapi saya juga menghormatilah pandangan Yang Berhormat supaya apa yang mereka dengar dapat disuarakan dan menjadi tanggungjawab saya untuk berunding dan berbincang dengan pimpinan universiti yang diamanahkan supaya masalah-masalah ini dapat diperhatikan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: *(Bangun)*

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Marang dulu!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri Pendidikan, sebenarnya beliau memihak kepada siapa, Yang Berhormat dari Marang atau Vice Chancellor Universiti Malaya? Sama ada dia memihak dengan pandangan Yang Berhormat dari Marang bahawa ukuran yang dibuat untuk melantik profesor dan mahaguru ini mestilah berasaskan kaum. Atau pandangan Vice Chancellor Universiti Malaya bahawa ukuran untuk membuat lantikan mahaguru dan profesor mestilah berasaskan merit? Itu sahaja, Terima kasih.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya telah sebut, tetapi ini kena ulang. DAP ini kena ulang banyak kali. Saya harap kalau boleh kawan-kawan 46 tolong bantu dalam perundingan itu, jelaskan masalah ini. *(Ketawa)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya akan jawab. Beri saya tolong jawab. Bab ini cukup sedap ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Tuan Anwar bin Ibrahim: Nanti dengar saya cakap.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab masalah ini . . .

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tidak payah, tidak payah excited . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab tadi suruh 46 jawab, saya hendak tolong jawab.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Jangan jawab sekarang, jawab awal-awal lagilah. Kawan dah lama, jawablah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hendak jawablah ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat . . . (*Ketawa*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sikit-sikit hendak kenen. Sikit-sikit hendak kenen. Cakap betul-betul! Hendak suruh jawab, kita boleh jawab.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Mas, sila duduk.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Sudah pakat lama dah, Tuan Pengerusi, jadi saya cadangkan terangkanlah tentang dasar negara, masalah-masalah supaya kawan-kawan dia faham. Ini masa sekarang masa saya hendak jawab, baru dia pun hendak tolong jawab, dia bukan Menteri. (*Ketawa*) Dia tanya kepada saya, saya hendak jawablah sekarang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab susah sangat hendak selesai, beri kita selesai. Sekejap sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya jelaskan sebenarnya perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ialah apa sikap saya tentang soalan dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang.

Saya jawab bahawa saya menghormati rasa prihatin beliau tentang perkembangan yang berlaku dan adalah tanggungjawab saya untuk memberi jaminan di sini bahawa soal dasar akan tetap dipertahankan. Kita tidak akan menggugat kedudukan bumiputera atau

orang-orang Melayu dari segi dasar yang telahpun diterima oleh negara kita. Yang saya hendak jelaskan juga di samping itu ialah bahawa ada keperluannya tanpa menggugat dasar ini untuk kita melantik orang-orang Melayu yang mempunyai kelayakan ke jawatan-jawatan berkenaan atau orang-orang Cina atau India yang berkelayakan ke jawatan-jawatan berkenaan dan hari ini seperti mana kita tahu di universiti-universiti tempatan, orang-orang dari luar negeri untuk menjawat jawatan berkenaan.

Kita tidak boleh, umpamanya, bertolak-ansur dengan mutu dan kecemerlangan dan kita tidak boleh, umpamanya, dalam jawatan-jawatan akademik mengangkat orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan yang cukup. Walau bagaimanapun, bila merujuk kepada soal yang specific, satu persatu yang dibangkitkan, itu haruslah kita bincang dan saya telah beri pengakuan kepada Yang Berhormat dari Marang dan juga kepada Naib Canselor Universiti Malaya, Syed Hussein Alatas supaya saya dapat mendengar penjelasan-penjelasan yang telah dibangkitkan. Pada peringkat ini saya telah jelaskan soal dasar dan mengapa ada keperluannya untuk meneruskan dasar yang ada dan perlantikan yang telah dibuat itu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih di atas pengakuan, jaminan bagi membetulkan keadaan ataupun kepincangan yang dilakukan oleh Naib Canselor itu dan beliau juga bersetuju dengan pandangan dan prihatin saya bahawa kepincangan itu perlu dibetulkan semoga sama dengan semangat dan aspirasi pendidikan negara. Cuma saya ingin tahu kenapa yang sepatutnya Menteri Pendidikan yang menjawab soalan itu tiba-tiba Naib Canselor yang menjawab, melatah, penuh dengan emosi, rendah akal budinya, tidak

intelektualisme dan sekali gus mengatakan bahawa Profesor itu Profesor kangkong dan banyak lagi penghinaan-penghinaan yang diberikan. Saya ingin tahu pandangan, sikap daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang saya kasihi, bagaimana hendak buat kepada budak Naib Canselor ini? (*Boo*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya telah meneliti kenyataan lengkap Naib Canselor Universiti Malaya. Walaupun cara laporan akhbar itu sensasional sedikit, tetapi kenyataan lengkap beliau itu tidak seperti mana yang digambarkan dalam akhbar. Saya boleh mengedarkan kenyataan itu kepada Yang Berhormat dari Marang. Saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa meskipun saya bertanggungjawab untuk meneliti dan mengawasi, saya hormati amanah dan tanggungjawab yang diberi kepada Naib-naib Canselor yang telah diberi kuasa yang jelas untuk melantik Dekan dan Jawatankuasa Akademik yang melantik Profesor-profesor. Pada peringkat ini saya rasa tidak wajar untuk saya pertikaikan selain daripada mendapatkan maklumat satu persatu dari beliau tentang perkembangan yang berlaku. Tuan Pengerusi . . .

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Marang ada menggunakan perkataan "budak Vice-Chancellor". Saya minta satu ruling, sama ada penggunaan perkataan itu dalam konteks itu parliamentary atau tidak parliamentary? Kalau tidak parliamentary, saya minta beliau tarik balik.

Tuan Pengerusi: Adakah Yang Berhormat dari Marang berkata, "budak Naib Canselor"?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ada.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh, tidak ada masalah. (*Ketawa*) Itu sahaja? Terima kasih.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya harap masalah ini dapat kita redakan kerana masalah universiti ini bagi saya agak berat untuk kita selesaikan dalam masa perbincangan yang singkat. Saya tidak dalam keupayaan sekarang ini untuk memenuhi permintaan—tidak Yang Berhormat dari Marang, tetapi saya tahu ada kalangan-kalangan tertentu termasuk Yang Berhormat dari Pasir Mas yang melompat, hendak menggunakan isu ini untuk kepentingan peribadi dan politik beliau. (*Ketawa*) Saya memang tahu beliau sudah kehilangan penyokong ramai.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, boleh saya minta jalan?

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tidak bagi. Biar saya habis dahulu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Inikah standard Menteri Pendidikan? Letak jawatanlah, berhenti jadi Menteri Pendidikan. (*Tepuk*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, kita sudah dengar telatah yang macam itulah selalu di kampung-kampung. Macam itulah perangnya, tidak berubah, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta jalan, saya hendak minta jalan hendak berikan penjelasan. Kalau dia kata saya maki orang, tuduh orang macam-macam, saya hendak tanya, Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri tidak pernah maki orang?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Mas, sila duduk!

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, memang saya faham dia itu, sebut sedikit melenting macam itulah. Jadi, Tuan Pengerusi tolong nasihatlah.

Saya hendak jelaskan di sini, universiti ini memang menghadapi masalah. Tahun lalu kita tahu GMC telah menarik balik pengiktirafan ke atas ijazah perubatan Universiti Malaya. Di antara alasan mereka ialah kerana kurang Profesor dan pengu-rusan yang cukup baik di fakulti tersebut. Itu sebagai contoh, Tuan Pengerusi. Sebab itulah dalam meng-hadapi masalah ini, saya terpaksa menggunakan seluruh kebijaksanaan meneliti supaya kita tidak menim-bulkan bukan sahaja ketegangan antara kaum di universiti, tetapi untuk menjaga supaya kecemerlangan atau excellence universiti itu tidak di-korbankan. Kita tidak berupaya umpamanya, memenuhi selera semua kalangan. Walaupun saya akui ada Profesor-profesor Melayu yang layak dan berwibawa, orang ini harus diberikan kesempatan dan ditonjolkan, tetapi tentulah tidak semua Pensyarah-pensyarah boleh dinaikkan pangkat sekiranya mereka tidak memenuhi kelayakan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, saya hendak minta sedikit penjelasan sahaja berkaitan dengan Institut Pengajian Tinggi di Universiti Malaya.

Saya ingin mendapat tahu, sebab apa baru-baru ini peluang untuk kenaikan atau peluang untuk berkhidmat bagi profesor-profesor tempatan telahpun ditutup di dalam Institut Pengajian Tinggi tetapi hanya dibuka untuk profesor-profesor luar negeri. Bolehkah saya mendapat sedikit penjelasan atas perkara ini?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kenyataan itu tidak benar dan memang diberikan peluang dan kesempatan bagi profesor yang layak dalam negeri dan luar negeri bahkan yang sudahpun bersara diminta sambung seperti mana yang kita sedia maklum.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan oleh kerana saya telah mengambil masa yang panjang sekali dan telah memberikan kesempatan yang cukup kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan pandangan . . .

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan terakhir, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya ikut nasihat Tuan Pengerusi supaya kita dapat selesaikan dengan secepat mungkin . . .

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia tidak benarkan.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat benar atau tidak?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya sudah beri masa dua jam, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kita ada hanya tinggal setengah jam untuk meng-habiskan kesemua ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, cuma saya hendak sebut dalam menjawab dan bagi penjelasan ini, saya tidak dapat memberikan penjelasan yang terperinci, terutama

1983

12 MAC 1990

1984

bagi soalan-soalan yang detail yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kepong dan saya juga tidak dapat melayan semua permintaan . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bagi kesimpulan baik, cantik, boleh?

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya harap Yang Berhormat Menteri beri sedikit . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang, cukuplah, kita kena habiskan yang ini dalam masa setengah jam lagi.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya ikut nasihat Tuan Pengerusilah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Saya pun turut ikut nasihat (*Ketawa*).

Tuan Anwar bin Ibrahim: Cuma saya tidak dapat melayan semua pandangan dan saya pohon maaf termasuklah, saya tengok reaksi yang begitu mengejutkan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$74,763,700 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$74,763,700 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$50,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$50,000,000 untuk Maksud P.26 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1989.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) 1989 telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja lepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Usul dibawa oleh seorang Menteri yang berbunyi iaitu Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja lepas itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) 1989 telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja lepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua memengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B.27 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.27 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$19,624,920 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$19,624,920 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.30 dan B.32 (Jadual)—

Maksud P.28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1989)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.30 dan B.32 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Bukit Bintang.

6.03 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, izinkan saya menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Kertas Perintah 2A Tahun 1990, Maksud P.28 berkenaan dengan Perbendaharaan di mana tambahan sebanyak \$250 juta adalah dikehendaki untuk membiayai penyusunan semula Syarikat PERWAJA Trengganu Sdn. Bhd. dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berucap secara ringkas mengenai peruntukan yang dipinta ini.

Adalah dikesalkan bahawa rakyat Malaysia terpaksa dibebankan dengan tanggungan menampung perbelanjaan menyusun semula Syarikat PERWAJA Trengganu Sdn. Bhd. yang sepatutnya boleh dielak jika Kerajaan telah berhati-hati di dalam usahanya mengendalikannya hal ehwal PERWAJA. Jumlah wang sebanyak \$1.2 billion yang dicurahkan untuk membuat billet, dengan izin, di Kemaman, Trengganu sejak awal lagi adalah suatu tanggungan yang dibebankan ke atas semua rakyat Malaysia. Ini adalah oleh kerana PERWAJA sebelum memulakan operasinya telah ditimpa berbagai masalah dan ia bagai seorang anak yang bermasalah ataupun, the problematic child, dengan izin.

PERWAJA seperti syarikat-syarikat lain milik Kerajaan dihadapi penyakit ketiadaan accountability dan salah pengurusan. Dalam berbagai cara, pengalaman yang hampir maut dialami oleh PERWAJA Trengganu Sdn. Bhd adalah satu pengalaman dan pengajaran yang pahit bagi Malaysia akibat

keghairahan Kerajaan untuk berkecimpung di dalam industri berat di negara kita. Sebagaimana pihak pengurusan peringkat atasan syarikat itu pernah berkata, PERWAJA sebenarnya tidak bertuan tatkala bayi itu mengalami kerugian begitu teruk, tiada seorang pun mengambil peduli kerana ia bukan masalah mereka dan oleh kerana ia lemah dan sentiasa tertakluk kepada masalah penyalahgunaan. Kedudukan PERWAJA adalah satu pendedahan yang sungguh memeranjatkan. Masalah yang dihadapinya boleh dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu masalah pengurusan, masalah operasi, dasar penjualan dan sikap pekerja.

Apabila PERWAJA mula-mula memilih untuk memasuki pengurusan bersama untuk kebaikan kononnya tetapi malangnya ia berakhir di dalam satu salah pengurusan. Ini adalah disebabkan oleh ketiadaan rancangan yang teratur, organisasi yang pincang dan lemah, ketiadaan accountability, tidak ada dasar dan peraturan yang jitu dan tanggungjawab terhadap PERWAJA tidak digariskan dengan terang dan jelas. Keadaannya merupakan satu keadaan yang kucar kacir sepanjang hayatnya. Dari segi operasi pula, PERWAJA menghadapi satu keadaan operasi yang terhad keupayaannya disebabkan alat perkakas teknikalnya yang tidak bermutu. PERWAJA tidak mempunyai perkakas asas dan keseluruhan tempoh hayatnya tidak ada keseimbangan antara permintaan dan penawaran atau pengeluaran. Dari segi kewangan, PERWAJA juga menghadapi masalah yang amat serius, pinjaman yennya pada satu ketika meningkat kepada paras \$1.35 billion dan kerugiannya pula berjumlah \$800 juta.

Satu masalah lagi ialah berkenaan dengan dasar penjualan PERWAJA yang begitu lemah sehingga ia membenarkan kredit selama 60 hingga 120 hari dan juga memberi potongan

bagi bayaran yang diselesaikan dalam tempoh 60 hari. Berikutan dengan dasar tersebut, PERWAJA telah menanggung hutang lapuk melebihi \$25 juta dan tidak dapat mengutip balik wang itu lebih daripada 3 tahun lamanya. Akibat daripada masalah-masalah ini, satu jentera pengurusan yang baru telah dilantik dengan diketuai oleh Tan Sri Chia untuk mengambilalih pentadbiran dalam tahun 1988 dan pengurusan baru itu diberi satu tanggungjawab untuk memulihkan kembali untuk menghidupkan semula PERWAJA. Akan tetapi adalah dikesali bahawa Kerajaan telah melakukan begitu banyak kesilapan pada awal hayat PERWAJA dan kesilapan itu berlaku dan dibebankan ke atas pembayar-pembayar cukai dari kalangan rakyat Malaysia.

Mengimbas kembali projek PERWAJA Terengganu Sdn. Bhd. yang menelan belanja \$1.2 billion menjadi satu ingatan dan pengalaman pahit yang tidak patut diulangi tetapi saya ingin bertanya di sini adakah Kerajaan telah mempelajari daripada pengajaran yang merugikan ini? Ini masih lagi belum dapat dijawab. Dalam masalah ini juga, saya ingin menyatakan iaitu jika Kerajaan ada mengambil kira pendapat ataupun pandangan pihak-pihak tertentu termasuk pihak pembangkang, masalah yang dihadapi oleh PERWAJA tidak mungkin berlaku. Sekian.

Tuan Pengerusi: Kepong.

6.10 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya ingin tambah beberapa pandangan mengenai Butiran yang sama, yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi.

Sekian lama ini PERWAJA menerima peruntukan di bawah Jabatan

Perdana Menteri iaitu Butiran 02000—Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad. Adakah ini bermakna dengan \$250 juta ini tidak akan dibuat lagi peruntukan kepada PERWAJA menerusi HICOM di bawah Jabatan Perdana Menteri, tetapi di bawah Perbendaharaan? Adakah tindakan ini selaras dengan pemisahan Syarikat PERWAJA Terengganu Sdn., Bhd dengan anak syarikatnya PERWAJA Steel Sdn. Bhd (PSSB) pada 1hb April akan datang? Adakah wang \$250 juta ini modal dibayar untuk PSSB?

Tuan Pengerusi, difahamkan PSSB akan mempunyai struktur hakmilik yang sama seperti PTSB iaitu Menteri Kewangan diperbadankan sebanyak 81%, dan Menteri Besar Terengganu diperbadankan sebanyak 19%. Maka mengapakah kesemua wang \$250 juta itu dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat atau lebih khusus lagi oleh Perbendaharaan? Ekoran ini sungguhpun PTSB selama ini memiliki 81% oleh Menteri Kewangan, akan tetapi peruntukan tetap disediakan menerusi Jabatan Perdana Menteri. Jelas sekali, Tuan Pengerusi, ia bukan semudah akibat penyusunan semula PTSB sahaja. Selepas penyusunan semula PTSB, harta bernilai kira-kira \$500 juta dan modal dibayar \$250 juta dialihkan kepada PSSB. Menjelang bulan Mac, 1988, PTSB mempunyai hutang dan tertunggak sebanyak \$1.35 billion, kerugian terkumpul \$577.77 juta dan kerugian operasi terkumpul \$175 juta. Bagaimanakah kedudukan kewangan PTSB iaitu dalam aspek-aspek ini sekarang dan selepas penyusunan semula? Wang \$250 juta ini adalah diberi secara langsung kepada PTSB. Setakat ini apakah jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh Kerajaan Pusat ke dalam PTSB yang berbentuk peruntukan secara langsung dan berbentuk pinjaman?

Selepas penyusunan semula, PTSB hanya tertinggal nama sahaja sebagai

Holding Company PSSB dan tidak lagi aktif. Apakah akan terjadi pada pengurusan serta pentadbiran PTSB?

Seterusnya, Tuan Pengerusi, perihal pembayaran balik pinjaman penubuhan PSSB ialah untuk membolehkan PTSB membuat pinjaman secara tidak langsung daripada bank-bank. Maka secara berkesannya PTSBlah yang berhutang pada bank apabila PSSB membuat pinjaman baru. Bagaimanakah jadual pembayaran mahupun sumber pembahagian untung daripada operasi PSSB akan diperbahagikan di antara membayar balik pinjaman PTSB secara rasminya dan pinjaman baru yang dibuat oleh PSSB ketika tempoh bayaran balik bermula? Apakah kemungkinannya PTSB akan berjaya membayar balik kesemua pinjaman yang masih tertunggak sebelum tempoh pembayaran balik pinjaman PSSB bermula? Memandangkan ianya wang rakyat yang dilabur secara langsung ke dalam PSSB, maka Kerajaan seharusnya memberitahu kita butir-butir mengenai cara penyusunan semula PTSB yang akan dilaksanakan, terutama sekali syarat-syarat berhubungan dengan penyelesaian pinjaman asing mahupun dari dalam negeri yang dihutangkan oleh PTSB.

Tuan Pengerusi, walaupun pengumuman oleh pihak Kerajaan mengenai begitu cemerlang prestasi PERWAJA pada masa sekarang, pinjaman dan kerugian yang tertunggak itu hendaklah dibayar balik kerana ini wang rakyat belaka. Sekian, terima kasih.

6.15 ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ya, jangan panjang Yang Berhormat. Sila.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi,

saya akan mengambil masa pendek sahaja . . .

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Saya ingin sentuh di bawah Butiran 02300, iaitu Syarikat PERWAJA Terengganu Sdn., Bhd. Pertama, saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah memperuntukkan peruntukan langsung sebanyak \$250 juta, sebagaimana yang dibentangkan mengikut Kertas Perintah yang berkenaan ini. Peruntukan yang diperuntukkan oleh pihak Kerajaan ini memberi gambaran yang jelas bahawa pihak Kerajaan mengiktiraf sungutan-sungutan yang dikemukakan oleh orang ramai, termasuklah yang dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin Parti Semangat 46 selama ini atas kepincangan yang berlaku di dalam Syarikat PERWAJA Terengganu Sdn. Bhd. ini, kerana sebelum daripada ini pemimpin-pemimpin yang berkenaan apabila mengemukakan pandangan terhadap kepincangan yang berlaku kepada Syarikat PERWAJA ini sentiasa dituduh sebagai membuat fitnah dan tidak mempunyai bukti.

Yang kedua, melalui peruntukan ini juga menggambarkan bahawa pihak Kerajaan menyedari adanya kepincangan itu dan bersedia untuk memperbaiki dan memperbetulkannya.

Tuan Pengerusi, permintaan saya, pandangan saya, serta syor saya jika ianya boleh diterima, peristiwa PERWAJA ini janganlah sekali-kali merupakan suatu titik hitam yang dicalitkan kepada seluruh peranan bumiputera di dalam pembangunan ekonomi negara kita.

Di dalam beberapa ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh digambarkan maksudnya bahawa apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat lawatan ke Kilang PERWAJA di Terengganu, selepas

sahaja pengambilan-alih pengurusan-nya oleh Dato' Eric Chia dan telah memuji-muji pengurusan yang baru dan mengharapkan bahawa pengurusan yang baru dapat memperbaiki kedudukan PERWAJA, dengan sendirinya menggambarkan bahawa PERWAJA yang sebelum itu di bawah pengurusan pegawai-pegawai bumiputera telah gagal dan tidak berjaya. Ini menggambarkan bahawa peranan bumiputera sungguh menghampakan. Kalau ini digambarkan dengan sedemikian rupa dan PERWAJA dapat dipulihkan semula dengan peruntukan tambahan dan juga layanan serta bantuan yang begitu istimewa oleh pihak Kerajaan, yang mana saya percaya PERWAJA akan dapat memperbaiki kedudukannya melalui bantuan-bantuan dan sokongan baru daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri seperti ini—maka ianya akan nanti saya takut menggambarkan bahawa memang benarlah pihak bumiputera, pegawai-pegawai bumiputera, kakitangan bumiputera tidak boleh diamanahkan untuk melaksanakan apa-apa projek ekonomi Kerajaan.

Jadi saya minta supaya gambaran ini diperbetulkan bahawa apa kesilapan, apa kerugian dan apa kepincangan yang berlaku kepada Syarikat PERWAJA Terengganu Sdn. Bhd yang berlaku sebelum daripada penyusunan semula ini, tidaklah sepatutnya diletak beban kesalahannya kepada bumiputera. Ianya walaupun merupakan kelemahan, kegagalan individu, maka diletakkan kepada individu dan oleh sebab syarikat ini dipertanggungjawabkan kepada kumpulan individu bumiputera sebagai tenaga pengurusannya atas kepercayaan yang diberi oleh pihak Kerajaan, maka Kerajaan juga mesti dipertanggungjawabkan. Janganlah gambaran hitam ini menjadi suatu titik sejarah yang buruk kepada peranan

bumiputera di dalam pembangunan negara, khususnya di dalam pembangunan ekonomi negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, dari Bukit Bintang dan juga dari Besut kerana telah mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan Kementerian Kewangan. Saya akan menjawab secara bersekali untuk menjimatkan masa kerana perkara yang dibangkitkan oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat itu adalah sama.

Saya cuma hendak mengulas sedikit teguran Ahli dari Besut, yang lain sedikit dari Ahli-ahli dari Bukit Bintang dan juga dari Kepong. Sebenarnya, pengurusan baru ini tidaklah kita mengatakan bahawa untuk menidakkan kebolehan bumiputera dalam mengurus, itu adalah satu rancangan kita dalam penyusunan semula, tetapi apa yang baik dibuat oleh pengurusan baru ini tidaklah pula kita tidak boleh kata ia baik, kita mesti beri pujian kepada yang melakukan kebaikan.

Soal siapa yang membuat perkara yang tidak baik, itu kita periksalah rekod masing-masing. Jika orang lain boleh buat lebih baik daripada kita, kita harus mengakui itu yang baik dan kita tidak guna hendak mengungkitkan perkara-perkara yang lama kerana keutamaan Kerajaan ialah hendak memulihkan syarikat ini. Kita tidak hendak meletakkan kesalahan di sana-sini seperti yang dijual oleh Ahli-ahli parti Pembangkang. Banyak kepentingan Kerajaan di sini, misalnya dari segi sekarang ini pun, kalau kita

tidak susun semula, kita terpaksa juga membayar hutang kita berkaitan dengan pelaburan ini.

Yang kedua, masalah kakitangan, kemudian masalah pembangunan tempatan di kawasan itu, ada berapa yang kita hendak fikirkan. Menyentuh Ahli dari Besut juga, ini satu bukti yang nyata tentang tuduhan Semangat 46. Apa yang kita lakukan perkara yang tidak betul, yang kita buat tidak betul kita pun mengaku apa yang kita tidak betul, tetapi tidaklah kerana satu projek PERWAJA ini sahaja sebagai satu alasan boleh kita mengatakan Kerajaan hari ini langsung tidak berguna kerana kebaikan tidak ada langsung disebut dalam ceramah-ceramah yang dilakukan oleh Semangat 46, cuma membangkitkan isu PERWAJA. Memadai kah isu PERWAJA ini menenggelamkan seluruh kebaikan yang telah dilakukan oleh Kerajaan hari ini semenjak merdeka? Itu persoalan kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya kembali kepada jawapan bagi ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat menyentuh perkara yang sama. Jadi, berkenaan dengan tajuk perbahasan kita hari ini, iaitu peruntukan sebanyak \$250 juta kepada PERWAJA ini adalah dalam satu rangka penyusunan semula PERWAJA untuk meneruskan pelaburan Kerajaan ini supaya kita berharap akan dapat menyelematkan syarikat ini.

Sebagaimana yang kita semua maklum, penyusunan semula syarikat PERWAJA Terengganu Sendirian Berhad (PTSB) adalah sedang berjalan. Penyusunan semula syarikat tersebut bukan sahaja melibatkan pihak pengurusan, tetapi juga organisasi korporat dan modal syarikat. Untuk menjadikan PTSB sebuah syarikat yang menguntungkan, salah satu langkah yang diambil adalah penubuhan sebuah angka syarikat baru iaitu PERWAJA Steel Sendirian Berhad (PSSB) dengan

modal dibenar sebanyak \$1 billion. Modal berbayar syarikat ini pula ialah sebanyak \$680 juta yang mana adalah terdiri daripada \$430 juta permodalan aset beroperasi yang dipindahkan daripada PTSB dan \$250 juta dalam bentuk ekuiti baru. Untuk ekuiti baru tersebut, pihak Kerajaan bersetuju untuk memberi peruntukan sebanyak \$250 juta yang diperuntukkan sekarang ini dalam bentuk convertible redeemable preference shares, ekuiti Kerajaan berkenaan boleh diambil semula, ataupun redeemed apabila syarikat baru berkenaan, iaitu PERWAJA Steel Sendirian Berhad telah berkeupayaan dari segi kewangan kelak.

Unjuran aliran tunai syarikat menunjukkan bahawa nilai mulai daripada tahun 1991, aliran masuk tunai akan diperolehi dan selepas tahun 1994, syarikat berkenaan dijangka mempunyai simpanan tunai yang kukuh. Lebihan tunai yang ada kelak bolehlah digunakan untuk mengambil semula ataupun redeem modal yang dipakai oleh pihak Kerajaan.

Jadi, dengan penjelasan ini, Tuan Pengerusi, saya berharap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi telah terjawab. Tentang kesilapan dan kesalahan yang telah berlaku, seperti yang saya sebutkan, itu perkara yang telah lalu. Keutamaan Kerajaan hari ini ialah bagaimana hendak menyusun semula syarikat ini supaya menguntungkan dan kita dapat menyelamatkan satu pelaburan.

Peruntukan sebanyak \$250 juta ini adalah satu peruntukan ekuiti yang kita anggarkan kita akan dapat kutip semula. Bukanlah satu pembaziran wang rakyat seperti yang disebut dan ini bukanlah kali pertama kita, Kementerian Kewangan, khususnya Kerajaan menyelamatkan syarikat-syarikat sama ada pelaburan Kerajaan ataupun badan berkanun . . .

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Besut bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Minta penjelasan ringkas sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tadi Semangat 46 hanya mengemukakan satu kes sahaja, iaitu PERWAJA. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Perhimpunan Agung Khas Semangat 46 baru-baru ini, ada 17 projek yang disenaraikan secara rasmi dan Yang Berhormat Mulia Presiden Semangat 46 yang sudah menunggu untuk menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebagaimana yang dijanjikan dan untuk menyerahkan itu. 17 projek yang disenaraikan itu telahpun disiarkan di dalam surat-khabar, media massa, ini termasuk PERWAJA salah satu daripadanya. Yang lain, 15 lagi termasuklah umpamanya MAMINCO, MAKUASA, DAYABUMI, UEM dan lain-lain. Saya tidak hendak senaraikan semua. Jadi, kalau beginilah keikhlasan pihak Kerajaan, apabila mengakui kesilapan satu projek PERWAJA dan sanggup bersedia untuk mengatasinya dan menelitinya, tidaklah terus menuduh bahawa pihak kami membuat fitnah sahaja merata-rata, maka saya harap atau saya minta bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak Kerajaan memberi jaminan projek-projek lain, 15 lagi itu sekurang-kurangnya juga akan diberi perhatian yang sama untuk kebaikan negara.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, itu bukan urusan saya. Itu terpulanglah kepada Presiden Parti Semangat 46 hendak berbincangan dengan siapa pun, terpulanglah kepada beliau. Tugas saya, kerja saya pada hari ini ialah menjawab perkara yang dibangkitkan berkaitan

dengan peruntukan \$250 juta, Tuan Pengerusi. Itu perkara yang terlalu tinggi, yang politiknya saya tidak tercapai.

Tuan Pengerusi, saya rasa apa yang kita lakukan ini adalah patut memandangkan bahawa kita perlu menyelamatkan PERWAJA. Seperti yang saya sebut bukan sahaja untuk memulihkan keadaan syarikat ini, tetapi disamping itu kita telahpun terpaksa membayar hutang dan juga faedah pinjaman yang telah kita lakukan. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,500,000 untuk Maksud B.30 dan \$205,400 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,500,000 untuk Maksud B.30 dan \$205,400 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$250,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$250,000,000 untuk Maksud P.28 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1989.

Maksud B.34 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

6.30 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, sebanyak \$26,600,000 adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan harga ubat-ubatan dan bahan-bahan lain. Di sini saya hendak menekankan beberapa perkara mengenai peruntukan seperti ini. Saya persetujuan bahawa tambahan kos ini adalah diperlukan kerana bilangan pesakit luar dan dalam hospital-hospital di negara ini telah bertambah kerana bertambahnya kependudukan dan hospital-hospital besar seperti Hospital Besar Kuala Lumpur adalah mungkin yang paling besar di dalam negara ini dan di rantau ASEAN di mana kita terpaksa memberi rawatan kepada pesakit luar yang paling ramai di rantau ini.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Dengan hakikat ini memanglah kos untuk membeli ubat itu melambung naik, tetapi ada beberapa perkara yang hendak saya tekankan di sini, iaitu pertamanya, cara memilih membeli ubat, kerana di dalam pasaran ada banyak jenis ubat dan syarikat-syarikat yang membuat ubat. Ada trade products yang mahal dan ada generic products yang lebih murah. Jadi, saya berharap apabila pihak Kerajaan memilih memberi tender kepada syarikat-syarikat tertentu, kita hendaklah memastikan mutu ubat yang dibeli itu, kerana di dalam negara ini ada banyak orang yang hendak menipu. Di setengah-setengah tempat, termasuk di kawasan saya di Jinjang, Kepong dan juga di Butterworth dan banyak lagi tempat yang mempunyai kilang-kilang haram yang dapat membuat ubat, dengan jenis yang sekali imbas dia

memang seperti ubat trade products yang sangatlah baik, dan dengan mutu yang tulin.

Tuan Pengerusi, saya ada beberapa jenis di sini yang dibuat oleh kilang-kilang haram dan saya berharap ia tidak akan masuk ke Hospital Besar. Banyak jenis di sini yang saya ada, seperti penicillin pun ada, yang tetracycline pun ada, entahlah untuk rheumatoid arthritis pun ada serta jenis-jenis ubat Panadol buatan kilang-kilang haram, macam ini yang tulen dan banyak lagi. Walaupun ada penguatkuasaan, ada ahli-ahli penguatkuasaan, ada yang cerdik, ada yang rajin yang dapat menguatkuasakan, yang dapat menangkap orang-orang yang salah, yang berdosa ini, yang membuat ubat tanpa lesen, yang membuat ubat yang boleh meracunkan rakyat Malaysia, tetapi setakat ini tindakan yang diambil oleh Kerajaan belum mencukupi yang menghapuskan semua orang yang jahat ini, kerana kilang-kilang haram ini masih banyak terdapat di negara ini.

Tuan Pengerusi, dengan ubat-ubatan yang ditambahkan di dalam hospital ini, kita haruslah adakan dasar yang lebih berkesan dari segi setor untuk ubat-ubatan ini kerana kalau setor tidak baik dan ubat-ubat ini disimpan dalam keadaan yang tidak sesuai, jadi banyak pembaziran dan pemborosan.

Ada lagi satu perkara mengenai penggunaan ubat-ubat, terutamanya antibiotik, kerana amalan penggunaan antibiotik ini kadangkala tidak betul, salah dan tidak diberi dengan tepat dan tempoh yang diberi tidak wajar dan sebagainya. Walaupun banyak usaha yang dibuat oleh pihak Hospital untuk memperbetulkan keadaan ini, tetapi masih wujud perbuatan yang tidak betul.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang berlaku di Hospital Kelang, di mana

ada timbulnya masalah infeksi MRSA iaitu Methicillin Resistant Staphylococcus Aureus, ini satu jenis kuman yang sangat bisa dan timbul kerana penyalahgunaan antibiotik. Pada 4hb yang lalu ada dikeluarkan satu laporan di dalam akhbar mengenai kematian bayi yang baru lahir. Sejak bulan Januari tahun ini lebih daripada 19 bayi yang baru lahir itu telah mati di hospital itu dan disyaki ada kena mengena dengan infeksi tersebut, kerana bahayanya infeksi seperti ini, antibiotik yang biasa tidak mujarab untuk mengubatnya. Kalau tidak mujarab, ini boleh merebak, menjadi wabak. Walaupun ada tindakan diambil selepas laporan akhbar ini, saya percaya ini belum mencukupi kerana setakat ini kita tidak dapat tahu apakah yang sebenarnya berlaku di dalam Hospital Kelang mengenai bayi yang meninggal dunia. Mengenai MRSA iaitu kuman yang berbisa ini, setakat manakah pencegahan dapat dibuat, setakat mana infeksi ini dapat merebak dan sebagainya?

Pada pendapat saya, pihak orang awam tidak mengetahui apa yang terjadi dengan masalah yang serius ini. Oleh sebab itu, semasa membentangkan bekalan tambahan ini, dengan Maksud B.34 itu, dengan permintaan lebih \$26 juta ini untuk menampung perbelanjaan tambahan ke atas ubat-ubatan, saya berharap pihak Kementerian dapat mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk menjaga ubat yang dibeli dan untuk memastikan bahawa tidak berlakunya penyalahgunaan ubat-ubat seperti antibiotik supaya pesakit-pesakit di dalam ataupun di luar hospital tidak akan dijangkiti kuman yang berbisa tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Di jemput Timbalan Menteri menjawab.

6.39 *ptg.*

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah membangkitkan 3 perkara sahaja iaitu berkenaan cara membeli ubat, penguatkuasaan tentang pembuatan ubat-ubat tiruan dan dasar setor ubat dan berkaitan dengan penyalahgunaan antibiotik di Hospital Besar, Kelang.

Berkenaan dengan pembelian ubat, kita mempunyai dasar-dasar tertentu dan juga cara-cara tertentu untuk menentukan bahawa ubat yang dibeli itu adalah ubat yang berkesan untuk mengubat penyakit dan tentu sekali kita tidak akan membeli sesuatu ubat yang mungkin tidak akan membawa sebarang manfaat kepada pesakit-pesakit. Walau bagaimanapun, teguran Yang Berhormat itu bolehlah diambil perhatian.

Mengenai perkara yang kedua iaitu kilang-kilang haram ubat tiruan, kita tidak menafikan bahawa ada kilang-kilang haram membuat ubat-ubat tiruan di Malaysia dan oleh kerana itu maka kita telahpun juga mempertingkatkan dari satu masa ke satu masa mengenai penguatkuasaan ke atas kilang-kilang haram di sini. Walau bagaimanapun, kita akan terus menentukan bahawa penguatkuasaan ke atas kilang-kilang haram yang disebutkan itu akan terus diperketat dan di pertingkatkan lagi.

Berkenaan dengan perkara yang ketiga, iaitu dasar setor ubat, saya rasa tujuan Yang Berhormat ialah hendak membangkitkan berkenaan dengan masalah MRSA di Kelang. Walau bagaimanapun, kita telahpun siasat dan beberapa tindakan telah diambil dan semua fakta-fakta yang berkaitan dengan kes ini telah dan sedang pun disiasat dengan lebih mendalam supaya perkara yang mungkin telah ditegur itu dapat dikesan dengan lebih bermakna.

Walaupun bagaimanapun, teguran-teguran daripada Yang Berhormat ini akan diambil perhatian dan saya tidak ada lagi hendak ditambah, itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$26,600,000 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$26,600,000 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.42 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1989)—

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud P.42 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$475,000 yang disetujui dalam Maksud P.42 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Dalam Negeri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$475,000 untuk Maksud P.42 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1989.

Maksud P.45 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1989)—

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud

P.45 di bawah Kementerian Buruh terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

6.44 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, ketiga-tiga projek Institut Latihan Perindustrian di Alor Setar, Melaka dan Kuantan menerima peruntukan tambahan sebanyak lebih \$9 juta bagi menampung perbelanjaan pembayaran alat-alat kelengkapan. Pembinaan ketiga-tiga ILP ini telah mengalami kelewatan dan hanya dapat disiapkan dalam tahun 1989. Akibat daripada kelewatan menyiapkan pembinaan, adakah kontraktor dikehendaki membayar wang ganti-rugi, jika tidak, mengapa. Siapakah kontraktor yang diberi tawaran membina tiga ILP ini, berapakah kos pembinaan asal setiap ILP ini akibat daripada kelewatan menyiapkan ILP, apakah kos tambahan yang terpaksa di belanjakan bagi setiap ILP berkenaan?

Tuan Pengerusi, pada asalnya apakah tempoh masa yang ditetapkan bagi pembinaan ketiga-tiga ILP ini, sebanyak manakah hari bekerja projek pembinaan setiap ILP terlewat disiapkan? Apakah di antara faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan ini?

Tuan Pengerusi, akibat kelewatan menyiapkan pembinaan, apakah kesan terhadap program iaitu di segi latihan tenaga kerja, perindustrian di negeri-negeri tersebut terjejas, dengan siapnya ILP ini berapa ramaikah orang yang boleh dilatih pada satu-satu masa, apakah jenis latihan perindustrian yang disediakan serta bidang-bidang teknologi yang akan diberi keutamaan di setiap ILP ini, malahan di ILP di sekitar negara. Adakah ILP ini akan mempunyai apa-apa perhubungan dengan menggalakkan pelabur asing memindah teknologi serta melatih tenaga kerja tempatan, jika ia, secara

manakah penglibatan pelabur asing dalam ILP ini?

Tuan Pengerusi, kita perlulah banyak institut seperti ini untuk melatih belia-belia Malaysia menjadi lebih mahir di dalam bidang-bidang yang tertentu kerana dengan pertumbuhan industri di negara ini sekian lama, sekian ramai pekerja yang terlatih diperlukan untuk memenuhi keperluan tenaga buruh.

Tuan Pengerusi, dengan adanya institut-institut seperti ini dan dengan pengurusan yang baik dan latihan yang baik sekurang-kurangnya saya berharap kita dapat mengurangkan pekerja-pekerja daripada negara yang lain masuk ke negara ini dan juga kita hendaklah mengambil perhatian bahawa janganlah kita melatih mereka ini sehingga mereka lari ke negara yang lain. Akibat daripada upah yang rendah dan faktor-faktor yang lain, terdapat sejumlah besar buruh Malaysia bekerja di luar negeri. Dalam satu laporan akhbar pada akhir bulan November lalu, Menteri Buruh sendiri membuat . . .

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus bangun.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan daripada Wakil Kepong mengenai latihan-latihan belia-belia kita ini. Adakah Yang Berhormat dapat tahu latihan-latihan yang diberi itu hanya sekadar untuk andaian, cuma untuk "cari makan" sahajakah, misalannya untuk welding apa-apa—magnanya latihan-latihan cara kepandaian kecil sahaja, begitu sahajakah ataupun apa sebagaimana Yang Berhormat tahu bahawa latihan

ini daripada mula hingga sampai menjadi seorang pakar, bijak betul ataupun hanya sebagai sementara sahaja untuk latihan-latihan sekadar "cari makan" begitu sahajakah, itu satu.

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat ada maklumat tentang belia-belia yang telah dihantar oleh Kerajaan ke Jepun dahulu adakah masih lagi dihantar sekarang ataupun sudah tamat cerita itu. Dan belia-belia yang telah belajar di Jepun dahulu, apakah kebolehan mereka daripada Jepun yang dia boleh balik dan tunjuk kepandaian mereka kepada negara kita untuk membangunkan apa-apa ataupun sebarang apa yang dapat dibuktikan yang mereka pergi belajar di Jepun dahulu ataupun sekarang telah habis kisah itu. Jadi, saya minta Yang Berhormat memberi penerangan sedikit kalau adalah maklumat-maklumat itu. Terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang Ahli dari Kuala Nerus bangkitkan perkara yang penting. Yang pertamanya, maklumat yang mutakhir tidak didapati di negara ini mengenai buruh-buruh yang belajar atas Dasar Pandang ke Timur. Dasar Pandang ke Timur ini memang kita tidak nampak kesan dari segi pekerja yang mahir. Tidak ada langsung laporan ataupun maklumat mengenai apa yang terjadi sekarang, apakah prestasinya, tidak nampak. Jadi saya pun takut ada pembaziran wang yang banyak untuk menghantar orang-orang yang kita tidak dapat tahu prestasinya.

Keduanya, mengenai latihan di institut ini, setakat ini memang saya setuju dengan membina banyak institut untuk tujuan melatih pekerja belia negara ini, tetapi setakat ini maklumlah prestasi itu kita tidak nampak lagi. Mungkin mereka ini dilatih untuk kerja-kerja remeh-temeh sahaja, yang mahir itu tidak nampak lagi. Jadi kita

berharaplah pihak Kerajaan dapat menunjukkan kebolehan mengenai prestasi institut latihan ini supaya kita nampak prestasi yang lebih tinggi lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai pengumuman Menteri Buruh bahawa terdapat kira-kira 100,000 orang rakyat Malaysia yang sedang bekerja di luar negeri, kita memanglah hendak mengambil perhatian mengenai perkara ini supaya rakyat Malaysia tidak berhijrah ke negara lain walhal terdapat lebih 300,000 orang Indonesia kerana faktor-faktor yang tertentu dapat diupahi untuk menjadi buruh di estet-estet dan selepas menjadi mahir di dalam hal buruh estet ini, mereka dapat kembali ke Indonesia untuk bekerja di ladang-ladang raksaksa di Indonesia untuk bersaing dengan negara Malaysia. Jadi kita hendaklah sentiasa berwaspada perkara seperti ini tidak terus berlaku supaya kita jangan latih orang di Malaysia sama ada buruh daripada Indonesia ataupun pekerja kita sendiri dan kemudian rugi kerana mereka berhijrah ke negara lain ataupun diupah balik oleh pihak negara jiran. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila jawab.

6.54 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Beberapa sebab telah melambatkan penyelesaian projek-projek ini, di antaranya pembelian equipment dan sebagainya dan kita sekarang ini boleh mengatakan kita telah menyiapkan 11 pusat latihan yang kita telah cadangkan itu.

Mengenai kursus yang dijalankan di institut-institut ini ada 25 jurusan latihan, panjang senarainya, dan kita

akan menempatkan kursus yang tertentu di pusat-pusat yang tertentu, jadi bukan semua ILP yang akan menawarkan semua 25 bidang kursus ini. Kita sentiasa cuba mewujudkan latihan dalam kursus-kursus atau bidang jurusan kemahiran yang perlu untuk ekonomi kita. Bilangan pelatih pun akan dapat dipertingkatkan secara berperingkat, kerana tenaga pengajar dan sebagainya diperlukan. Kita harap di satu-satu institut ini kita dapat memenuhi target lebih kurang 350 purata pelatih setahun dikeluarkan.

Berkaitan dengan pelabur, memang Jabatan Tenaga Rakyat dan Jabatan Latihan mempunyai perhubungan yang kuat dan rapat dengan pelabur sampai kita mewujudkan kursus-kursus "custom made" iaitu kursus-kursus yang istimewa diadakan untuk sebuah syarikat yang memerlukan latihan atau kemahiran yang tertentu. Kita memang harap dapat pertingkatkan perhubungan ini untuk menentukan latihan itu sentiasa relevant, tetapi pada masa ini kita dapat mengatakan bahawa kebanyakan pelatih dapat diserap dalam pekerjaan tanpa kelambatan yang begitu besar.

Mengenai peringkat kemahiran adakah ini remeh-temeh sahaja, saya rasa tidak payahlah Yang Berhormat bimbang berkenaan perkara itu. Latihan yang dijalankan pada masa ini sudahpun dalam dua tahun yang lalu ditingkatkan ke tahap intermediate walhal kita sebelum itu hanya menjalankan latihan di peringkat asas di kebanyakan tempat. Pada masa ini kita menjalankan latihan intermediate dan di pusat latihan Advance Training Centre di Shah Alam kita juga mempunyai Advance Level Training. Jadi banyak perubahan yang dibuat dan dipertingkatkan dalam kemahiran atau tahap pencapaian pelatih.

Saya ucapkan terima kasih di atas perhatian beliau kepada pelatih-pelatih

yang berhijrah ke luar. Ini bukanlah satu masalah mengenai latihan, tetapi ini satu masalah yang lebih besar, penarikan di luar negeri dan sebagainya. Tetapi saya rasa kebanyakan dari mereka yang kita melatih digajikan di tanahair kita juga. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$9,516,000 yang disebutkan dalam Maksud P.45 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Buruh hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$9,516,000 untuk Maksud P.45 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1989.

Maksud P.47 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1989)—

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$80 yang disebutkan dalam Maksud P.47 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan. Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$80 untuk Maksud P.47 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1989.

Maksud B.53 (Jadual Ketiga)—

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kepala Bekalan B.53 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$11,000,000 untuk Maksud B.53 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$11,000,000 untuk Maksud B.53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Fasal 1 dan 2 jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$313,781,200 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung

sejumlah \$313,781,200 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1990 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatan-kuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$313,781,200 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$313,781,200 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1990 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat,

masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$313,781,200 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$313,781,200 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1990 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.02 malam.